

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGKAL KEEMPAT
Fourth Session
MESYUARAT KEDUA
Second Meeting

Jilid IV
1998

Bil. 23

Hari Khamis

13 Ogos

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) 1998 (Ruangan)
- Rang Undang-undang Lembaga Perkhidmatan Kewangan
Luar Pesisir Labuan (Pindaan) 1998 (Ruangan)
- Rang Undang-undang Industri Pelancongan (Pindaan) 1998 (Ruangan)
- Rang Undang-undang Kumpulan Wang Pembangunan (Pindaan) 1998 (Ruangan)

USUL-USUL:

- Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat
dan Penangguhan (Ruangan)
- Usul di Bawah Peraturan Mesyuarat 78(3)
- *Pembentangan Penyata Khas Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat
Dewan Negara* (Ruangan)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah bin Gaddam, P.G.D.K., P.S.M., J.S.M. (Dilantik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Dato' Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- “ Dato' Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)

- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Dilantik)
- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)

Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)

- “ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)
- “ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)

- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)
- “ Tuan S. Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)
- ” Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)

Yang Berhormat Datuk Haji Sairin bin Karno (Sabah)

- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)
- “ Tuan Tan Ek Huat (Perak)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)
- “ To’ Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk Yee Lung Fook Geoffrey (Dilantik)

- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)
- “ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

- Setiausaha Dewan Negara : Abdullah bin Abdul Wahab
- Ketua Penolong Setiausaha : Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Salamat
- Penolong Setiausaha : Nor Hayatee binti Abdullah
Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI

- Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
- Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
Hajah Supiah binti Dewak
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop
- Mohamed bin Osman
Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Ramlah binti Mohd. Yusuff
Nora'ini binti Hetam
Miskiah binti Hassan
- Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

- Bentara Mesyuarat : Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin
bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 13 Ogos 1998

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

—

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

KADAR FAEDAH BANK - PENDIRIAN KERAJAAN

1. **Puan Hajah Habshah binti Haji Osman** minta Menteri Kewangan menyatakan pendirian Kerajaan mengatasi polisi kadar faedah Bank yang akan dikuatkuasakan untuk memulihkan ekonomi negara.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, dasar kadar faedah adalah bertujuan untuk menseimbangkan keperluan bagi menstabilkan harga dan kadar pertukaran wang asing di samping memastikan aktiviti yang produktif tidak terjejas. Semenjak bermula krisis kewangan pada bulan Julai 1997 kadar tiga bulan antarabangsa telah ditingkatkan bagi membendung tekanan inflasi disebabkan penurunan nilai ringgit.

Tekanan inflasi perlu dibendung bagi mengekalkan kuasa beli domestik terutama kepada kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana, di samping memulihkan keyakinan pasaran dan mengekalkan daya saing di peringkat

antarabangsa. Oleh itu kadar faedah mestilah berada pada tahap yang membolehkan penyimpan menikmati kadar pulangan yang sebenar yang positif. Tahap kadar faedah yang bersesuaian adalah diperlukan bagi membendung aliran dana ke luar negara. Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, kerajaan sedar akan kos pinjaman yang tinggi dan telah mengurangkan nisbah minimum keperluan rizab berkanun (SRR) institusi perbankan dari 13.5% kepada 10% pada bulan Februari 1998 dan seterusnya pada 8% pada Julai 1998. Penurunan SRR tersebut telah merendahkan kadar belian pinjaman asas ataupun BLR bagi bank perdagangan dan syarikat masing-masing pada 12.04% setahun dan 14.42% setahun bagi bulan Ogos 1998. Pada 3 Ogos 1998 kadar faedah tiga bulan campur tangan BNM telah dikurangkan daripada 11% kepada 10.5% dan seterusnya kepada 10% pada 10 Ogos 1998 untuk mengurangkan kos dana.

Walau bagaimanapun, kesan pengurangan BLR ini akan hanya dapat dilihat mulai bulan September 1998. Ini adalah kerana kadar purata wajaran antara bank yang digunakan bagi pengiraan BLR semasa adalah berdasarkan kadar purata berwajaran antara bank bagi bulan sebelumnya.

Tuan Tan Swee Hueng: Terima kasih, soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apakah akan terjadi reaksi depositor atas polisi menurunkan kadar faedah dan berhubungan dengan kadar faedah yang tinggi di negeri jiran?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya lebih suka jawab soalan dari segi sama ada haruskah rakyat Malaysia tertarik kepada kadar faedah atau deposit ringgit yang tinggi yang dibayar oleh bank-bank Singapura. Yang pertama sekali rakyat Malaysia harus sedar bahawa negara memerlukan simpanan mereka untuk membiayai pemulihan ekonomi negara. Pemulihan ekonomi akan memperbaiki keadaan kebajikan mereka serta kebajikan anak-anak mereka bagi jangka masa panjang dan ia perlu diimbangkan dengan keuntungan jangka pendek yang diperolehi daripada menyimpan wang mereka di luar negara.

Yang kedua, mereka yang bercadang untuk menyimpan wang di luar negeri harus menyedari bahawa terdapat berbagai bayaran dan syarat yang dikenakan apabila menghantar wang ke luar negara. Bayaran dan syarat tersebut mungkin tidak nyata pada mulanya tetapi ia akan menjadikan penyimpanan luar negara tidak begitu menarik seperti yang dijangkakan.

Dan yang ketiga ialah kadar faedah yang tinggi ini adalah sementara sahaja. Yang harus dipertimbangkan ialah hakikat bahawa pada kebiasaannya mereka yang menyimpan wang di luar negara mungkin melanggar peraturan kawalan pertukaran asing.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu bahawa ada sekumpulan rakyat yang suka menyimpan di luar negara kerana mereka mungkin tertarik dengan faedah yang tinggi. Jadi, saya ingin bertanya berapa banyak pula dana pinjaman yang digunakan oleh rakyat Malaysia untuk membuat pinjaman daripada sumber kewangan Singapura dan berapa pula faedah yang dikenakan kepada pendeposit wang negara ini kepada pinjaman-pinjaman yang dipohon oleh mereka yang memerlukan pinjaman tersebut. Terima kasih.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak memperolehi maklumat secara terperinci seperti ini, tetapi mengikut rekod yang terdapat iaitu dalam soal influx atau out flow dan in flow kewangan yang berlaku di antara Singapura dan Malaysia itu pada keseluruhannya yang keluar (out flow) itu hanya RM700 milion sahaja dan yang in flow itu RM600 milion sahaja. Jadi yang selisih lebihan itu yang keluar dari negara ini adalah RM100 milion sahaja. Dan berapakah yang digunakan untuk simpanan itu tidak diperolehi, oleh kerana kita mempunyai polisi yang liberal untuk membenarkan sesiapa sahaja membawa duit secara tunai ke luar dari negeri ini dan ini tidak melalui sistem perbankan kita. Apakah angka yang saya sebutkan tadi adalah melalui sistem perbankan di negara kita.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Maaf. Dari segi faedah, Yang Berhormat belum lagi menjawab, berapa faedah yang dikenakan?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, ini berubah-ubah, dalam masa kecemasan macam dua bulan ataupun tiga bulan yang dahulu telah sampai ke peringkat 40% yang paling tinggi sekali, tetapi pada masa sekarang yang ada berubah-ubah di antara 19% dan 20%.

Tuan N. Marimuthu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah menyatakan supaya rakyat Malaysia memajukan barang kemas mereka di luar negara, dan mendapatkan pulangan wang untuk memulihkan ekonomi negara. Bagaimanakah kriteria dan caranya untuk melaksanakan, saya minta penjelasan kementerian.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan lain, lain sedikit soalan itu.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya berpendapat masalah ekonomi negara Malaysia ada hubungkait dengan negara-negara jiran, dan suasana ekonomi akan melibatkan kadar faedah dan pemulihan ekonomi negara. Ini sekarang dipercakapkan. Saya ingin mendapat pandangan pihak kerajaan jika kemungkinannya negara China, dia value currency Yuan. Apakah pandangan Malaysia, dan apakah persediaan Malaysia di peringkat awal jika ini berlaku?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, ini memang satu soalan yang secara spekulatif, tetapi mungkin juga China akan mengambil sikap untuk menurunkan nilai mata wang Yuan, disebabkan kemungkinan Jepun masih degil tidak berupaya untuk menukarkan ataupun mereformasikan struktur perbankan Jepun itu dan membiarkan nilai Yuan Jepun menurun dan mungkin ini memaksakan China untuk bertindak sedemikian. Ini adalah disebabkan kerana dengan keadaan seperti ini barangan Jepun akan menjadi lagi kompetitif oleh kerana penurunan nilai Yen itu, dan lebih kompetitif lagi pengeluaran daripada China ataupun negara-negara di rantau ini, dan dengan demikian ini adalah menjadi satu tekanan untuk China berbuat demikian.

Dan dengan itu dengan harapan supaya China dapat menjualkan dan menjadi lebih kompetitif dalam dunia. Dan kalau perkara ini berlaku, ini akan menjejaskan nilai Ringgit Malaysia dan nilai mata wang di rantau ini, dan akibatnya adalah sangat buruk dan kita berharaplah keadaan seperti ini tidak akan berlaku.

TABUNG HAJI - JUMLAH PENYIMPAN DAN WANG TERSIMPAN

2. **Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa ramaikah umat Islam menyimpan wang dalam Tabung Haji sehingga 30 Jun 1998; dan
- (b) berapa banyakkah wang terkumpul dari penyimpan-penyimpan sehingga 30 Jun 1998.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan:

- (a) Bilangan umat Islam yang menyimpan wang dalam Tabung Haji sehingga 30 Jun 1998 ialah seramai 3,331,562 orang.
- (b) Jumlah wang terkumpul dari penyimpan-penyimpan sehingga 30 Jun 1998 ialah sebanyak RM5,959,783,134.90.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita ucap tahniah kepada Tabung Haji kerana dapat menggerakkan usaha meningkatkan penyimpan sebanyak RM5.9 bilion. Soalannya ialah daripada RM5.9 bilion ini berapa banyakkah punca kewangan ini digunakan bagi memberi pinjaman-pinjaman ataupun, satu, pinjaman-pinjaman kepada syarikat-syarikat di negara ini, yang keduanya berapa banyakkah pelaburan yang telah dibuat oleh Tabung Haji kepada saham-saham dalam Bursa Saham Kuala Lumpur, dan bagaimanakah kemerosotanya yang mungkin akan menjejaskan pelabur-pelabur dan penyimpan-

penyimpan yang rata-ratanya terdiri daripada orang Islam di seluruh pelosok negara dan kebanyakannya pula mereka di luar bandar.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, setahu saya Tabung Haji tidak memberi pinjaman ke mana-mana setakat ini, tetapi Tabung Haji ada membuat pelaburan, ini biasalah sebab dalam Akta Tabung Haji di benarkan pihak Tabung Haji mengadakan anak-anak syarikat dan membuat pelaburan di bidang perdagangan yang menguntungkan. Jadi memanglah sebelum keadaan ekonomi yang kurang baik bolehlah dikatakan keseluruhan bidang yang dimasuki pelaburan oleh Tabung Haji mendapat pulangan yang baik, tetapi kita tidak boleh menafikan, dengan sebab keadaan ekonomi yang kurang baik memanglah sedikit sebanyak terjejas di sana sini. Tetapi jumlah yang sebenar berapa kita melibatkan pelaburan, saya tidak ada perangkaan yang tepat.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, dengan wang Tabung Haji yang disimpan oleh umat Islam di Tabung Haji, soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua, berapa peratus kerajaan telah menghadapi jumlah wang susut nilai dari wang Tabung Haji yang disimpan dan bagaimana setakat ini, adakah pihak kerajaan menghadapi masalah dengan penyimpan-penyimpannya? Terima kasih.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, tentang susut nilai ini kalau kita bandingkan dengan mata wang tertentu memang kita mempunyai susut nilai yang tertentu. Tetapi kalau kita bandingkan mata wang lain yang rendah daripada kita, kita tak ada apa-apa susut nilai. Kalau kita bandingkan Rial Saudi dengan USA Dollar memang kita mempunyai susut nilai dari segi mata wang kita. Jadi setakat ini kita sama-sama menempuh keadaan, masalahnya kita menggunakan mata wang kita, mata wang Malaysia. Mana-mana sekalipun kita akan menempuh keadaan serupa sahaja sama ada Tabung Haji ataupun bukan.

Mengenai penyimpan-penyimpan yang menyimpan dalam Tabung Haji tidak ada apa-apa masalah, hanya kalau adapun, kalau sekiranya kita perlu menaikkan wang

tambang hendak pergi ke Mekah biasalah, terpaksa kita menentukan penambahan wang kita bagi pergi ke Mekah. Jadi siapa yang hendak pergi terpaksa menambah, siapa yang tak mampu tidak wajib bagi mereka untuk pergi ke Mekah. Kita dapat tahu bahawa bagi Indonesia kalau pergi ke Mekah dulu 8 juta Rupiah, sekarang 27 juta Rupiah. Jadi bandingkanlah keadaan kita hanya menambah RM1,000 lebih sedikit sahaja, tetapi sesetengah negara terpaksa tiga kali ganda daripada yang sepatutnya jika dibandingkan dengan masa-masa yang lepas. Bagi pihak Tabung Haji setakat ini tidaklah banyak menghadapi masalah dengan penyimpan-penyimpan, hanya kita harap ia berjalan dengan baik.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Tadi Yang Berhormat Dato' ada menyebut Tabung Haji ada membuat pelaburan dan sudah tentu dalam pelaburan ini ada syarikat-syarikat yang terjejas. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Dato' nama anak-anak syarikat atau syarikat-syarikat yang dimiliki oleh Tabung Haji yang terlibat dengan pelaburan ini, dan kedudukan syarikat-syarikat itu sekarang. Dan kalau sekiranya mengalami kerugian, berapa jumlah kerugian anak-anak syarikat ini?

Tuan Yang di-Pertua: Adakah memerlukan notis?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, memang kita ada banyak anak syarikat seperti Tabung Haji Plantation Berhad, Tabung Haji High-Tech Berhad dan sebagainya. Yang banyak menguntungkan sekarang ialah mengenai dengan tanaman kelapa sawit dan sebagainya, ini banyak mendapat keuntungan kepada Tabung Haji, tetapi yang lain itu kalau kita melabur dari segi dalam saham memang kita tidak nafilah, keadaan saham sekarang agak merosot. Jadi saya tidak dapat memberikan angka yang sebenarnya, mana syarikat yang banyak untung, mana yang rugi dan berapa jumlah untung, saya tidak dapat berikan.

**CARUMAN KWSP - PENGELUARAN UNTUK
KEPERLUAN HARIAN**

3. **Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akan mengkaji pengeluaran wang untuk ahli-ahlinya yang telah hilang pekerjaan. Suatu program pengeluaran wang seharusnya dilaksanakan oleh KWSP untuk meringankan beban di masa kegawatan ekonomi. Tumpuan seharusnya diberi supaya ahli-ahli tersebut dapat menampung keperluan seharian dan pendidikan anak-anak.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di Pertua, KWSP tidak bercadang membenarkan pencarum mengeluarkan simpanan mereka untuk tujuan menampung keperluan seharian dan pendidikan anak-anak kerana ia tidak selaras dengan objektif KWSP. Simpanan KWSP adalah untuk tujuan persaraan ahli dan sebarang skim pengeluaran baru yang bukan untuk tujuan persaraan akan menjejaskan serta mengurangkan jumlah simpanan ahli untuk persaraan mereka. Bagi menjamin simpanan ahli mencukupi untuk menyara kehidupan semasa persaraan, KWSP terpaksa menghadkan pengeluaran sebelum persaraan. Pengeluaran yang dibenarkan sekarang ialah untuk perumahan, kesihatan, pelaburan melalui institusi pengurusan dana adalah memadai. Oleh itu pengeluaran untuk menampung keperluan harian tidak wajar dibenarkan.

Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Saya ingin tahu bagaimana KWSP mengesan mereka yang tidak mengambil wangnya, dan kalau tidak diambil wang itu ke mana letaknya, apakah digunakan wang itu? Kerana saya juga dapat satu senarai nama-nama mereka yang tidak dapat mengambil, yang meninggal atau mati tetapi tidak mempunyai alamat yang cukup. Bagaimana keadaan wang itu?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di Pertua, KWSP memang menyediakan satu senarai untuk wang yang tidak dikeluarkan. Jadi senarai ini adalah dijilidkan dalam buku dan biasanya diedarkan kepada semua Ahli Yang Berhormat baik di peringkat negeri atau di peringkat Parlimen dan juga ditempatkan di semua pejabat KWSP di negeri masing-masing. Mengenai jumlah wang yang terdapat sekarang ini,

KWSP tidak membuat apa-apa keputusan lagi tentang bagaimana hendak berbuat terhadap jumlah wang itu. Maksudnya, wang itu memanglah telah digunakan dalam pelaburan, tetapi apabila tiba masanya patut diserahkan kepada Consolidated Fund di peringkat Perbendaharaan ataupun tidak, setakat ini belum lagi dibuat keputusan.

TABUNG BANTUAN BAGI PEKERJA YANG DIBERHENTIKAN

4. **Dato' Haji Ahmad bin Ismail** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan bilakah Tabung Bantuan Pekerja yang diberhentikan tanpa diberi sebarang pampasan itu boleh berperanan untuk membantu pekerja yang diberhentikan dan bagaimanakah cara bantuan itu berfungsi dalam membantu pekerja.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di Pertua, kerajaan adalah terbuka tentang suatu cadangan untuk menubuhkan sebuah tabung bagi membantu pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja. Justeru itu, cadangan tersebut sedang diteliti oleh Kementerian Sumber Manusia dan akan mengambil kira dan ulasan dan pandangan dari semua pihak yang terbabit termasuk pihak majikan sebelum membuat apa-apa keputusan mengenainya. Walau bagaimanapun, kerajaan tidak menetapkan tarikh pelaksanaan tabung berkenaan tetapi memadailah untuk saya menyatakan ianya sedang diberi keutamaan pada ketika ini.

Namun begitu, saya ingin meyakinkan pekerja-pekerja khususnya bahawa pada masa sekarang pemantauan yang dibuat oleh Kementerian Sumber Manusia mendapati kebanyakan pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja bukan sahaja mendapat bayaran pampasan yang memuaskan mengikut Akta Kerja 1995, malah melebihi jumlah yang diperuntukkan dalam undang-undang. Malahan mereka juga mendapat pekerjaan ganti sertamerta. Dalam pada itu, kerajaan juga telah memperkukuhkan lagi jaminan kepada pekerja tentang bayaran pampasan, khususnya apabila majikan mereka jatuh muflis dengan meminda Seksyen 31 Akta Kerja 1995. Pindaan tersebut yang berkuat kuasa mulai 1 Ogos 1998 membolehkan pekerja-

pekerja mendapat keutamaan yang lebih tinggi, daripada pemiutang bercagar, bagi gaji faedah-faedah pemberhentian kerja, gaji cuti tahunan, gaji cuti sakit, gaji cuti umum dan elaun bersalin, apabila harta kepunyaan majikan yang muflis itu dijual atau wangnya di 'garnish' atau ditahan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail : Terima kasih, Tuan Yang di Pertua. Saya ingin mendapatkan penjelasan sama ada tabung bantuan pekerja ini melibatkan pekerja-pekerja tempatan sahaja ataupun termasuk pekerja-pekerja asing?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Buat masa ini cadangan itu melibatkan adalah pekerja-pekerja tempatan sahaja. Namun demikian saya ingin menyatakan sementara waktu ini, pekerja-pekerja kita yang kena diberhentikan kerja tidak ada masalah kerana hampir 81% daripada pekerja-pekerja yang berhentikan kerja itu mendapat ganti rugi yang disyaratkan di bawah undang-undang negara, dan yang bakinya 19% pun bukanlah bermakna mereka tidak dapat ganti rugi tetapi perkara ini sedang dalam proses rundingan dan sebagainya.

Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di Pertua, saya ingin tahu bagaimana pula sekiranya pekerja itu meninggal, ini bolehkah pampasan diterima oleh waris atau siapa yang boleh terima pampasan kalau pekerja itu meninggal atau mati?.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Warisnya menerima pampasan tersebut

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin : Terima kasih Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Saya pernah membaca dalam surat khabar mengenai pemberhentian pekerja-pekerja yang melibatkan pekerja-pekerja profesional. Di dalam tulisan itu menyatakan bahawa ramai juruterbang di negara kita telah kehilangan pekerjaan. Saya percaya pekerja-pekerja profesional ini apabila mereka kehilangan pekerjaan, mereka juga menanggung non performing loan (NPL), atau pun mereka mempunyai pinjaman yang tidak dapat dijelaskan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Kementerian, adakah perkara ini benar dan berapakah bilangan pekerja profesional

yang telah kehilangan pekerjaan dan apakah bidang-bidang pekerjaan yang banyak terlibat dalam pemberhentian pekerja-pekerja ini?. Terima kasih.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di Pertua, sebagaimana yang saya nyatakan tadi, hampir 81 % dari jumlah pekerja-pekerja kita dalam semua bidang telahpun mendapat ganti rugi yang disyaratkan oleh undang-undang, yang 19% lagi bukanlah mereka tidak dapat tetapi perkara ini masih dalam proses disoal selidik dan dibicarakan. Jadi, mengenai angka berapa peratuskah golongan profesional yang diberhentikan kerja itu, saya tidak ada angka yang spesifik tetapi sukacita saya menyatakan bahawa dalam jumlah lebih kurang 50,000 pekerja kita yang telah diberhentikan sejak Januari tahun ini, kebanyakan mereka telahpun mendapat pekerjaan ganti, dan kebanyakan mereka adalah dalam sektor pembuatan dan juga dalam sektor pembinaan.

RUMAH KOS RENDAH – JUMLAH PEMBINAAN DI SABAH

5. **Datuk Khoo Keok Hai** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) berapa jumlah rumah kos rendah yang telah dibina di Sabah berdasarkan kepada daerah masing-masing; dan
- (b) berapa banyakkah rumah jenis itu akan dibina di daerah-daerah Sabah dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan -

- (a) Jumlah rumah kos rendah yang telah dibina oleh kerajaan di Sabah adalah sebanyak 1,491 unit dan pecahan mengikut daerah-daerah adalah seperti berikut:-

	Daerah		Jumlah Unit
(i)	Kota Kinabalu	-	989
(ii)	Kudat	-	150
(iii)	Tenom	-	50
(iv)	Keningau	-	84
(v)	Tawau	-	74
(vi)	Sandakan	-	144

- (b) Sejumlah 2,366 unit lagi rumah kos rendah akan dibina oleh kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh di Sabah. Selain itu, Kerajaan Negeri Sabah mempunyai rancangan melibatkan sektor swasta membina 20,000 unit rumah kos rendah di seluruh Sabah.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perancangan rumah kos murah dan sederhana ini saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian sama ada kementerian telah mengenal pasti projek-projek perumahan sama ada kos rendah ataupun kos sederhana yang telah dilaksanakan beberapa tahun dahulu yang sekarang ini didapati tidak sesuai lagi di tempat itu ataupun bentuk rumah itu. Kalau demikian, berapakah projek ini yang telah dikenal pasti, apakah rancangan kerajaan untuk membangunkan semula rumah-rumah ini supaya penghuninya mendapat tempat yang lebih selesa dan keadaan rumah itu diubah ke tempat – sekarang ini di kawasan yang mahal harga tanah, rumah murah masih ada lagi. Tempat ini sudah tidak sesuai secara komersial. Ini maksud saya.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Terima kasih, Yang Berhormat. Di Kuala Lumpur ada rancangan di mana DBKL sedang mengenal pasti tempat-tempat yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi yang dirasai tidak sesuai lagi untuk kawasan rumah kos rendah dan kawasan-kawasan tersebut akan dibangunkan semula. Pihak DBKL sekarang sedang menggunakan satu tabung di mana tabung ini akan digunakan bagi maksud ini supaya flat-flat ataupun rumah-rumah pangsa ini yang dibuat semula akan disewakan kepada penghuni-penghuni di tempat masing-masing dan juga kepada penghuni-penghuni lain yang masuk ke Wilayah Persekutuan ini.

Setakat ini kawasan Wilayah Persekutuan sahaja yang membuat rancangan ini tetapi saya rasa di kawasan-kawasan seperti Penang, Johor Bahru dan bandar-bandar yang besar lagi mereka akan merancang kawasan-kawasan tersebut.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apabila Yang Berhormat menyebut ada 20,000 unit lagi rumah kos rendah ini akan dibina di Sabah, saya difahamkan ada beberapa kontraktor yang telah bersetuju untuk melaksanakan beberapa projek. Sebagai contoh, di Keningau, kontraktor ini tidak sanggup untuk melaksanakannya sebab harga tidak begitu menguntungkan. Saya difahamkan harga rumah kos rendah ini RM25,000 hingga RM35,000 dan apakah kementerian atau kerajaan berhasrat untuk mengkaji menaikkan harga rumah terutama di kawasan-kawasan tertentu.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Satu garis panduan baru sudah dipersetujui oleh pihak Jemaah Menteri untuk menaikkan harga-harga rumah kos rendah ini. Harga-harganya akan ditentukan mengikut kawasan masing-masing. Seperti di Wilayah Persekutuan memang tanah itu mahal, oleh sebab itu, maka kos untuk rumah kos rendah ini akan dinaikkan sampai ke tahap RM42,000 seunit. Di kawasan-kawasan di luar bandar, saya rasa kalau di Keningau, kawasan itu setakat ini tidak berapa dibangunkan dengan pesat. Oleh sebab itu, maka harga rumah kos rendah di daerah Keningau itu adalah masih dalam lingkungan RM32,000. Harga ini memang disetujui

oleh pihak kerajaan supaya harga rumah kos rendah di Sabah, di kawasan-kawasan yang agak luar bandar itu ditetapkan dalam lingkungan RM32,000 seunit.

MINYAK SAWIT – MEMPELBAGAIKAN KEGUNAAN

6. **Tuan Jang Chow Thye** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan selain daripada menghasilkan minyak masak daripada kelapa sawit, adakah Kementerian Perusahaan Utama merancang untuk mengeksplorasikan potensi minyak kelapa sawit untuk lain-lain kegunaan.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perusahaan Utama melalui Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia telah berjaya mempelbagaikan penggunaan minyak sawit. Sehingga kini minyak sawit bukan sahaja boleh digunakan dalam bidang makanan seperti minyak masak, tetapi juga dalam bidang bukan makanan.

Dalam bidang makanan, selain minyak sawit digunakan sebagai minyak masak, ia juga digunakan untuk ramuan membuat majerin, lelemak, vanaspati, coklat dan sebagainya. Penggunaan baru yang masih dalam kajian pula termasuklah pengeluaran serbuk santan berasaskan minyak sawit dan sapuan rendah lemak berasaskan minyak sawit.

Dalam bidang bukan makanan pula, minyak sawit digunakan antara lain untuk pembuatan produk oleokimia seperti sabun, detergent, kosmetik, minyak pelincir serta lilin dan plastik. Bidang kegunaan baru yang sedang dikaji pula termasuklah formulasi gulaester, detergent cecair berasaskan bahan terbitan minyak sawit, kertas pesalut bahan berasaskan minyak sawit dan formulasi racun serangga dari bahan oleokimia.

Di samping itu kajian juga mendapati bahawa komponen-komponen bukan minyak dari pokok sawit seperti batang, pelepah, tandan kosong dan sabut mempunyai potensi untuk diusahakan secara komersial untuk pembuatan pulpa dan kertas, pelapik tilam dan juga perabot.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak tuntut faham pandangan kementerian, hasilan eksport minyak sawit kita ke India dan Pakistan tentang kesannya dan hasilan daripada potensi minyak kelapa sawit kita, kerana kita tahu kedua-dua negara yang merupakan pengimport yang terbesar kerana kesan dan tindakan ujian nuklear terhadap keseluruhannya.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya kedua-dua negara Pakistan dan India merupakan negara yang besar nilai eksport kita. Pada tahun 1997 Pakistan kekal dan mendahului pengimport lain dengan 1.13 juta tan metrik atau 15.1% daripada jumlah eksport minyak sawit Malaysia. Ini diikuti oleh Republik Rakyat China, India dengan 0.96 juta tan metrik, Kesatuan Eropah, Jepun dan juga Mesir yang merupakan 0.77 juta tan metrik, 4.5% daripada eksport.

Sememangnya keadaan di India dan Pakistan akan membawa kesan kepada nilai eksport kelapa sawit kedua-dua tempat eksport ini, dan kementerian sekarang ini sedang memantau dan meneliti keadaan melihat kepada kesannya. Tetapi pada masa yang sama kerajaan dan kementerian sedang berusaha untuk membuka pasaran-

pasaran baru bagi minyak sawit, termasuk juga di Asia Tengah, Russia, Eropah Timur, negara-negara Afrika, Asia Barat, Sudan, Vietnam, Myanmar, Laos dan Kemboja.

Tuan Long bin Jidin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada berapa keluaran kelapa sawit seperti PKC dan PKE telah dijual dengan harga yang sama di antara dalam negeri dan eksport. Jadi, adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji harga jualan dalam negeri memandangkan negara sekarang ini menghadapi keadaan krisis dalam pengeluaran makanan.

Yang keduanya, dahulu ada kajian tentang penggunaan minyak sawit menjadikan bahan api. Apakah kedudukannya sekarang?

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan pertama tadi, sememangnya kita belum bercadang membuat apa-apa tindakan tetapi cadangan Yang Berhormat akan diambil maklum dan saya akan membawanya kepada pihak kementerian. Mengenai soalan kedua tadi, mengenai minyak api?

Tuan Long bin Jidin: Minyak kereta – diesel, bahan api.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Minyak kereta? Diesel? Bahan api. Buat masa ini memang kita sudah mengenal pasti bahawa minyak sawit boleh digunakan untuk tujuan-tujuan tersebut tetapi dari segi commercial viability, dengan izin, tidak membenarkan dan mengizinkan kita untuk mengeluarkan produk itu.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kemajuan yang telah dicapai oleh sebuah syarikat di Johor, yang saya telah difahamkan, mengeluarkan panel product, dengan izin, daripada pelepah kelapa sawit – maksud saya kemajuan dari segi pengeluaran dan juga potensi pasarnya?

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya seperti yang saya sebut di dalam jawapan asal tadi bahawa komponen-komponen bukan minyak daripada pokok sawit seperti batang, pelepah, tandan kosong dan sabut mempunyai potensi untuk diusahakan secara komersial dan di Johor, perabot merupakan satu sektor yang boleh membawa manfaat kepada eksport negara dan ini kita akan pelbagaikan dan cuba mempertahankannya.

FOMCA – KEBEBASAN/AKTIVITI

7. **Puan Hajah Ramlah binti Kassim [Di bawah S.O 23(2)]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan setakat manakah kebebasan yang ada pada FOMCA memandangkan ia mendapat bantuan kewangan daripada kerajaan dan akhir-akhir ini ia hampir-hampir menjadi NGO yang mirip untuk mengkritik seolah-olah menentang dasar kementerian mengenai hal-ehwal pengguna. Apakah kehendak-kehendak kementerian yang perlu dipatuhi oleh FOMCA menggunakan berbagai perkataan dan ayat yang boleh memberi helah untuk melakukan barangan mereka hingga mengetepikan penggunaan bahasa yang sempurna.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, FOMCA adalah pertubuhan sukarela yang ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 1966. Pertubuhan ini merupakan satu pertubuhan NGO yang menjalankan aktiviti-aktiviti kesedaran dan pendidikan kepenggunaan. Walau bagaimanapun, dalam membawa isu-isu kepenggunaan negara kadangkala terdapat isu-isu yang dibangkitkan bersifat keterlaluan dan mengkritik kerajaan.

Pada dasarnya, kementerian berpuas hati dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh FOMCA di mana FOMCA membantu kementerian dalam usaha menyedarkan masyarakat peri pentingnya konsep kepenggunaan dan pendidikan kepenggunaan. Sebagai contohnya, pada tahun lepas (1997) FOMCA telah menjalankan lebih kurang 97 aktiviti termasuk ceramah, seminar dan forum kepenggunaan secara bersendirian atau bergabung dengan agensi-agensi kerajaan lain.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai perbezaan atau peranan di antara FOMCA dengan Majlis Hal Ehwal Pengguna yang ditubuhkan di bawah kementerian?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, tujuannya adalah sama iaitu FOMCA dan Majlis Hal Ehwal Pengguna menjalankan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pengguna dan kepenggunaan. FOMCA merupakan salah satu pertubuhan sukarela (NGO) yang bebas untuk menjalankan aktiviti-aktivitinya walaupun kerajaan menyalurkan bantuan pada tiap-tiap tahun bagi pertubuhan ini untuk menjalankan aktiviti-aktiviti.

Majlis Hal Ehwal Pengguna di peringkat kebangsaan dan juga di peringkat negeri dan daerah adalah satu badan yang ditubuhkan dengan pihak kerajaan, yang dipengerusikan oleh Menteri di peringkat kebangsaan, oleh ahli Exco yang bertanggungjawab mengenai pengguna di peringkat negeri dan oleh pegawai daerah ataupun pegawai-pegawai lain dan ada juga Ahli-ahli Parlimen yang menjadi pengerusi di peringkat daerah. Mereka mengadakan perhubungan yang rapat dengan pihak kementerian untuk melaksanakan dasar kementerian terhadap kepenggunaan.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya pertamanya, berapakah sebenarnya ahli rasmi FOMCA ini dan keduanya mengapakah isu yang dibangkitkan FOMCA ini diterima di peringkat grassroot ataupun rakyat jelata seolah-olah kementerian yang berkaitan dengan hal-ehwal pengguna kita ini tidak mendapat kepercayaan di peringkat akar umbi ataupun masyarakat.

Jadi, saya hendak tuntut faham dan perlu penjelasan supaya kita dapat memaklumkan kepada rakyat bahawa kerajaan telah mewujudkan satu kementerian yang berkaitan dengan hal-ehwal pengguna tetapi fokus ataupun isu yang telah dibangkitkan oleh FOMCA ini lebih ke depan dan lebih memberi tarikan kepada

rakyat jelata seolah-olah kementerian kita ini tidak menjalankan perkara-perkara yang berkaitan dengan hal-ehwal kepenggunaan.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, FOMCA adalah satu pertubuhan gabungan di mana persatuan-persatuan pengguna di peringkat negeri menjadi ahli. Jadi, ada 12 persatuan di peringkat negeri yang ada ahlinya yang bergabung di bawah FOMCA kecuali Persatuan Pengguna Pulau Pinang – badan itu tidak bergabung dengan FOMCA tetapi menjalankan aktiviti-aktiviti kepenggunaan. Keseluruhan ahlinya tidak ramai walaupun saya tidak dapat memberi angka yang tepat tetapi kita telah mendesak FOMCA untuk menambah ahli supaya kegiatan mereka lebih berjaya.

Mengenai isu-isu yang FOMCA ataupun persatuan-persatuan pengguna membangkitkan dan juga menyuarakan perkara-perkara yang berkaitan dengan kepenggunaan – isu-isu ini tidak terhad kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna – ada berkaitan dengan kementerian-kementerian lain, pihak-pihak kerajaan dan juga swasta. Jadi, kalau isu-isu itu dibangkitkan melalui saluran yang baik dan juga dengan tujuan dan niat yang baik, kita terima fasal mereka bertanggungjawab untuk berbuat demikian. Tetapi seperti saya jawab asal tadi, kadang-kadang kenyataannya dan juga lain-lain keterlaluan dan dari masa ke semasa kita telah pun menasihati mereka. Kalau isu yang dibangkitkan oleh FOMCA itu betul, kita pun sambut, kita pun juga menggalakkan oleh kerana isu itu perlu mendapat perhatian oleh kementerian-kementerian dan agensi-agensi lain dan juga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Itu bukan bermakna FOMCA selalu betul, banyak kali dia buat kenyataan tanpa membuat research dan checking. Kadang-kadang dia buat pengumuman bahawa harga barang naik walaupun dia tidak buat research yang benar dan sebagainya. Itu kita pun jawablah, kalau dia bantai, kita pun bantailah tetapi kalau ia buat statement yang baik, kita pun menggalakkan.

Tuan M. G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah pandangan ataupun pendapat kerajaan terhadap MTUC yang memainkan peranan sebagai persatuan pengguna?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, dasar kerajaan adalah semua rakyat Malaysia menjadi pengguna dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri selalu menjelaskan bahawa beliau pun menjadi seorang pengguna. Maka, isu-isu kepenggunaan itu tidak terhad kepada FOMCA. Isu kepenggunaan boleh dibangkitkan oleh sesiapa termasuk MTUC. Kita pun ada berdialog dengan MTUC oleh kerana mereka ada ahli yang ramai dan isu-isu itu kalau didedahkan kepada ahli-ahli mereka, kita terima. Ini adalah dasar bahawa kita semua menjadi pengguna dan kita berhak untuk membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan pengguna.

INSTITUT-INSTITUT DI BAWAH KEMENTERIAN PERTANIAN – CADANGAN MENAIKKAN TARAF

8. Tuan Long bin Jidin minta Menteri Pertanian menyatakan kedudukan beberapa institut di bawah kementerian seperti Institut Pertanian, Institut Haiwan dan Institut Perikanan dan adakah kementerian bercadang untuk menaik taraf institut-institut tersebut ke peringkat yang lebih tinggi dan kalau tidak kenapa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]: Tuan Yang di-Pertua, terdapat enam buah Institut Pertanian di bawah kelolaan Jabatan Pertanian. Kesemua institut tersebut melaksanakan latihan Sijil Pertanian. Latihan dua tahun ini adalah kursus prakhidmat bagi mengisi jawatan Pembantu Pertanian (G8) di jabatan-jabatan kerajaan serta jawatan yang setaraf di agensi kerajaan.

Memandangkan bahawa kumpulan Pembantu Pertanian ini merupakan peringkat operatif dalam sektor pertanian yang masih diperlukan lagi, maka kementerian tidak ada cadangan untuk menaikkan taraf institut ke peringkat yang lebih tinggi.

Bagi Jabatan Perikanan, terdapat sebuah Institut Latihan Perikanan Malaysia di bawah Kementerian Pertanian. Setakat ini institut berkenaan mampu memenuhi keperluan industri perikanan bagi tenaga mahir di dalam bidang-bidang seperti peralatan penangkapan ikan, kejuruteraan, pelayaran dan pemprosesan. Institut ini

terletak di Chendering, Terengganu. Pihak kementerian tidak ada cadangan untuk mempertingkatkan taraf institut berkenaan kerana pihak UPM telah pun melaksanakan program-program latihan di peringkat Diploma dan Ijazah dan Ijazah Sains Perikanan, Sains Samudera. Dalam tahun 1997 seramai 380 orang nelayan telah pun dapat dilatih.

Jabatan Perkhidmatan Haiwan mempunyai satu institusi latihan. Fungsi utama Institut Haiwan tertumpu kepada latihan dalam Perkhidmatan Pembantu Veterinar, kursus teknikal untuk meningkatkan kemahiran kakitangan dan kursus untuk peserta luar negara di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia. Aktiviti penyelidikan difokuskan kepada pemakanan ternakan dan peningkatan produktiviti ladang.

Setakat ini belum ada cadangan untuk menaikkan taraf Institut Haiwan Kluang ke peringkat yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, sudah wujud kerjasama dengan Institut Pengajian Tinggi seperti Universiti Putra Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia dari segi menyediakan tempat latihan dalam bidang pertanian dan sains veterinar untuk siswazah di peringkat Ijazah Pertama dan pasca-graduan. Selain dari itu, UPM juga merupakan rakan pemeriksa untuk ujian akhir Kursus Pembantu Veterinar.

Tuan Long bin Jidin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, saya hendak tahu daripada kementerian adakah yang lulus daripada institut-institut di bawah Kementerian Pertanian ini diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang ini IPT (Institut Pengajian Tinggi) mengadakan program-program tertentu yang berkelulusan tertentu untuk dinaikkan ke peringkat Diploma dan Ijazah. Dalam hal ini mereka yang telah mempunyai latihan dan kemahiran tertentu, maka ia akan terus naik. Walaupun buat masa sekarang ini kita sedang mengadakan latihan dengan Universiti Putra

Malaysia untuk memberikan kemudahan kepada mereka yang tertentu bagi melanjutkan pelajaran ke universiti tersebut. Terima kasih.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, saya berterima kasih di atas penjelasan Yang Berhormat tadi, saya ingin mendapatkan sedikit lagi penjelasan mengenai pelajar-pelajar yang telah pun memohon masuk Institut Pertanian, Institut Haiwan dan Institut Perikanan, mengikut pemantauan kementerian, kebelakangan ini adakah permohonan daripada pelajar-pelajar ini meningkat ataupun menurun.

Keduanya, saya ingin juga mendapat penjelasan adakah mereka yang keluar daripada institut-institut ini mudah untuk mendapatkan pekerjaan.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan permohonan ke institut ini sama ada meningkat atau menurun, perkara ini adalah biasa sahaja dan juga walaupun terdapat permintaan yang lebih tetapi ini adalah perkara biasa sahaja. Mengenai soalan yang kedua, sama ada mereka ini senang mendapat pekerjaan selepas keluar dari institut tersebut pada keseluruhannya bagi Institut Pertanian begitu baik sekali tetapi mereka dapat pekerjaan dari sektor swasta dan dari kerajaan. Walau bagaimanapun, saya tidak dapat memberikan anggarannya tetapi saya akan beri jawapan secara bertulis.

Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu saya ingin membetulkan sedikit pada baris kedua ejaan “bus” diganti dengan “bas”.

KOTAK HITAM BAGI BAS EKSPRES/PELANCONGAN - PERLANJUTAN TEMPOH PEMASANGAN

9. **Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang** minta Menteri Pengangkutan menyatakan mengapakah bas ekspres dan pelancongan diberi lanjutan hingga ke 1 Januari 1999 untuk memasang kotak hitam di dalam kenderaan mereka walaupun tarikh muktamad yang dahulu ialah 1 September 1998 dan apakah masalah yang timbul untuk memasang kotak hitam ini, memandangkan kemalangan lalu lintas yang membabitkan bas pada tahun ini dan tahun lalu adalah membimbangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat lanjutan tempoh bagi pemasangan alat mengawasi kelajuan kenderaan ataupun kotak hitam, sehingga 1 Januari 1999 adalah di atas permintaan pemilik dan pengusaha bas ekspres dan persiaran. Ini adalah disebabkan kebanyakan syarikat bas yang terlibat menghadapi masalah kewangan untuk memasang alat tersebut kepada bas-bas mereka ekoran daripada kegawatan ekonomi yang dialami oleh mereka. Melalui tempoh lanjutan yang diberikan kepada mereka ianya dapat mengurangkan beban kewangan yang ditanggung oleh mereka juga.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Soalan tambahan, saya ingin mendapat penjelasan berapakah harga sebuah kotak hitam dan berapakah jumlah angka unit yang diperlukan untuk digunakan dan tadi Yang Berhormat ada memaklumkan bahawa kelambatan memasang alat ini disebabkan kegawatan ekonomi. Kita jangka kegawatan ekonomi ini akan berterusan selama 2-3 tahun lagi, adakah tarikh ini akan dikuatkuasakan ataupun kerajaan akan bersetuju dengan kehendak pihak-pihak yang berkenaan supaya berterusan tidak menggunakan kotak hitam ini.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan ini. Bagi soalan yang pertama, selepas perbincangan yang diadakan di antara kerajaan dan syarikat swasta yang diberi tanggungjawab untuk mengendalikan pemasangan kotak hitam dan setelah semua faktor diambil kira, khususnya dari segi bebanan kepada pengusaha-pengusaha bas, maka dipersetujui oleh kedua-dua pihak iaitu sebuah kotak hitam jika dipasang adalah tidak melebihi RM1,000 satu unit.

Buat masa ini, 44 buah bas persiaran dan bas ekspres telah dipasang. Hingga bulan April 1999 dalam negara kita, jumlah bas persiaran yang berdaftar ialah 2,071 buah dan bas ekspres adalah sebanyak 4,130 buah. Buat masa ini memang kerajaan

telah menetapkan supaya 1 Januari 1999 adalah tarikh di mana peraturan ini dikuatkuasakan. Tetapi sama ada ianya akan ditunda lagi, kita sedang memantau dan jika perlu kita tengok segala faktor dan kita akan mempertimbangkannya. Kadang-kadang 6,000 buah bas persiaran dan ekspres pun kalau semua hendak pasang kotak hitam dalam tempoh 2-3 bulan, kemungkinan akan menghadapi sedikit kesukaran.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya tidak setuju dengan kotak hitam ini, masalah yang sebenarnya ialah bukan mengenai kotak hitam ini, masalahnya ialah pemilihan pemandu-pemandu ini mestilah diambil kira dari segi mentalnya, psikologi, dari segi umur, kematangan, ada anak atau tidak, tanggungjawabnya, ini yang penting. Ini ambil driver yang umur 21 tahun, yang hati pemanas, sudah tentu dia bawa bas laju. Baru-baru ini saya balik dari Benta, nyaris tidak terlibat dengan kemalangan dengan bas ekspres. Jadi soalan tambahan, adakah pihak kerajaan memikirkan cara lain selain daripada kotak hitam ini untuk menghadapi risiko-risiko kemalangan bas-bas ekspres yang banyak sangat terlibat dalam kemalangan sejak kebelakangan ini. [Ketawa]

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Zuki, memang kementerian bersetuju iaitu kotak hitam adalah salah satu langkah yang merupakan last resort, dengan izin, pada permulaannya kerajaan bercadang supaya kita mengubah sikap semua pemandu bas ekspres dan bas persiaran tetapi nampaknya pengubahan sikap seseorang tidak dapat dilakukan dalam satu bulan ataupun satu tahun. Maka oleh yang demikian kerajaan selepas memberi pertimbangan segala langkah yang akan diambil telah mengenalpasti iaitu kotak hitam adalah salah satu langkah yang paling tepat buat masa ini. Kita juga berharap bila pemandu-pemandu membawa bas-bas mereka dengan pemasangan kotak hitam dalam bas mereka supaya mereka dapat menyesuaikan diri dengan kelajuan yang ditetapkan iaitu tidak melebihi 90 kilometer sejam dan dengan adanya kotak hitam ini kemungkinan dalam jangka

masa dua tahun kita dapat mengubah sikap pemandu-pemandu bas. Sekian, terima kasih.

BALAI BOMBA DI DAERAH JULAU, SARAWAK - PEMBINAAN

10. **Tuan Janggu Anak Banyang** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah rancangan kerajaan untuk membina sebuah balai bomba di daerah Julau, Sarawak setakat ini dan jika tidak dalam Rancangan Malaysia Ke-7, adakah pihak kementerian ini bercadang untuk membina sebuah balai bomba dalam Rancangan Malaysia Ke-8 nanti.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan peruntukan yang terhad, maka pembinaan balai bomba di daerah Julau tidak termasuk dalam senarai keutamaan Rancangan Malaysia Ke-7. Walau bagaimanapun perkara ini akan dikaji selanjutnya oleh pihak kementerian apabila menimbang Rancangan Malaysia Ke-8 nanti.

Pada masa kini daerah Julau, Sarawak mendapat perlindungan kebakaran dari balai bomba sedia ada yang berhampiran iaitu balai bomba daerah Sarikei dan juga daerah Bitangor.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa terdapat kurang kemampuan dari segi peruntukan, soalan tambahan saya ialah adakah kerajaan bercadang hendak membina sebuah balai bomba di kawasan perindustrian perkayuan di Tanjong Manis memandangkan kawasan ini juga mempunyai pekan-pekan yang berdekatan seperti Belawai, Jerijeh dan Kuala Rajang manakala kawasan ini adalah terpisah daripada Sarikei oleh Sungai Rejang.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Terima kasih. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi kawasan perindustrian seperti kawasan perindustrian Tanjong Manis ini pihak kementerian memang menggalakkan pihak kilang-kilang yang terdapat di dalam kawasan perindustrian itu untuk menubuhkan 'in house', dengan izin, pasukan bomba di mana semua kilang yang agak besar terdapat pasukan-pasukan masing-

masing supaya pasukan ini boleh menjalankan tugas untuk memadamkan api jika kebakaran berlaku di dalam kilang-kilang masing-masing.

Dari segi keseluruhan memang ada rancangan untuk mengadakan balai bomba bagi kawasan-kawasan tersebut tetapi samalah jawapan saya tadi mengenai balai bomba yang diminta di Julau. Sebab kita menghadapi masalah kekurangan kewangan maka kita akan mengambil perhatian sahaja kawasan-kawasan yang sekarang belum ada balai bomba, mereka diminta sabar bila kita dapat kewangan yang mencukupi memang kita akan mendirikan balai bomba.

LADA HITAM - JUMLAH PENGELUARAN DAN EKSPORT

11. **Tuan Abdillah bin Abdul Rahim** minta Menteri Pertanian menyatakan berapakah jumlah pengeluaran dan eksport lada dalam masa lima tahun lalu dan adakah kerajaan bercadang untuk memperluaskan penanaman lada di kalangan pemilik tanah terbiar untuk menambahkan pengeluaran dan eksport barang makanan ini.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, pengeluaran lada hitam dalam negara bagi tahun:

<u>Tahun</u>	<u>Jumlah (tan)</u>
1993	13,600
1994	16,000
1995	15,500
1996	16,000
1997	18,000.

Dalam tempoh yang sama eksport lada hitam ialah sebanyak, bagi tahun:

<u>Tahun</u>	<u>Jumlah (tan)</u>
1993	16,590
1994	23,035
1995	14,115
1996	19,128
1997	24,808

Kerajaan tidak merancang untuk memperluaskan penanaman lada hitam di kalangan pemilik tanah terbiar kerana harga lada tertakluk kepada turun naik ketara dan keperluan tenaga kerja bagi tanaman lada hitam adalah tinggi.

Walau bagaimanapun beberapa program yang menumpukan kepada peningkatan produktiviti dan mengurangkan kos pengeluaran sedang dilaksanakan. Program-program tersebut berserta dengan harga tinggi semenjak tahun lepas telah menggalakkan pekebun-pekebun kecil lada untuk menambahkan lagi keluaran tanaman lada yang diusahakan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan Jawab Lisan telah pun selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 66 akan dijilid dalam buku yang berasingan]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini. Dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.”

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu usul daripada Yang Berhormat Menteri:

“Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini. Dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.”

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini. Dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.”

USUL DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 78(3)

Pembentangan Penyata Khas Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat
Dewan Negara

3.38 ptg.

Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Penyata Khas Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat Dewan Negara yang telah dibentangkan di meja Majlis menurut Peraturan Mesyuarat 78(3) pada 11 Ogos 1998, diterima.

Tuan Yang di-Pertua, Penyata Khas ini mengandungi cadangan pindaan kepada beberapa Peraturan Mesyuarat bagi Dewan yang mulia ini dengan tujuan untuk merapatkan jurang perbezaan antara Peraturan Mesyuarat di Dewan yang mulia ini dengan Peraturan Mesyuarat di Dewan Rakyat.

Pindaan yang dicadangkan kepada Peraturan Mesyuarat 8, bertujuan untuk mengubah tempoh notis yang perlu diberi sebelum permulaan sesuatu penggal Parlimen kepada Ahli-ahli tentang tarikh-tarikh mesyuarat dalam penggal itu. Tempoh sekarang ialah 14 hari dan tempoh yang dicadangkan ialah 28 hari serupa dengan tempoh yang terpakai di Dewan Rakyat.

Pindaan yang dicadangkan kepada Peraturan Mesyuarat 11, bertujuan untuk mengubah masa mesyuarat Dewan yang mulia ini supaya Dewan akan bersidang dari jam 10.00 pagi hingga 1.00 tengahari dan seterusnya dari 2.30 petang hingga 5.30 petang seperti juga Dewan Rakyat. Dengan ini tempoh untuk Dewan yang mulia ini bersidang pada setiap hari akan bertambah daripada empat jam seperti yang sedia ada kepada enam jam. Dengan tambahan masa ini adalah diharapkan bahawa tidak akan timbul lagi keperluan untuk menambah hari mesyuarat melebihi apa yang telah ditetapkan dalam sesuatu penggal seperti yang sering berlaku akhir-akhir ini. Dengan cara ini perbelanjaan mengurus mesyuarat akan dapat dikurangkan.

Peraturan Mesyuarat 12, juga dicadangkan dipinda dengan menambah perenggan baru (3) yang bertujuan untuk memberi Tuan Yang di-Pertua kuasa untuk melanjutkan masa persidangan selama tidak lebih daripada 15 minit untuk membolehkan apa-apa perkara yang boleh dan patut diselesaikan pada hari yang berkenaan dapat diselesaikan sedemikian. Pada ketika ini tanpa kuasa sedemikian walaupun perbincangan tentang sesuatu perkara hanya tinggal sedikit sahaja lagi dan dapat diselesaikan dalam masa lima atau sepuluh minit perkara itu terpaksa ditangguhkan ke hari yang berikutnya.

Tuan Yang di-Pertua, perenggan (3) yang dicadangkan dimasukkan ke dalam Peraturan Mesyuarat 13, bertujuan untuk membolehkan seseorang pembesar asing

memberikan ucapan di Dewan yang mulia ini sama ada di hadapan Ahli-ahli Dewan ini sahaja atau bersama dengan Ahli-ahli Dewan Rakyat. Ketika ini peruntukan sedemikian ada untuk Dewan Rakyat tetapi tidak ada untuk Dewan ini.

Perenggan (5) yang dicadangkan dimasukkan ke dalam Peraturan Mesyuarat 14, bertujuan memastikan bahawa usul seseorang Ahli yang belum diputuskan dalam sesuatu mesyuarat akan diberi keutamaan pada Mesyuarat yang akan datang berbanding usul yang lain.

Pindaan yang dicadangkan kepada Peraturan Mesyuarat 17(1), bertujuan untuk menghendaki supaya apa-apa teks usul yang hendak dibaca di bawah Peraturan Mesyuarat itu hendaklah diluluskan oleh Tuan Yang di-Pertua terlebih dahulu sama seperti amalan yang berjalan di Dewan Rakyat.

Pindaan kepada Peraturan Mesyuarat 17(2) pula bertujuan untuk memastikan bahawa pemberitahu tentang usul hendak menanggung Dewan diberi kepada Tuan Yang di-Pertua sekurang-kurangnya 24 jam sebelum persidangan dimulakan. Usul itu pula tidak boleh melebihi 300 perkataan.

Ini akan memberi Tuan Yang di-Pertua masa dan peluang yang cukup untuk menentukan sama ada usul itu memang sebenarnya bagi membincangkan perkara yang tertentu, berkehendakkan disegerakan dan berkenaan dengan kepentingan orang ramai.

Peraturan Mesyuarat 17 juga dicadangkan dipinda dengan memasukkan perenggan baru (7) yang bertujuan untuk memberi Tuan Yang di-Pertua kuasa untuk menolak dalam kamar sesuatu usul penangguhan. Berbeza dengan di Dewan Rakyat pindaan yang dicadangkan dalam perenggan baru (7) ini hanya bertujuan membenarkan penolakan sedemikian jika Tuan Yang di-Pertua berpuas hati bahawa usul itu melanggar mana-mana peruntukan dalam Peraturan Mesyuarat.

Perenggan baru (8) yang juga dicadangkan supaya dimasukkan ke dalam Peraturan Mesyuarat 17 ini, memperuntukkan bahawa usul yang sudah ditolak dalam kamar tidak boleh dicadangkan dan tidak boleh dibaca dalam Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan kepada Peraturan Mesyuarat 21(4) bertujuan mengurangkan bilangan pertanyaan untuk dijawab secara bertulis daripada 10 kepada 5. Adalah difahamkan bahawa sekarang ini pun tidak banyak pertanyaan sedemikian yang dikemukakan bilangan pertanyaan untuk jawab lisan tidak berubah iaitu masih 20.

Pindaan yang dicadangkan kepada Peraturan Mesyuarat 22 adalah bertujuan pertamanya untuk melarang dikemukakan sesuatu pertanyaan yang bertanyakan perkara yang berada di dalam Senarai Negeri. Mengikut peruntukan Perlembagaan, kuasa Eksekutif Kerajaan Persekutuan tidak meliputi perkara dalam Senarai Negeri. Oleh yang demikian, kerajaan Persekutuan tidak dapat dan tidak wajar memberikan jawapan bagi perkara yang berada dalam bidang kuasa kerajaan negeri. Pindaan ini hanyalah bagi memuatkan peruntukan khusus dalam Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Negara bagi perkara itu.

Peraturan Mesyuarat 22 juga dicadangkan dipinda untuk menghendaki supaya sesuatu pertanyaan untuk dijawab lisan itu digubal sedemikian rupa supaya padat dan ringkas dan seboleh-bolehnya tidak melebihi 40 perkataan, tidak termasuk nama ahli yang bertanya dan menteri yang ditanya.

Pindaan yang dicadangkan kepada Peraturan Mesyuarat 23 bertujuan untuk memasukkan perenggan baru (I)(a) supaya apabila sesuatu pertanyaan yang dijadualkan untuk dijawab pada sesuatu hari persidangan sudah pun dijawab pada suatu persidangan yang lebih awal, pertanyaan itu tidak lagi akan dimasukkan dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari yang berkenaan.

Peraturan Mesyuarat 23 juga dicadangkan dipinda untuk mengehadkan bilangan pertanyaan tambahan yang boleh ditanyakan kepada tiga sahaja. Dengan itu lebih banyak pertanyaan yang dijadualkan dalam satu-satu hari akan dapat dijawab.

Tuan Yang di-Pertua, adalah juga dicadangkan supaya pindaan dibuat kepada Peraturan Mesyuarat 50(a) untuk mengubah ayat mengundang-undangan, dengan izin, enacting clause bagi rang undang-undang yang dikemukakan di Dewan ini supaya lebih padat dan ringkas. Oleh sebab Parlimen terdiri daripada Yang di-Pertuan Agong, Dewan Negara dan Dewan Rakyat, ayat mengundang-undangan yang dicadangkan ini hanyalah merujuk kepada Parlimen sahaja.

Di negeri Pahang, Perlis dan Selangor contohnya, ayat mengundang-undangan bagi enakmen di negeri itu hanya merujuk kepada badan perundangan negeri yang berkenaan. Ayat yang ringkas dan padat seperti ini juga menjadi amalan di beberapa negara Komanwel yang lain.

Pindaan yang dicadangkan kepada Peraturan Mesyuarat 60 (a) bertujuan untuk membolehkan Setiausaha, jika diminta oleh Ahli yang membawa sesuatu risalah, pertanyaan, usul, pemberitahu atau apa-apa dokumen lain, membuat pembetulan seperti pembetulan silap cetak, silap nahu, silap rujukan silang pada demikian sedemikian. Ini terkandung dalam perenggan (3) yang dicadangkan supaya dimasukkan ke dalam Peraturan Mesyuarat 60(a) ini.

Pindaan-pindaan lain yang tidak saya sentuh dengan khusus ialah pindaan yang berbangkit dan pindaan bagi membetulkan sebutan dalam Peraturan-peraturan Mesyuarat ini supaya selaras dengan keadaan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan huraian yang tersebut di atas, saya mohon mencadangkan supaya penyata khas ini diterima. Terima kasih.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul atas nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Haji Hamzah bin Mohd. Zain.

3.50 ptg.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya bangun terlebih dahulu ingin menyatakan terima kasih dan tahniah kepada Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Negara yang telah bersidang mengkaji cadangan-cadangan dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan telah dibentangkan pada hari ini untuk kita bahaskan bersama. Jawatankuasa telah bersidang dan saya memerhatikan telah melakukan beberapa pindaan yang amat wajar dan saya bangun memberi sokongan kepadanya.

Tuan Yang di-Pertua, kertas yang dibentangkan pada hari ini adalah satu daripada usaha di dalam memantapkan lagi amalan sistem politik dan amalan demokrasi di negara kita. Kita semua maklum bahawa Parlimen terdiri dari dua Dewan, Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Sistem yang kita amalkan pada hari ini telah terbukti melahirkan sebuah negara yang berjaya. Amalan politik kita yang diasaskan kepada sistem politik British yang menjajah kita dahulu kemudian disesuaikan dengan keadaan negara kita ini, telah terbukti sejak kita merdeka membawa kejayaan kepada kita semua.

Saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Datuk Zainudin bin Maidin tempoh hari bahawa amalan politik kita inilah yang telah memberikan kekuatan kepada kita dalam menghadapi pelbagai masalah termasuk masalah kegawatan ekonomi pada hari ini. Kerana itu bagi kita seluruh rakyat Malaysia seharusnya memberi sokongan kepada sistem yang kita amalkan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sidang kita yang lalu, kita telah membuat satu Usul Tergempar dan meluluskannya iaitu membantah pandangan Ketua Pembangkang

tentang status kedudukan Dewan Negara ini, Ketua Pembangkang pada masa itu telah menyebut bahawa Dewan Negara terdiri daripada dead woods dan political ash-bins dan merendah-rendahkan kedudukan Dewan ini. Pada hal Perlembagaan kita memberi sesuatu kedudukan yang tinggi, ia merupakan the House of Review ataupun Dewan yang melihat, membahas, mengkaji rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat sebelum ianya dijadikan sebagai undang-undang. Kerana itu Dewan ini seharusnya terdiri daripada mereka yang sebenar-benarnya berwibawa untuk menjalankan tugas sebagai satu badan yang mengkaji ataupun me'review' rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat sebelum ianya menjadi undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat tahu bahawa beberapa tahun kebelakangan ini, Dewan Negara ini telah sesungguhnya memainkan peranan yang amat aktif dan amat berkesan. Saya tidaklah berani hendak mengangkat sendiri tetapi saya mendengar daripada pihak pemberita dan juga rakan-rakan yang lama di dalam Dewan Negara ini bahawa dalam dua, tiga tahun yang akhir ini Dewan Negara telah begitu menonjol dan memberikan sumbangan yang begitu berkesan dalam proses menggubal undang-undang di dalam sistem Parlimen kita ini.

Saya yakin sebenarnya, dengan Ahli-ahli Parlimen yang berwibawa, yang mana kita telah membuktikan dengan menolak pandangan Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang tersebut dengan Ahli-ahli Dewan Negara yang berwibawa, kita sebenarnya dapat memberi sumbangan yang baik di dalam menggubal sesuatu rang undang-undang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kerana itu, saya suka mencadangkan dalam Majlis Mesyuarat hari ini bahawa Dewan Negara diberikan peranan yang lebih bersesuaian dengan sifatnya sebagai Majlis Review rang undang-undang yang telah diputuskan oleh Dewan Rakyat. Cadangan saya ialah supaya Dewan Negara ini dapat diberikan masa yang secukupnya supaya ia dapat duduk memerhati, mengkaji dan meneliti

sesuatu undang-undang itu dengan sebaik mungkin sebelum ianya dilaksanakan sebagai undang-undang.

Saya mengatakan begini oleh kerana telah beberapa kali berlaku bahawa setelah sesuatu rang undang-undang diluluskan oleh Dewan Rakyat dan kemudian diluluskan oleh Dewan Negara dan digazetkan sebagai undang-undang setelah mendapat consent Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, kita melihat pandangan-pandangan rakyat yang kontra dan protes dan sebagainya kepada rang undang-undang tersebut dan akhirnya undang-undang itu dibawa kembali ke Dewan Rakyat untuk pindaan semula kemudian melalui proses sekali lagi sebagai pindaan kepada rang undang-undang yang telah diluluskan.

Ini ada berlaku beberapa kali seperti pindaan kepada Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara dan sebagainya dalam ingatan saya beberapa tahun yang lalu. Oleh kerana itu, kalau Dewan Negara ini diberi tanggungjawab yang sebenar dan sesuai dengan kedudukannya, memberi ia masa kerana Ahli Dewan Negara ini mempunyai masa yang lebih daripada Ahli Dewan Rakyat, Ahli Dewan Negara tidak mewakili kawasan pilihan raya dan juga tidak ada tanggungjawab untuk servis kawasan, lainlah ada ketua bahagian dan sebagainya, itu kerja politik, tetapi sebagai Ahli Dewan Negara sebenarnya adalah benar-benar Ahli Dewan yang tugas dan tanggungjawabnya sebenarnya duduk di dalam Dewan ini kerana itu Ahli Dewan Negara sepatutnya diberi masa yang lebih panjang untuk bersidang.

Setelah lulus di Dewan Rakyat masuk ke Dewan Negara, beri Dewan Negara ini masa yang lebih panjang, ini masa yang lebih panjang diberi kepada Dewan Rakyat dan masa yang amat pendek diberi kepada Dewan Negara. Apa salahnya diberi masa yang lebih panjang kepada Dewan Negara ini untuk benar-benar mengkaji sesuatu rang undang-undang itu. Kelebihannya ialah apabila sesuatu rang undang-undang

dibahaskan di Dewan Rakyat, rang undang-undang tersebut telah termaklum kepada masyarakat seluruhnya dan sewaktu perbahasan berlaku di sana, Ahli Dewan Negara mempunyai masa untuk benar-benar memerhati dan melihat pandangan dan reaksi daripada rakyat negara ini dan apabila Dewan Negara bersidang, Ahli Dewan Negara boleh datang dengan input-input baru dan keperluan-keperluan untuk meminda dan sebagainya setelah mendapat reaksi daripada rakyat sewaktu rang undang-undang itu dibahaskan di Dewan Rakyat. Oleh kerana itu, saya mencadangkan kita diberi masa yang lebih lama dan apabila diberi masa sebegini, Ahli Dewan Negara pun akan benar-benar memainkan peranannya dengan masa yang sesuai yang diberikan.

Cadangan saya yang kedua ialah supaya kita mengamalkan semula sistem jawatankuasa. Sewaktu Almarhum Tunku Abdul Rahman menjadi Perdana Menteri dahulu, Parlimen kita mengamalkan sistem jawatankuasa iaitu sesuatu rang undang-undang itu apabila dibentangkan untuk bacaan kali yang kedua dan diserahkan kepada jawatankuasa, ia bukan diserahkan kepada jawatankuasa sebuah Majlis seperti yang kita amalkan sekarang, satu rang undang-undang itu diserahkan kepada jawatankuasa sesebuah Majlis iaitu di dalam Dewan ini dan dibahaskan dan dibincang dengan begitu cepat.

Saya selalu dengar Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki selalu kompelin nombor 1 hingga nombor 70 dibentangkan serta-merta untuk difikirkan dan dibincang secara detail dalam masa beberapa minit, tetapi kalau kita amalkan semula sistem jawatankuasa, maka rang undang-undang tersebut diserahkan kepada jawatankuasa Senate Committee untuk dikaji dan benar-benar diperincikan setiap perenggan rang undang-undang tersebut dan selepas itu barulah dibentangkan kepada Dewan.

Ini mungkin mengambil masa sedikit tetapi tidak apa, kita boleh menggunakan quality time untuk memastikan bahawa undang-undang kita sebenarnya setelah

digazetkan adalah rang undang-undang yang benar-benar mantap dan lahir daripada kehendak dan keperluan sebenar negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kerana itu saya mencadangkan semula supaya kita menggunakan sistem committee ini sebagaimana yang digunakan oleh senate Amerika Syarikat umpamanya ia ada Committee on Foreignation ia ada berbagai-bagai committee dan sesuatu Rang Undang-undang tersebut diserahkan kepada committee untuk dikaji kemudian baru diserahkan kembali kepada Dewan ini sebagaimana yang kita amalkan hari inilah. Kita mengamalkan committee ini untuk peraturan Dewan sahaja tidak untuk Rang Undang-undang lain. Oleh kerana itu saya mencadangkan supaya kita kembali kepada sistem committee tersebut di Dewan Negara ini. Mungkin Dewan Rakyat tidak ada masa kerana kesibukan mereka untuk servis kawasan tapi bagi kerja itu ke Dewan Negara kerana ahli Dewan Negara mempunyai masa yang lebih untuk ditumpu kepada kerja-kerja Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan oleh kerana kita melihat ramai ahli Dewan Negara yang memberi dan menyumbangkan khidmat dengan begitu baik saya rasa ramai daripada ahli-ahli Dewan Negara yang telah berkhidmat benar-benar diperlukan oleh negara tetapi apabila Ahli Dewan Negara tersebut sudah berkhidmat selama dua penggal maka mengikut Perlembagaan kita, ini bukan peraturan Dewan, bukan peraturan parti tetapi Perlembagaan negara menentukan seseorang itu hanya boleh menjadi Ahli Dewan Negara selama dua penggal sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, ini bukan mengikat kita, ini sebenarnya mengikat pihak yang melantik kita daripada melantik Ahli Dewan Negara itu seterusnya. Saya berasa kita patut memberi kuasa kepada Perdana Menteri kita untuk mencadangkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong supaya melantik seseorang itu tanpa halangan. Saya tidak minta supaya memanjangkan penggal, penggal seseorang Ahli Dewan Negara berkhidmat boleh kekal selama tiga tahun tetapi saya minta pindaan Perlembagaan dilakukan supaya ia tidak menghadkan kepada perkhidmatan dua

penggal sahaja. Kalau seseorang itu diperlukan oleh negara untuk berkhidmat maka Perdana Menteri harus diberi kuasa untuk melantikkan seseorang itu semula walaupun seseorang itu sudah berkhidmat selama dua penggal. Tidak kiralah tiga penggal, lima penggal, sepuluh penggal selagi dia diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap ini dapat pertimbangan oleh pucuk pimpinan kita dan satu pindaan Perlembagaan dilakukan untuk membolehkan Perdana Menteri mencadangkan seseorang itu meneruskan khidmatnya dalam Dewan Negara walaupun dia sudah berkhidmat selama dua penggal. Sebagai contoh sekarang ini saya dengarlah yang menghadapi masalah presiden parti IPF. Dia presiden parti, mungkin ia diperlukan tapi dia sudah dua penggal berkhidmat sekarang ada masalah hendak ditafsirkan sama ada perkhidmatan itu genap dua penggal ataupun tidak untuk dia dilantik semula, kerana penggal dia sudah habis. Jadi walaupun dia presiden parti mungkin Perdana Menteri hendak lantik tetapi Perlembagaan tidak membenarkan. Jadi kerana itu kita minta supaya Perlembagaan dipinda untuk membenarkan seseorang itu perkhidmatan lebih daripada dua penggal tidak ada had penggal.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh juga di sini tentang layanan kepada Dewan Negara ini oleh pihak eksekutif. Saya melahirkan perasaan ini mewakili perasaan dari rakan-rakan dalam Dewan Negara ini bahawa teramat jarang sangat menteri-menteri yang hadir dalam Dewan Negara ini, ada menteri yang langsung tidak pernah hadir, mungkin tidak tahu bagaimana Dewan Negara ini meluluskan Rang Undang-undangnya. Siapa yang tidak hadir itu merasalah sendiri tidak perlu sebut nama. Kita harap Menteri dan Timbalan Menteri hadir dan Setiausaha Parlimen hadir sebagaimana mereka hadir di Dewan Rakyat kerana di sini kalau satu-satu Rang Undang-undang tidak melalui Dewan Negara ia tidak juga boleh jadi undang-undang, tidak ada siapa yang lebih besar daripada sesiapa tetapi untuk kepentingan politik dan kepentingan diri sahaja maka dilebihkan/emphasis kepada Dewan Rakyat dan dilupakan tentang Dewan Negara. Saya menegurkan ini dengan perasaan yang ikhlas. Minta supaya pandangan-pandangan kita di Dewan Negara ini diberi pertimbangan yang sama dan sewajarnya. Walaupun mungkin kita tidak mewakili rakyat secara

langsung tetapi di dalam amalan demokrasi kita Dewan ini ialah Dewan yang juga mewakili rakyat kerana dua puluh enam orang ahlinya mewakili negeri-negeri yang dipilih oleh Dewan-Dewan negeri yang dipilih oleh rakyat. Kalau tidak dipilih oleh rakyat tidak mungkin ada dua ahli PAS di dalam Dewan ini. Kita dipilih oleh rakyat walaupun secara tidak langsung dan yang dicalonkan oleh Perdana Menteri juga adalah pilihan rakyat kerana Perdana Menteri yang mencadangkan juga adalah pilihan rakyat.

Oleh kerana itu seperti yang saya nyatakan tadi bahawa sistem yang kita ada amalkan ini cukup baik dia cross breed di antara sistem British yang Dewan Negeranya memang terdiri daripada dead wood political ash-bin yang dia duduk tiada had penggal seberapa lama yang dia mampu hendak duduk dan seberapa ramai yang sebenarnya tidak mempunyai legitimacy yang kukuh seperti kita ini dan kita tidak dipilih secara langsung oleh rakyat seperti di Amerika, ini kerana ada kebijaksanaannya. Kita melihat di mana Dewan Negara atau Dewan Senatunya dipilih secara langsung oleh rakyat adakalanya salah satu Dewan dikuasai oleh parti yang berlainan dan berlaku percanggahan di dalam pelaksanaan penggubalan undang-undang dan ini menyusahkan pentadbiran. Kerana itu umpamanya di Australia pada satu masa dahulu, tidak silap saya tahun 1973 Gough Whitlam yang mendapat sokongan padu oleh rakyat dalam pilihan raya House of Representative yang menjadi kerajaan yang cukup baik. Saya memang menghormati Gough Whitlam kerana beliau adalah orang yang pertama menghapuskan White Australian Policy dan beliau membawa banyak reform ke dalam masyarakat dan pemerintahan Australia pada awal 70 an tetapi oleh kerana dewan senetnya dikuasai oleh pembangkang maka Dewan Senate boleh menghalang money bill, belanjawan sehingga kerajaan tidak boleh berfungsi kerana belanjawan dihalang oleh senate Australia dan Gough Whitlam terpaksa dipecat oleh Gabenor General pada waktu itu.

Tuan Yang di-Pertua, sistem yang kita amalkan ini sudah cukup baik. Dewan Negara yang dalam sistem demokrasi walaupun dilantik tetapi sebenarnya mewakili suara rakyat kerana dilantik oleh mereka yang dipilih rakyat dan sehingga ini telah

melahirkan satu sistem politik yang cukup mantap dan berjaya membawa negara kita ini mencapai kejayaan.

Saya ingin hendak menyambung tadi, dari segi kehadiran Menteri, Timbalan Menteri yang paling dikesali ialah saya ingin menegur kehadiran Setiausaha Parlimen. Terima kasih kepada rakan-rakan saya yang dua orang ada ini termasuk beberapa orang lagi selalu hadir tetapi Setiausaha Parlimen dengan izin, rakan-rakan saya dilantik sebagai liaison, penghubung di antara kementerian dan Parlimen. Sebab itu nama dia Setiausaha jawatannya itu ialah Setiausaha Parlimen, sebagaimana Setiausaha Politik, itu untuk hubungan politik. Sebagaimana Setiausaha Akhbar, itu untuk hubungan dengan akhbar. Setiausaha Sulit untuk urusan peribadi. Setiausaha Parlimen bertanggungjawab duduk di Parlimen hari-hari sama ada bill dia ada atau tidak ada, Setiausaha Parlimen wajib hadir di dalam Parlimen, Setiausaha Parlimen bukan eksekutif. Setiausaha Parlimen tidak ada kuasa eksekutif. Menteri dan Timbalan Menteri mempunyai kuasa eksekutif, dia bekerja sebagai eksekutif tetapi Setiausaha Parlimen kerjanya adalah untuk hadir di Parlimen berhubung dengan Ahli-ahli Parlimen, sama ada Ahli Dewan Rakyat atau Ahli Dewan Negara dan kerana itu walau apa pun bill yang dibahaskan dalam Dewan, Setiausaha Parlimen mesti ada di dalam Dewan tidak kira daripada kementerian mana sekalipun kerana sewaktu kita membahas bill atau rang undang-undang yang kementerian lain ada perkara-perkara yang melintasi sempadan kementerian, menyentuh kementeriannya yang patut dia mengambil tahu dan sepatutnya Setiausaha Parlimen hendaklah mempunyai pejabat tetapnya di Parlimen kerana tujuannya untuk menguruskan hal ehwal kementeriannya yang berkaitan dengan Parlimen.

Saya mencadangkan supaya semua Setiausaha Parlimen di dalam kementerian-kementerian diletakkan tetap di Parlimen dengan pejabat mereka di Parlimen supaya sewaktu tidak bersidang pun Ahli-ahli Parlimen sama ada Dewan Rakyat atau Dewan Negara dapat berhubung dengan kementerian tersebut melalui Setiausaha Parlimennya di Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara lagi yang ingin saya sentuh tetapi saya tengok sahabat saya Datuk Haji Ibrahim bin Ali sudah bangun tadi, mungkin beliau mempunyai lebih banyak pandangan lagi tetapi memadailah saya menyatakan bahawa pindaan yang telah dibuat hari ini mengangkat Dewan kita ini setahap lebih baik di dalam pelaksanaan amalan demokrasi kita dan saya yakin kita akan dapat berfungsi dengan baik dan lebih-lebih lagi kalau cadangan saya tadi dapat dipertimbangkan dan dilaksanakan. Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali.

4.14 ptg.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak bercadang untuk mengambil masa yang panjang. Saya hanya turut untuk mengambil bahagian menyokong peraturan yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Menteri bagi pihak Perdana Menteri mengenai Peraturan Mesyuarat Dewan Negara dan sewaktu kita membahas peraturan ini Dewan yang mulia ini akan kehilangan tiga orang ahli Dewan kerana sudah cukup tempoh khidmatnya iaitu yang pertama, Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan, Yang Berhormat Hajah Habshah binti Haji Osman, Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran. Ketiga-tiganya perempuan. Bila mereka cukup tempoh inilah, saya cukup sayu hati sebab kita akan kehilangan tiga tokoh wanita yang cukup berkaliber yang telah banyak memberi sumbangan, buah

fikiran dalam Dewan yang mulia ini dan saya ucap selamat bersara sebagai anggota Dewan Negara, peraturannya, yang tidak boleh disambung seperti kata Yang Berhormat Tuan Haji Hamzah, itu saya sokong, supaya ianya tidak dihadkan perlantikan kepada tempoh dua penggal sebab ia tidak konsisten di Dewan Negara pun, Tuan Yang di-Pertua, seseorang boleh bertanding pilihan raya tidak kira berapa kali, sepenggal, dua penggal, tiga penggal asalkan dia menang, boleh masuk Dewan Rakyat.

Begitu juga anggota kabinet, tidak ada tempoh had, kenapa kita hendak had tempoh perlantikan Ahli Dewan Negara. Ini saya rasa cukup logik, saya menyokong 100%. Hari ini kita akan hilang tiga tokoh, Datin Wan Intan umpamanya. Walaupun beliau dilihat sebagai seorang ibu, sebagai orang yang berumur, jadi bila dia bercakap, cukup bernas. Sudah tentu Datin Hajah Wan Intan, I am going to miss you. Begitu juga dengan Kak Habshah dan Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah. Walau macam mana pun, walau tamat khidmat sebagai anggota Dewan Negara, kita percaya mereka akan terus berjuang seperti mana mereka berjuang sebelum ini dan sampai bila-bila, untuk kepentingan agama, bangsa dan negara. Insya-Allah, saya percaya kalau pandangan yang dibawa oleh Yang Berhormat Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain tadi, kalau diterima oleh pihak kerajaan saya percaya satu hari nanti, dengan izin Allah s.w.t. mereka akan kembali semula ke Dewan yang mulia ini. Insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, peraturan ini antara lain yang paling penting sekali hendak dipinda waktu bersidang, yang besar sekali waktu bersidang. Saya baca Peraturan 11 dipinda sidang daripada 2.30 petang seperti sekarang sehingga 6.30 petang dipinda jadi 10.00 pagi hingga 1.00 tengah hari dan disambung semula dari 2.30 petang hingga 5.30 petang. Ini saya setuju dari dahulu lagi. Saya pernah cadang supaya pagi dan petang. Waktu itu difikir petang sahaja sebab Menteri-menteri banyak tugas di pejabat, urusan kerajaan, urusan rakyat, tak sempat untuk hadir di

Dewan, maka tetap di waktu petang tetapi kata Yang Berhormat Tuan Haji Hamzah tadi betul juga, ada Timbalan Menteri ada Setiausaha Parlimen, jadi tidak ada masalah Dewan boleh bersidang di waktu pagi dan diberi lebih masa perbahasan mengenai tiap-tiap satu rang undang-undang.

Walaupun begitu, saya berharaplah, walaupun masa sidang itu dipinda pagi dan sampai ke petang, jangan dipendekkan tempoh sidang pula. Saya minta sangat, nanti satu sidang Dewan Negara dua hari, tiga hari, macam Dewan Negeri, yang lamanya Dewan Rakyat, terutamanya waktu Rang Undang-undang Perbekalan 45 hari, Dewan Negara bersidang di hujung, itu yang dikata tidak penting. Itu yang jadi tidak penting padahal Dewan Negara itu penting, sebab kalau Dewan Negara tidak lulus, tidak boleh jadi undang-undang. Ini Upper House tidak boleh jadi undang-undang. Sepatutnya, saya cadangkan bila Dewan Rakyat bersidang, waktu Rang Undang-undang Perbekalan sebaik sahaja Rang Undang-undang Perbekalan diluluskan, dua hari selepas itu, Dewan Negara boleh bersidang untuk continuity secepat mungkin. Jadi tidak adalah kata duduk rehat sebab ada perbahasan sudah jadi basi, sudah jadi 'lapse' sebab itu saya percaya janganlah ada ruang yang jauh sangat.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Begitu juga tempoh persidangan, banyak lagi Yang Berhormat yang tidak boleh bercakap dan kita kalau hendak bercakap kadang-kadang setengah jam, mungkin tidak cukup, bercakap panjang sedikit orang lain tidak boleh bercakap. Dalam kepala pun banyak, tidak boleh habis dalam kepala, balik sakit kepala. Ini orang politik macam itu. Sama juga dengan orang wartawan, kalau dia tidak boleh tulis habis hendak tulis tidak puas juga, sekarang ini boleh bercakap sudah macam Yang Berhormat Datuk Zainudin kita. Jadi banyak dan dunia kita ini macam-macam hendak dicakap dan satu perkara pun dia berkait-kait. Mana hendak bercakap lima belas minit, mukadimah

sahaja lima belas minit. Tutup sudah lima belas, badan mana tidak ada, kuat-kuat average 45 minute, dengan izin empat puluh lima minit ke satu jam.

Bayangkan berapa orang boleh bercakap, saya percaya, ini semua boleh bercakap bukan tidak boleh bercakap ini. Cuma kadang-kadang didominate oleh orang tertentu yang memang suka bercakap. Ini betul saya mengaku sebab bukannya tidak suka bercakap sebab masa tidak ada, tidak cukup. Itu satu perkara yang saya harap ditimbang oleh kerajaan. Saya hendak minta Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Yang di-Pertua, berunding supaya tempoh sidang Dewan Negara ini jangan pendek sangat. Walaupun sudah ada sidang waktu pagi sampai petang, sebab kalau kita tahu ruang masa waktu banyak, tentu kita akan buat homework lebih. Ada setengah-setengah tu yang fikirkan tidak buat homework pun tak apa sebab dia tahu, buat homework pun bangun duduk, bangun duduk, tidak dapat. Kalau dapat pun masa tidak ada, lima belas minit, sepuluh minit. Saya percaya kalau bagi ruang yang luas tentu mereka pun akan bersedia, tiap-tiap orang akan bercakap. Dan saya sokong cadangan Select Committee tadi, ini patut lama sudah. Dulu zaman merdeka lepas kita merdeka saya difahamkan ada sistem ini. Kemudian tidak dapat sambutan.

Tetapi kita hendak menuju negara maju kita kena guna sistem demokrasi dan Parlimen seperti negara maju. Select Committee ini maknanya ada jawatankuasa, kita boleh buat mengikut kementerian. Select Committee ini, satu Foreign Affairs, Kewangan, Ekonomi, Kementerian Tanah dan Koperasi, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, semua Select Committee. Bill dibahas di peringkat Select Committee. Kemudian habis bahas sudah puas hati baru bawa ke Dewan Negara atau di bawa ke Dewan Rakyat. Sebab itu kalau kita lihat di Bundestag Germany, kita lihat Diet di Jepun, kita lihat Congress atau Senate di Amerika Syarikat, kita lihat di Westminster saya sudah pernah pergi tengok. Di setengah-setengah Parlimen, saya sudah berucap. Dalam waktu Dewan bersidang kadang-kadang ada dua orang sahaja di dalam. Berucap berapi-api tetapi dua orang, tiga orang, tetapi tidak apa well covered. Sebab

bill itu sudah dibahas di peringkat Select Committee dan pula disebar dengan cara meluas. Jadi saya hendak minta jasa baik Timbalan Yang di-Pertua berunding dengan Tuan Yang di-Pertua sebab banyak sudah Ahli Dewan Negara bercakap, Dewan Rakyat pun ada, saya baca dalam *Hansard*. Saya pun bercakap dulu. Tidak berapa hendak dengar juga. Oleh itu saya cadangkan supaya sidang Dewan Rakyat, sidang Dewan Negara dalam media elektronik, buat laporan Parlimen. Satu berita yang cukup mendapat publisiti, di mana rakyat hendak mendengar.

Sekarang ini laporan, sekarang ini warta berita RTM hujung, setengah jam, tiga minit hendak habis maka sementara itu kata pembaca warta berita “Sidang Dewan Rakyat” Menteri itu cakap sedikit, dia jawab sedikit, habis. Lepas itu laporan cuaca, ada pula laporan Parlimen disambung dengan laporan cuaca, cuba bayangkan sedikit. Patut laporan Parlimen, laporan khas bukan tiap-tiap hari, tiga kali setahun sahaja, empat kali setahun sidang. Adalah setengah jam setiap kali Dewan Rakyat bersidang, Dewan Negara bersidang. Ada meja macam laporan khas, macam persidangan UMNO.

Jadi orang akan ikut, ada orang tidak berminat tetapi ramai juga yang minat. Tentulah bila Yang Berhormat Dato’ Muhamad Abdullah jawab, Yang Berhormat Dato’ Mohd. Noh jawab, panjanglah sedikit. Dulu ada gambar semua sekali, sekarang sudah tidak ada dah. Adalah seorang, dua menteri dicekup di luar di TV bagi interview, kalau ada perkara-perkara yang penting. Tetapi tidak semua orang, itu yang jadi tidak penting sebab rakyat pun tidak tahu maklumat. Kenapa tidak kalau boleh diadakan laporan Parlimen. RTM tidak hendak berunding dengan TV3, TV3 tidak hendak runding dengan NTV7. NTV7 tidak hendak Metro Vision ada. Empat-empat tidak hendak, empat-tempat kita tutup semua sekali [*Ketawa*]. Ha, macam itu. Maksudnya takkan tidak boleh, ada setengah-setengah rancangan tu menyemak sahaja. Memang tidak beri faedah pun.

Sebab itu soal akhbar ini, bila masuk berita, saya naik seronok, seperti saya sebut semalam *New Straits Times*, well covered, berita-berita lain pun tidak ada, bukan tidak ada, tetapi cuba bayangkan. Sekejap lagi ini, Yang Berhormat Menteri Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam akan jawab bla.. bla... Dia akan jawab, "Demikianlah dia menjawab soalan yang dibawa oleh Datuk Ibrahim Ali". Saya soal apa, orang tidak tahu. Dia mai jawab, itu cara laporannya. Mesti ada dia punya prelook kepada soalan ini, baru orang faham.

Jadi maknanya, dulu saya tengok *Star* bagus juga, sekarang ini ada juga laporan tetapi semuka, lepas itu ada pula advertisement, jadi adalah sedikit sangat, takkanlah tidak boleh bagi ruang untuk rakyat mendengar suara yang bercakap soal kepentingan rakyat. *Berita Harian*, *Utusan* ada, bukan tidak ada tetapi kalau tengok walaupun kita tahu dia orang ini komersial, hendak dapat duit lebih, tetapi ada juga berita-berita tengok macam *Star*, setebal tu, yang di tengah tu, saya rasa jarang orang baca tidak bolehkah bagi dua, tiga muka laporan kepada sidang Dewan Rakyat, sidang Dewan Negara, jawapan. Orang bukan hendak dengar jawapan sahaja. Orang hendak dengar pandangan kita, apa kita bercakap. Hari ini keluar *New Straits Times* saya bercakap semalam, dalam *New Straits Times* sahaja keluar saya bercakap bab ITM patut jadi universiti. Saya bercakap bab Roslin masalah pemain badminton kita yang gugurkan, saya sebut semalam. Ada lagi dua perkara penting yang lain. Itu kita hendak sampaikan mesej. Surat-surat khabar tidak keluar, menteri tidak boleh lapor keluar yang dengar dalam ini tidak boleh buat apa, bercakap buat apa, betul tidak?

Jadi kalau menteri ada, tentu sampai, itu saya tidak tahulah semalam sampai atau tidak apa yang saya sampaikan semalam pada pihak yang berkenaan. Jadi ini kena buat, laporan Parlimen, akhbar kita minta main peranan beri ruang yang lebih luas supaya melaporkan berita perbahasan di Dewan Rakyat ke Dewan Negara, Ahli-ahli Dewan Rakyat, Ahli-ahli Dewan Negara masuk perbahasan isu-isu yang dibawa. Sebab itu kadang-kadang parti pembangkang dia act. Dia kata kita kena sokong

pembangkang. Sebab dia kata kalau tidak ada pembangkang, siapa hendak bercakap bagi pihak rakyat dari segi pandangan-pandangan yang kritikal. Pada hal semua orang bercakap, tidak kerana ada pembangkang. Kita pun bercakap, tidak perlu ada pembangkang sebab walaupun ini penyokong kerajaan atau pun anggota parti pemerintah sebahagiannya, tidak ada masalah sebab semua bercakap dan beri pandangan, pandangan yang bernas tetapi orang tidak tahu.

Jadi saya minta supaya perkara ini diberi perhatian. Saya percaya kalau laporan dibuat seperti Persidangan Agung UMNO yang diadakan tiap-tiap tahun di mana dua tiga hari di dalam surat khabar tu penuh, dua, tiga, empat muka kalau pun tidak sebanyak itulah tetapi saya minta sangat supaya pihak akhbar dan media elektronik punya akhbar ini supaya memuatkan perbincangan itu, kalau tidak semua perkara pun isu-isu yang dibangkitkan itu biarlah beritanya orang faham, jangan sekerat-sekerat, tergantung dua, tiga para. Barulah orang tahu apa isi yang hendak kita sampaikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak minta walaupun sekarang ekonomi gawat, tapi Dewan ini penting, sekarang ini orang dengan perbincangan dalam Dewan ini atau duduk di lobi atau kantin bila kita buka sound itu kadang-kadang dengar, kadang-kadang tidak. Kita ini patut sudah canggih. Kita sudah bercakap multimedia, IT. Yang Berhormat, Tan Sri tolong sampaikan ke Kabinet, keluarkan sedikit peruntukan Parlimen, pasanglah closed circuit TV ini di lobby, di kantin, di perpustakaan. Jadi bila ada orang melawat nanti tak masuk dalam Dewan pun tak apa, dia masuk sahaja dalam kawasan Parlimen tengok TV screen - Yang Berhormat Dato' Haji Muhamad bin Abdullah sedang menjawab, Yang Berhormat Ibrahim Ali sedang beraksi - macam itu, berucap, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki, mana dia sudah keluar, macam Yang Berhormat Tuan Haji Hamzah cakap tadi cukup bernas, jadi tak payahlah orang tergesa-gesa ini.

Kalau orang datang dari kampung, hendak masuk tak boleh sebab tak pandai pakai 'tie', baju Melayu pun tak bawa, biarlah Parlimen ini orang boleh datang then and then, jadi orang datang ke KL ini rasa hendak pergi Parlimen hari ini, dia datang ke Parlimen, kalau tidak dia bergegas cari 'tie', cari baju kot, cari baju Melayu, just make thing easy. Kita kena buat Parlimen ini friendly macam environment friendly. Jadi caranya kalau tidak boleh masuk dalam Dewan pun sekurang-kurangnya duduk dekat luar, duduk di tangga dekat luar pun tak apa, ada circuit TV, sedang bercakap boleh tengok TV dekat lobby, dekat bawah, dekat perpustakaan, TV kecil pun jadi. Dan semua Parlimen di dunia ini ada, kita yang tidak ada, sebahagian besar ada, saya sudah tengok, jadi itu yang saya cadangkan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh soal representative dalam Dewan Negara, tadi disebut oleh Yang Berhormat Tuan Haji Hamzah iaitu 26 dilantik oleh wakil-wakil negeri. Negeri ini mana parti memerintah parti itu yang melantik, di Kelantan dapat kepada PAS, PAS sudah ada dua wakil, jadi orang kata Dewan Negara ini tak bermaya, sebab pada Lim Kit Siang, Ketua Pembangkang Parti DAP, kerana orang dia tak boleh masuk, DAP tak boleh masuk, tak menang satu pun, tak ada wakil, maka pada dia Dewan Negara ini tidak guna. Pada hal ada wakil PAS, cuma ada dua orang, tinggal lagi wakil PAS ini semua menyokong kita, tidak ada apa yang dia tidak sokong kita, semua sekali dia sokong, baik sungguh. Apa bill pun saya tak pernah dengar dia tentang, semua dia sokong.

Jadi tidak ada masalah, sebenarnya itulah yang berlaku. Jadi apa yang saya hendak cadangkan di sini memanglah perlantikan itu Dewan Negeri, kita tidak ada hak, itulah amalan sistem yang ada. Sebahagian lagi dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri. Dan Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri sudah pun menggunakan budi bicara yang cukup hemah tingginya sebab kita lihat dalam Dewan Negara hari ini macam-macam golongan ada, representation all work of live ada, semua ada, dari parti politik ada, daripada kontraktor ada Tuan Haji

Rosli Mat Hassan, wakil Orang Asli pun ada, walaupun muka tidak macam orang Asli, nampak macam Melayu, tidak seperti Orang Asli, macam-macam wakil ada. Baru ini yang baru meninggal, sahabat karib kita Yang Berhormat Dato' Zainol Abidin Johar, itu wakil Persatuan Perajurit ada, pernah saya cadangkan dilantik lagi wakil-wakil dari bermacam-macam pertubuhan.

Maknanya parti kita ini yang didukung oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai pemimpin tidak kedekut, dia tak lantik orang UMNO semua. Sekarang dia lantik pula wakil wartawan Yang Berhormat Datuk Zam (Zainudin Maidin), makna bukan orang UMNO sahaja, lepas itu berbagai kaum pula, orang India ada, orang China ada, semua ada, ini ramai, India pun tidak sedikit, tambah dengan Yang Berhormat Pandithan pula, lagi ramai, semua ada. Walaupun ramai tetapi ada representationnya, jadi Alhamdulillah. Cuma saya hendak cadangkan kalau boleh dalam pada perlantikan ini atas nasihat Perdana Menteri oleh Yang di-Pertuan Agong, saya lihat bila lantik wakil-wakil pertubuhan, tidak semestinya lantik orang itu jadi presiden, orang itulah berhak dilantik jadi Senator, tidak. Contohnya persatuan Kontraktor Bumiputera, sekarang ini wakilnya Yang Berhormat Tuan Haji Rosli Mat Hassan. Dia dilantik oleh kerana Presiden Persatuan Kontraktor, sekarang ini Wakil Rakyat Negeri, maka dia dapat, Alhamdulillah itu rezeki kerana Allah Ta'ala.

Walau bagaimanapun saya hendak cadang ini baik, macam Persatuan Perajurit tak semestinya Presiden Persatuan Perajurit boleh jadi Setiausaha Agung, boleh jadi ahli tentera pun tak apa, asalkan dia itu bekas 'army', bekas askar, he can be a general, he can be a captain dalam jawatankuasa. Janganlah katakan syaratnya mesti jadi Presiden, yang saya takutnya nanti, kalau perlantikan yang dibuat atas amalan, ada pertubuhan yang kita beri, wakil melantik Ahli Dewan Negara, akhir sekali ahli-ahli pun sudah tahu, jadi Presiden Pertubuhan A ada peluang jadi Senator, jadi parti politik, bergasaklah jawatan nanti. Berlakulah pertandingan yang sengit dalam pertubuhan yang berkenaan, kerana hendak rebut jawatan supaya dapat jadi Senator.

Oleh hal demikian saya cadangkan supaya tak semestinya orang yang berjawatan Presiden, he can be sesiapa sahaja boleh dilantik sebagai Senator, sebagai Ahli Dewan Negara.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak stress soal tempoh perlantikan tadi, dalam saya sokong Yang Berhormat Tuan Haji Hamzah tadi saya hendak qualify lagi hujah saya, amat penting sangat, supaya perlantikan Ahli Dewan Negara ini tidak dihadkan kepada dua penggal, ini jangan pula kita bercakap ini, supaya takut nanti habis hendak disambung semula, tidak. Kita ada setengah-setengah orang, kalau macam saya tidak ada masalah sebab saya ada kawasan, maknanya tidak ada masalah, asalkan dapat sokongan rakyat boleh kembali ke Dewan Rakyat dan sebagainya. Tetapi prinsipnya Cabinet Ministers there is no duration of period, so that they can served the country dengan izin, ada wibawa, bersih, cekap, tak mencarut, tak mengarut, maka terus dia boleh dikekalkan. Begitu juga anggota Dewan Rakyat menang bertanding lepas itu, bertanding lagi, menang, atas sokongan rakyat, jadi kenapa kita hendak had dua penggal kepada Ahli Dewan Negara, saya tengok tidak logik langsung, tidak konsisten.

Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri dari Jabatan Perdana Menteri ini, tolong bentangkan dalam Kabinet, pandangan supaya tempoh ini tidak dihadkan, ini bukan saya sahaja, semua setuju, tak semua dapat bercakap tetapi semua setuju. Jadi saya harap sangat perkara ini diberi perhatian.

Selain daripada itu saya juga menyokong, saya hendak bagi affirmative support kepada Yang Berhormat Tuan Haji Hamzah tadi mengenai kehadiran di Parlimen Dewan Negara ini, Setiausaha Parlimen, Timbalan Menteri, menteri tak apalah dia datang petang, pagi dia jumpa rakyat, mesyuarat Kabinet, pos-kabinet, ada hendak rasmi itu, rasmi ini. Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen pun ada juga jemputan tetapi priority dia ialah kepada Dewan Rakyat dan Dewan Negara, they must

be here, dengan izin. Jadi saya haraplah, supaya perkara ini diambil perhatian supaya orang tengok pun sedap, ini tengok tak ramai.

Kalau tengok dari segi kuorum, Tuan Yang di-Pertua, kita boleh bangga dengan Dewan Negara ini, semasa bersidang ini ada jugalah mungkin tak cukup kuorum, tetapi sentiasa cukup kuorum, setiap kali persidangan kehadiran ramai di sini dengan tempat lain, maknanya lebih 20 orang ada, tetapi tak sedap kalau Dewan Negara ramai ada, semata-mata 30 atau 40 orang, ada Menteri seorang, dua Setiausaha Parlimen, jadi yang kena bertugas sahaja ada, yang tak kena bertugas tak hadir sebab kononnya hari ini Yang Berhormat Dato' Haji Muhamad Abdullah bertugas, maka dialah patut ada, tak betul. Semua Setiausaha Parlimen mesti ada di sini. Kalau setengah-setengah itu rasa tidak ada masa, tak upaya, ramai lagi yang lain boleh, yang duduk menunggu ini, yang mungkin ini, saya cakap terang-terang ini supaya yang dengar perbahasan ini bukan sahaja dua tiga orang anggota Kabinet, anggota kerajaan, pegawai-pegawai yang hadir bagi pihak kementerian, tetapi menteri-menteri sendiri. Kadang-kadang walaupun tidak ada kena mengena bill dengan kementerian berkenaan tetapi ada juga sentuh bill yang berkenaan, macam semalam saya bercakap Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan tak ada dalam perbekalan tambahan Kementerian Kesihatan, saya sudah sentuh soal doktor Melayu, soal Pusat Islam, tidak ada kena mengena, tetapi saya boleh bercakap, sebab peraturan kata begitu, saya boleh bangkit apa sahaja, dia tak dengar. Jadi tentulah kalau dia ada dia, boleh jawab.

Jadi itu sahajalah, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh cadangan peraturan ini. Dan satu lagi, maaf, saya tak sebut tadi ada beberapa bahagian Peraturan 17(7)(a) di mana Tuan Yang di-Pertua, boleh menolak dalam kamar mana-mana usul yang dikemukakan padanya jika Tuan Yang di-Pertua berpuas hati bahawa pencadangnya hanya berniat hendak mengambil peluang berucap dalam Majlis Mesyuarat. Ini penting, tetapi Dewan Negara tidak ada masalahlah sebab dua wakil

PAS pun tidak pernah hendak bawa usul-usul tergepar,-isu penting di luar, macam Ketua Pembangkang, Tuan Lim Kit Siang, dia hendak tunjuk dia ini hebat, dia ini juru bicara rakyat, dialah ambil perhatian rakyat, dialah berjuang untuk rakyat, dia hanya buat ucapan untuk dapat publicity. Jadi gunakanlah bahagian ini dengan sebaik mungkin.

Saya menyokong penuh. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Sairin.

4.38 ptg.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya akan cuba memberi pandangan sesingkat mungkin. Pertamanya, saya ingin menyokong atas cadangan Pindaan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara, dan turut menyokong cadangan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Hamzah Mohd. Zain mengenai dengan tempoh seorang Ahli Dewan Negara bertugas ataupun diberi tugas. Saya tidak perpanjangkan soal ini tetapi memang saya menyokong seratus peratus.

Dan yang kedua, cuba bayangkan kalau ada seorang Ahli Yang Berhormat kita yang tamat tempohnya, dia baru bertugas lebih kurang dua tahun tiga bulan, selepas itu orang ini terpaksa berhenti kerana Ahli Dewan Negara itu bertanding di dalam Dewan Rakyat atau Member of Parliament. Sisa tujuh bulan itu terpaksa diganti oleh orang lain, kemudian lepas itu disambung untuk satu tempoh tiga tahun, maknanya orang itu terbatas untuk bertugas hanya selama tiga tahun tujuh bulan. Jadi saya memang amat bersetuju dan menyokong penuh agar perkara ini dikaji dan kalau boleh janganlah ada had sebab sayang kalau ada pemimpin-pemimpin kita yang hebat-hebat mempunyai fikiran dan pandangan yang jauh, barangkali kalau Datuk Ibrahim Ali masih ada di sini, dia ajar saya satu bahasa dia kata 'pemimpin ganhok' ini saya rasa bahasa Kelantan 'pemimpin berani mati'. Jadi barangkali kita sayang kalau ada pemimpin macam ini tiba-tiba terhenti perkhidmatannya, pandangannya pada kerajaan dalam keadaan kerajaan memerlukannya. Jadi saya amat bersetuju kita serahkan kepada Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri untuk mengatur mana-mana yang terbaik, tapi saya rasa janganlah hanya akan kepada tempoh dua tahun atau beberapa tahun.

Yang kedua, adalah barangkali kurang adil bila kita menyebut Menteri, Timbalan, Setiausaha Parlimen mesti ada, saya rasa memang ada wajarnya, tetapi barangkali kita juga memahami bahawa mereka juga mempunyai tugas-tugas tertentu. Tetapi apa salah sekiranya dalam persidangan-persidangan Dewan Negara tidak pun barangkali diwajibkan untuk setiap mana kementerian, biarlah ikut mana-mana yang tersentuh di dalam apa yang kita bincangkan mereka bersama dengan kita. Kalau Kementerian Kesihatan ada di situ kalau Menterinya tidak ada, Timbalan Menterinya ada, kalau Timbalan Menterinya tidak ada Setiausaha Parlimennya ada, jadi saya rasa kesinambungan seumpama ini perlu kita beri kelonggaran, jangan paksalah sebab tidak adil juga bila saya lihat bahawa kita di sini kita berapi-api memberi pandangan kita punya ahli Senate di sini pun kita punya ahli-ahli Dewan Negara di sini pun tidak tahu tinggal berapa orang, itu pun saya bersetuju.

Kalau boleh adalah dalam zaman canggih ini ada dipasang televisyen kalau tidak ada televisyen pun barangkali kosnya agak besar mungkin di dewan makan, kita kadang-kadang tidak ada suara, hanya semasa Dewan Rakyat bersidang ada suara kita dengar semasa kita makan, tetapi selepas itu Dewan Negara bersidang saya belum pernah dengar ada siaran langsung yang disalurkan ke bahagian kantin, tempat kita makan. Begitu juga di sini kelmarin kita duduk di situ tiba-tiba terputus-putus suara yang kita tidak dengar, jadi kita tidak dapat ikuti.

Saya tidak memaksa Ahli Dewan Negara untuk duduk di sini dari awal hingga akhir, tetapi saya rasa kalau ada kemudahan-kemudahan yang disebut tadi, insya-Allah dapatlah kita mengikuti pandangan dan pendapat daripada rakan-rakan kita khusus untuk membina negara kita yang tercinta ini.

Hanya untuk makluman bukan sebagai perbandingan di Dewan Undangan Negeri Sarawak, saya pernah ke sana pada satu ketika dahulu, bersama dengan Kelab Senator, begitu canggih. Daripada dahulu Tuan Yang di Pertua menyaksikan, *Hansard* yang mereka buat, buat hari ini petang sudah siap. Jadi saya tidak salahkan kakitangan di sini, kita berjumpa dengan kakitangan Parlimen, kakitangan kita pun kurang. Alhamdulillah, hari ini sudah ada tambahan, tetapi itupun kerana barangkali kita terlalu banyak bercakap, di sini banyak kerja yang dibuat sehingga *Hansard* ini bukan senang untuk disiapkan. Itu yang saya lihat kelebihan di negeri Sarawak.

Kemudian, di negeri Sabah, Dewan Undangan di Negeri Sabah, hampir di seluruh pelosok dipasangkan televisyen. Jadi memang betul sahaja saya sokong cadangan Datuk Ibrahim Ali, kalau pun tidak dapat masuk, bukan semua orang dapat masuk di kawasan yang seumpama ini, di luar mereka akan menyaksikan bagaimana telatah pemimpin-pemimpin mereka, apa pandangan menteri-menteri mereka, dan apa pandangan daripada rakan-rakan di Dewan Negara dan di Dewan Rakyat. Dan selain daripada itu saya

juga memohon mengenai dengan siaran langsung, kalau tidak siaran langsung, ada ulasan-ulasan daripada radio, macam radio saya rasa okay cuma televisyennya masih kurang. Memanglah sedikit sekali. Itu makanya saya dan beberapa rakan terutama yang saya ingat Datuk Abdul Aziz, pernah mencadangkan TV1 jangan ada iklan, kita gunakan untuk kegunaan kerajaan 100 peratus. Tetapi barangkali ada sebab yang tidak boleh kita lakukan, tetapi apa salah kalau kita perkuat cadangan tadi, selepas 8.30 *Berita Perdana* kita selitkan barangkali 10 minit atau 15 minit untuk siaran langsung semasa Dewan Rakyat bersidang atau Dewan Negara bersidang. Sebab lain juga rasanya, macam, semalam, kemudian hari ini, bila kita terbaca nama kita ada di situ memang lain. Bayangkan diri kita seluruh Malaysia melihat oh ini Datuk Ibrahim Ali, Datuk Sairin, dia bertanya fasal soal masalah pedalaman, dia bertanya soal negara. Jadi bila rakyat lihat ini, mereka akan memikirkan bahawa apa sumbangan yang patut saya bagi atau yang patut kita beri. Jadi saya bersetuju sangat, kalau boleh biarlah selepas kalau pun tidak dapat di tengah-tengah siaran berita, selepas *Berita Perdana*, lepas 8.30 sambung sampai 8.45. Saya tengok TV3 dari jam 8.00 sampai jam 9.00 tetapi mengenai Dewan Negara dan Dewan Rakyat tidak ada satu pun yang dimasukkan. Jadi mohonlah kepada kementerian berkenaan supaya perkara ini dapat ditimbang.

Saya juga ingin menyentuh satu perkara iaitu dalam Peraturan Mesyuarat 22, izinkan saya untuk membaca, "...dengan memasukkan selepas subperenggan P, subperenggan yang berikut, Q sesuatu pertanyaan tidak boleh dikeluarkan berhubung dengan apa-apa perkara yang terkandung di dalam". Ini muka surat 6. Dalam muka surat 7 Senarai Negeri dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan. Saya kurang arif mengenai dengan soal ini adakah ini bermaksud bahawa soalan tidak boleh ditanya terutama mengenai dengan negeri, barangkali secara kebetulan kita di Dewan Negara ini tidak mempunyai kawasan seperti ahli-ahli Dewan Rakyat. Kalau itulah maksudnya saya mohon supaya ini dilonggarkan, biarlah kita bebas bertanya terutama mengenai dengan negeri, mengenai dengan apa-apa yang bersesuaian dan kalau pun tidak sesuai saya ingat kita ada suatu badan khas untuk menapis soalan-soalan ini. Bila soalan itu tidak kena mengena saya fikir bolehlah diketepikan.

Di samping itu juga, saya ingin berkongsi pandangan, kalau boleh saya bukan minta supaya soalan-soalan yang dikemukakan itu mesti fair and square, dengan izin, tetapi kalau boleh soalan, umpamanya saya punya soalan, sepanjang Persidangan Parlimen, sepanjang persidangan Dewan Negara hari ini satu pun tidak ada, saya tengok No. 50, Yang Berhormat Datuk Abdillah No. 49, jadi terlampau jauh. Jadi ada juga yang tidak dikemukakan, barangkali kita sebut top ten soalan tu, maknanya kalau top ten tu guarantee dapat dijawab, tetapi yang lain sampai 50. Jadi, saya bersyukurlah, memang saya bersetuju sangat supaya soal tempoh kita untuk bersidang seperti yang dicadangkan, saya menyokong seratus peratus. Jadi lain daripada itu, sekali lagi saya dengan ini menyokong penuh.

4.47 ptg.

Hajah Rahaiah binti Baهران : Terima kasih Tuan Yang di Pertua, saya bangun untuk menyokong cadangan untuk meminda Peraturan Mesyuarat Dewan Negara mengikut seperti cadangan yang dilampirkan cuma Tuan Yang di Pertua, saya ingin secara rasminya mengucapkan terima kasih kepada ahli Dewan yang telah pun tadi menyebut bahawa kini berakhirnya kami bertiga berada di Dewan yang mulia ini dan juga saya rasa agak wajarlah kalau saya katakan menyokong di atas pengawalan masa mesyuarat bersidang pada masa hadapan walaupun kami tidak akan hadir di Dewan yang mulia ini. Jadi, kami merasakan satu peningkatan yang baik.

Seterusnya saya ingin menyentuh berkenaan dengan perkara yang agak kecil tetapi harap dapat diambil kira iaitu berkenaan dengan Peraturan Mesyuarat 23. Saya sebagaimana Yang Berhormat Dato' sebelum saya tadi berkata bahawa saya menyokong di atas soalan-soalan yang sepanjang enam tahun saya berada di sini telah diberi penghormatan dan diberi masa untuk memberi soalan lisan dan bangun untuk membahaskan. Cuma saya ingin pihak Tuan Yang di Pertua melihat juga soalan-soalan Ahli Dewan Negara yang dipinggirkan, ataupun ada ahli-ahli Dewan mungkin ini tidak disengajakan yang mendapat tempat tempat di setiap masa persidangan dan ada juga ahli Dewan seperti kata Dato' tadi yang telah dipinggirkan, bukan kata tidak ada, ada tetapi soalan 9 dan 10 yang mana saya rasa mintalah mengambilk perhatian dan sikit sensitif di atas perkara ini.

Seterusnya saya juga ingin mengambil perhatian contohnya, macam hari ini dan berlaku sebelum ini bahawa yang saya tahu soalan saya pada hari ini adalah No. 42 yang mana semasa saya menulis, saya minta Kementerian Pertanian untuk menjawab, tetapi di sini disebut Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi.

Jadi, kalau pun ingin untuk membetulkan kementerian tersebut, wajarlah saya rasa beritahu saya dahulu, mengapa ditukarkan? Kerana perkara ini bukanlah tanggungjawab Yang Berhormat Menteri kita di sini, tetapi ialah tanggungjawab Kementerian Pertanian. Jadi, adakah pihak Urusetia Parlimen faham soalan saya. Jadi, kalau pun ingin untuk membetulkan harap beritahu saya dahulu supaya tidak menjadi tanda tanya. Kementerian yang saya sebutkan ialah Kementerian Pertanian, tetapi disebutkan di sini ialah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Perkara yang sebenarnya tidak betul. Jadi, saya haraplah sebagai satu perkara yang patut, beritahulah saya bahawa ada pembetulan sama ada setuju atau tidak setuju.

Jadi, itulah dua perkara yang ingin saya sebutkan. Juga saya ingin menyokong lebih 100% Perkara 23D, perenggan 1 yang mana biarlah soalan tambahan tidak lebih

daripada 3 soalan. Pastikan biar cukup 3 soalan supaya dapat ramai daripada kalangan kita mendengar lebih banyak jawapan daripada kementerian-kementerian. Jadi, inilah sedikit sahaja saya sertai perbahasan ini. Saya ucapkan banyak maaf jika saya terlanjur kata dalam Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong.

5.53 ptg.

Tuan Yim Chee Chong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Negara kita Malaysia adalah sebuah negara yang bercorak demokrasi berparlimen. Yakni kita mempunyai Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Mengikut Perlembagaan Negara kita setiap lima tahun kita mengadakan pilihan raya, di mana rakyat jelata akan memilih wakil rakyat dan mana parti yang mempunyai majoriti dalam Dewan Rakyat akan menubuhkan kerajaan. Pada hari ini nampaknya sistem demokrasi berparlimen ini berjalan dengan licin dan baik dan mendapat pujian dari rakyat negara kita dan rakyat di dunia. Di samping itu, kita mempunyai Dewan Negara. Ahli-ahli Dewan Negara adalah dilantik oleh Dewan Undangan Negeri masing-masing dan juga dilantik oleh Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, selama dua tahun empat bulan saya berada di Dewan Negara ini, saya mendapati bahawa Ahli-ahli Dewan Negara berkhidmat dengan sedaya-upaya untuk negara, dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat memberi pandangan, cadangan dan teguran yang membina kepada kerajaan, without fear or favour. Pandangan, teguran dan cadangan ini adalah suara rakyat. Nampaknya kerajaan kita sentiasa mengambil berat cadangan-cadangan dan teguran-teguran kita. Dewan Negara memainkan satu peranan yang penting untuk menyampaikan suara rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya, saya menyokong penuh cadangan Yang Berhormat Hamzah yang mengatakan tugas sebagai seorang Ahli Dewan Negara tidak dihadkan sebanyak dua penggal sahaja. Selagi kerajaan kita, selagi negara kita memerlukan perkhidmatannya, maka tiga penggal dan seterusnya, harap dapat

cadangan ini diambil berat oleh Kerajaan Persekutuan kita. Sekiranya kalau cadangan ini tidak diterima, maka saya cadangan kepada Dewan Negara pada petang ini supaya penggal Ahli Dewan Negara dari tiga tahun hingga lima tahun. Pada masa dahulu penggal Ahli Dewan Negara adalah enam tahun. Kemudian dipendekkan jadi tiga tahun dan perkhidmatannya tidak lebih dari dua penggal. Kepada Ahli-ahli Dewan Negara MCA seperti yang diketahui oleh semua orang biasanya satu penggal sahaja. Bermakna tiga tahun dalam Dewan Negara ini.

Selama dua tahun lebih ini saya berasa susah hati kerana ramai kenalan baru, sahabat-sahabat baru satu demi satu meninggalkan Dewan Negara. Tidak lama lagi Senator Hajah Rahaiah Baheran, Senator Datin Hajah Wan Intan dan Senator Hajah Habsah Osman akan bersara dan meninggalkan kita. Bila kita akan bertemu di Dewan Negara lagi. Kalau kita pinda Perlembagaan, selagi Dewan Negara memerlukan perkhidmatan kita, maka kita tidak kira berapa penggal. Nampaknya Ahli-ahli Dewan Rakyat, menteri-menteri selama 20 tahun masih dalam Dewan Rakyat ataupun 30 tahun masih dalam Dewan Rakyat. Saya harap cadangan saya ini dari tiga tahun hingga lima tahun akan dapat dipertimbangkan oleh Kerajaan Persekutuan kita.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini saya ingin menyentuh pencen Ahli Dewan Negara. Mengenai pencen Ahli Dewan Negara ini, saya mengemukakan cadangan ini bagi pihak sahabat-sahabat saya. Oleh kerana saya sudah lima tahun di Dewan Rakyat dan hampir tiga tahun di Dewan Negara, pencen saya tidak jadi masalah. Tetapi sahabat saya ada yang berkhidmat satu tahun atau lebih dari satu tahun sudah meninggal dunia dan meninggalkan isteri ataupun isteri-isteri dan anak-anak. Kerajaan kita harus menjaga kebajikan mereka itu kerana suaminya atau bapanya semasa hidup berkhidmat untuk nusa dan bangsa, berkhidmat untuk Dewan Negara, sekarang sudah

meninggal dunia, siapa akan menjaga kebajikannya, tentang nafkah hidup itu, siapa akan menyokong dia?

Baru-baru ini senator-senator kita pun ada yang meninggal dunia setelah berkhidmat lebih daripada satu tahun. Kalau mengikut peraturan, orang yang berkhidmat lebih daripada satu tahun itu tidak mendapat pencen. Jadi, saya cadangkan kalau boleh sesiapa yang berkhidmat lebih daripada satu tahun dianggap sebagai satu term dan entitle to pension – as a senator entitle to pension. Saya diberitahu oleh Dato' Haji Mohd. Zuki semalam – beliau tidak ada di sini, beliau kata kalau ADUN berkhidmat selama 6 tahun, satu hari kalau beliau dilantik sebagai seorang EXCO member maka, dia mendapat full pension – pencen EXCO member dan juga saya diberitahu oleh Datuk Khoo – dia kata skim menteri one year kalau sudah jadi menteri – menteri ada di sini, saya belum jadi menteri, saya tidak tahu sama ada betul atau tidak, dia kata mengikut skim menteri kalau satu tahun sudah menjadi menteri, maka dia boleh dapat pencen menteri. Tuan Yang di-Pertua, saya harap sesiapa yang berkhidmat di dalam negara lebih daripada satu tahun, kalau sekiranya meninggal dunia, familinya akan mendapat pencen daripada kerajaan. Kita harus menjaga kebajikan balu dan anak-anaknya.

Tuan Yang di-Pertua, tentang tempoh senator. Ada senator yang berkhidmat satu tahun sudah letak jawatan, yang lain sambung dua tahun lagi ataupun satu setengah tahun menjadi ahli senator sudah letak jawatan, yang lain sambung perkhidmatannya – kalau macam itu kedua-duanya pun tidak mendapat pencen. Jadi ini adalah tidak adil kepada senator yang lain. Jadi, saya cadangkan kalau sekiranya sesiapa meletak jawatan, satu atau dua tahun selepas mengangkat sumpah, orang yang sambung itu bukan sambung perkhidmatannya, adalah dianggap satu term yang baru menjadi ahli Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut cadangan pindaan Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Negara ini – saya telah membaca dengan teliti, nampaknya pindaan Peraturan ini adalah lebih berkesan daripada Peraturan yang lama. Ini bukan bermakna Peraturan yang lama tidak baik, itu pun baik juga tetapi lebih berkesan daripada yang lama. Misalnya, Peraturan 11– tentang waktu bersidang. Pada masa yang lalu adalah mulai dari 2.30 hingga 6.30 petang. Sekarang pindaan baru adalah dari 10.00 pagi hingga 1.00 petang dan dari 2.30 hingga 5.30 petang.

Tuan Yang di-Pertua, orang Cina pada zaman dahulu kala mengatakan masa yang penting sepanjang hari adalah waktu pagi dan musim yang penting sepanjang tahun adalah musim bunga. Jadi, saya mengingatkan kepada semua kaum bahawa masa yang penting sepanjang hari adalah waktu pagi. Waktu pagi otak kita segar dan tidak mengantuk. Dulu saya menuntut di Methodist School Seremban – afternoon school, pukul 1.00 hingga 6.00 petang, saya sentiasa mengantuk semasa belajar. Sekarang kita bersidang 2.30 petang nampaknya ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengantuk terutama di Dewan Rakyat. Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng pernah mengatakan Yang Berhormat Dato' Lim Keng Yeik tidur di Dewan Rakyat. Yang Berhormat Dato' Lim Keng Yeik menjawab, “Bagaimana you tahu saya tidur, saya berehat tutup mata sahaja”. *[Ketawa]* Ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat ini mengantuk waktu petang oleh kerana dia terlalu kuat kerja, terlalu berkhidmat kepada rakyat, sudah penat waktu petang – mengantuk. Ini pun ikut teori doktor, ini biasa. Jadi, kalau kita bersidang pada waktu pagi mulai dari pukul 10.00 pagi saya ingat lagi baik daripada pukul 2.30 petang. Selain daripada itu, kalau 20 hari bersidang mulai dari 10.00 pagi, maka 10 hari boleh selesai. Kita boleh pulang ke kampung halaman dengan secepat mungkin. Ada sahabat handai dari jauh – dari Sabah atau Sarawak – orangnya ada di sini, hati ada di rumah – ingat akan isteri atau isteri-isteri ataupun anak-anaknya. Kalau kita cepat selesai.....

Tuan Hanipah bin Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Yim Chee Chong: Ada laluan?

Tuan Hanipah bin Ahmad: Saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat. Disebutkan ada dua kategori – Ahli Yang Berhormat ada yang mengantuk, ada yang tidak mengantuk. Boleh saya tahu Yang Berhormat masuk dalam kategori yang mana satu?

Tuan Yim Chee Chong: Saya? Sekarang saya tidak mengantuk. *[Ketawa]*
Ini tidak ada kategorilah, tidak mengantuk!

Tuan Yang di-Pertua, sekarang adalah economic recession, kita harus menjimatkan wang negara. Kalau 20 hari kerajaan hendak bayar elaun 20 hari tetapi kalau kita bersidang pada waktu pagi, 10 hari boleh selesai. Jadi, kita dapat menjimatkan wang negara, dapat menjimatkan wang rakyat. Oleh itu, mengikut pandangan saya, pindaan ini adalah pindaan yang lebih baik daripada Peraturan yang lama. Selain daripada itu, Peraturan 23 meminda perkataan ‘mulut’ dengan perkataan ‘lisan’. ‘Jawab mulut’ saya ingat bahasa kasar, orang sentiasa cakap dalam bahasa pasar, ‘lisan’ ini adalah bahasa yang halus – bahasa persuratan. Jadi, pindaan ini saya ingat lebih baik daripada ordinan yang lama.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Persekutuan. Ini adalah kali yang kedua – tentang peruntukan Ahli-ahli Dewan Negara. Satu penggal cuma RM100,000 sahaja – tidak mencukupi. Tahun yang lalu saya ada mencadangkan satu tahun RM100,000. Ahli-ahli Dewan Rakyat RM500,000 satu tahun. Bukan kita hendak ambil wang itu, wang itu kita hendak beri sekolah, masjid, kuil, temple atau persatuan kebajikan tempatan. Biasanya ke mana-mana kita pergi untuk menghadiri apa-apa mesyuarat orang kejar di belakang kita meminta peruntukan. Setakat ini RM100,000 satu term tidak mencukupi. Jadi, saya ulangi cadangan saya iaitu satu tahun RM100,000, satu penggal RM300,000 supaya kita lebih rapat dengan rakyat.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Yim Chee Chong: Ya?

Datuk Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin kepastian. Kalau tidak silap saya telah diluluskan RM300,000 untuk satu penggal bagi Ahli-ahli Dewan Negara.

Tuan Yim Chee Chong: Sudah lulus? Bila lulus? Saya kurang arif dalam hal ini. *[Ketawa]* Sudah luluskah? *[Disampuk]* Bila? Macam mana dikatakan sudah lulus. Saya belum mendapat maklumat lagi setakat ini. Kalau lulus baik jugalah, minta tambahlah, *[Ketawa]* tidak payahlah! Tidak payah tambah lagilah. Kalau lulus harap luluslah, betulkah atau tidak? Ada sesiapa yang boleh mengesahkan sudah lulus satu tahun RM100,000?

Tuan Janggu anak Banyang: Tuan Yang di-Pertua, kebenaran peruntukan untuk Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara sudah lulus tahun dahulu. Saya sendiri sudah pakai peruntukan itu.

Tuan Yim Chee Chong: Satu tahun RM100,000?

Tuan Janggu anak Banyang: Bukan, tiga tahun RM100,000.

Tuan Yim Chee Chong: Oh, itu tidak lulus! Tidak faham erti cadangan saya tadi! Saya minta satu tahun RM100,000, bukan 3 tahun RM100,000, itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana sahabat-sahabat lain ingin berbahas atas cadangan pindaan Peraturan ini, jadi saya memohon menyokong cadangan meminda Peraturan Mesyuarat Dewan Negara. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Rosli.

5.10 ptg.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya pertamanya bangun seperti rakan-rakan yang lain, itu pun agak kesuntukan masa hari terakhir tetapi oleh kerana Penyata Khas yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi ada hubungkait secara langsung dengan aktiviti Ahli-ahli Dewan Negara,

maka atas dasar tanggungjawab selaku Setiausaha Kelab Senator yang menyokong kerja-kerja harian, saya rasa ada beberapa perkara yang telah dicadangkan dan disyorkan oleh beberapa rakan terdahulu tidak akan saya sentuh, cuma ada dua tiga perkara yang kita boleh berbincang sama untuk dipertimbangkan oleh kerajaan.

Secara dasarnya Peraturan-peraturan Mesyuarat ini adalah satu pendekatan yang bermakna dan pragmatik kepada kita khususnya perkara-perkara yang berkait dengan tambahan masa tetapi argument, dengan izin, yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri supaya tidak seperti beberapa kali sidang yang lalu diminta tambahan masa, tambahan hari kita bersidang. Satu yang saya ingin ingatkan kepada kita dan kerajaan, sebenarnya kewibawaan Dewan Negara telah meningkat. Itu saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, telah beberapa kali dan telah memperkatakan kita tidak boleh hendak bercakap masalah kita, tetapi saya rasa mutu dan kualiti Ahli-ahli Dewan Negara ditingkatkan dan sekiranya kita memberi argument masa yang tidak mencukupi itu adalah kerana kesilapan Ahli-ahli Dewan Negara bercakap dan memberi pandangan, saya agak kurang setuju tetapi kalau masa yang ditambahkan ini adalah untuk memastikan Ahli-ahli Dewan Negara dapat berbahas dengan lebih bermutu, saya bersetuju dan ini saya rasa kita semua akur.

Malah Ahli-ahli Dewan Negara bersetuju untuk bersidang sehingga larut malam dan Ahli-ahli Dewan Negara tidak seorang pun membantah apabila kita bersidang hingga larut malam. Saya jangka malam ini kita akan agak lewat malam kalau Ahli-ahli Dewan Negara dapat diberi peluang saksama. Dilema kita Ahli-ahli Dewan Negara sekiranya kita tidak bangun membahaskan beberapa akta yang dibentang dan dicadangkan oleh kerajaan, kita dianggap tidak bermaya, tidak mempunyai mutu dan kita akan hilang identiti sebagai Ahli Dewan Negara dan Dewan Negara sendiri akan kehilangan wibawanya. Jadi sesuai dengan Dewan Negara sebagai sebuah institusi yang agak tinggi diletakkan di dalam Perlembagaan Negara, maka saya dengan ini bersetuju yang amat sangat dan kalau boleh diperpanjangkan

perkara-perkara yang berkaitan dengan publisiti sebagaimana yang dicadangkan oleh Datuk Ibrahim tadi.

Tetapi yang lebih penting lagi ialah masalah protokol dan kedudukan. Bukan kerana saya sebagai seorang Ahli Dewan Negara, tetapi protokol di peringkat Persekutuan, kita nampak kadang-kadang ada jemputan rasmi yang dibuat dan dilaksanakan oleh kerajaan, Ahli Dewan Rakyat dijemput tetapi Ahli Dewan Negara tidak dijemput. Mutakhir ini ada dijemput tetapi dipilih-pilih. Saya ingin memberi amaran kepada urusetia, perkara ini tidak boleh salah kerajaan secara total tetapi beberapa menteri, timbalan menteri dan ketua-ketua jabatan harus menilai peranan kami bahawa kami pun mempunyai hak yang sama untuk bersama-sama dengan kementerian-kementerian kerajaan supaya kami diberi tempat yang sesuai. Kami tidak menuntut apa yang tidak sepatutnya tetapi saya rasa wibawa kita sebagai sebuah institusi yang harus kita hormati, bukan atas dasar peribadi dan individu tetapi sebagai organisasi yang harus diberi tempat yang sesuai, harus diletakkan di tempat yang sepatutnya.

Kalau di peringkat negeri-negeri dan juga di peringkat daerah-daerah, saya bagi pihak rakan-rakan yang lain, bagi saya tidak ada masalah besar tetapi kebanyakan Ahli-ahli Dewan Negara, masih banyak di antara negeri-negeri dan daerah-daerah dan ada jabatan-jabatan Persekutuan di daerah dan negeri pada setengahnya tidak tahu protokol. Kalau bagi saya umpamanya, Yang di-Pertua Dewan Negara dari segi statusnya mesti lebih tinggi daripada Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Tetapi kalau kita tengok pengisytiharan-pengisytiharan masa Pembukaan Parlimen –Yang di-Pertua Dewan Rakyat diberi tempat untuk memberi, membaca. Saya minta maaf tetapi perkara ini harus dilihat secara bijaksana oleh pentadbiran dan kita berterima kasih kerana Ahli Dewan Negara diletakkan di depan dan Ahli Dewan Rakyat di belakang, itu dari segi protokol, tetapi masih ada di peringkat negeri dan daerah pada

setengahnya langsung tidak meletakkan protokol Ahli-ahli Dewan Negara di tempat yang sewajarnya.

Saya berharap Jabatan Perdana Menteri ataupun pihak protokol kerajaan kalau boleh dapat memberi maklumat ini supaya di negeri-negeri dan daerah-daerah, Ahli-ahli Dewan Negara diberi tempat yang sesuai. Kita bukan mempertikaikan masalah politik tempatan ataupun negeri tetapi sekiranya ada seorang Ahli Dewan Negara dengan seorang Ahli Dewan Negeri, sudah pasti reference, dengan izin, Ahli Dewan Negara mesti didahulukan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap perkara ini walaupun dilihat agak kecil tetapi biasanya bagi saya maruah dan jawatan ianya berjalan sekali. Saya berharap perkara-perkara lain akan kita bincangkan di lain kali untuk tidak menjejaskan masa kita berbahas pada hari ini. Saya dengan ini menyokong Penyata Khas Jawatankuasa yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, sila menjawab.

5.18 ptg.

Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Tan Sri Datuk Kasitah bin Gaddam]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat terutama sekali Yang Berhormat Senator Haji Hamzah, Yang Berhormat Senator Datuk Ibrahim Ali, Yang Berhormat Senator Yim Chee Chong, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Sairin bin Karno, Yang Berhormat Senator Hajah Rahaiah binti Baheran dan Yang Berhormat Senator Haji Rosli Mat Hassan kerana mengambil bahagian membahas usul pada persidangan hari ini.

Kesemuanya telah menyentuh mengenai dengan usul ini dan kesemuanya telah menyokong tetapi beberapa pertanyaan dan beberapa cadangan telahpun disampaikan kepada kita terutama sekali mengenai dengan masa yang diberi supaya dipanjangkan

untuk mengkaji sesuatu rang undang-undang seperti masa yang diperuntukkan kepada Dewan Rakyat kerana ini akan membolehkan Ahli-ahli Dewan Negara untuk meneliti dengan mendalam lagi mengenai dengan undang-undang itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan Negara sememangnya telah diperuntukkan masa yang panjang untuk mengkaji sesuatu rang undang-undang kerana naskhah rang undang-undang yang dibentangkan di Dewan Rakyat bila dibacakan kali yang pertama, Ahli-ahli Dewan Negara juga boleh diberi peluang untuk mendapatkan naskhah rang undang-undang tersebut, cuma ada kalanya terdapat banyak juga rang undang-undang yang dibentangkan dan ini menyebabkan masa yang diberi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat terlalu suntuk. Dalam perkara yang sedemikian, Dewan ini boleh melanjutkan masa seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi supaya penelitian tentang sesuatu rang undang-undang itu dapat dibuat dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, semua Yang Berhormat terutama sekali Yang Berhormat Datuk Ibrahim Ali dan Yang Berhormat Haji Hamzah juga Yang Berhormat Datuk Haji Sairin Karno minta supaya sistem Jawatankuasa dalam Dewan ini dapat diteliti dan seterusnya kalau boleh digunakan seperti yang diamalkan di Amerika Syarikat. Yang sebenarnya amalan yang ada sekarang adalah berjalan dengan baik, walau bagaimanapun cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat tadi boleh dikaji. Tetapi yang penting ialah perbahasan dalam Jawatankuasa dalam mana-mana rang undang-undang masih dilakukan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan dalam Jawatankuasa kita boleh membuat perincian mengenai dengan sesuatu rang undang-undang yang dibawa di dalam Dewan ini.

Yang Berhormat Datuk Ibrahim Ali meminta supaya tempoh persidangan Dewan Negara tidak dipendekkan apabila berlakunya perubahan masa persidangan Parlimen nanti. Persidangan Dewan ini tidak mungkin dipendekkan dengan berlakunya pemindahan perubahan waktu persidangan Parlimen, malah

mungkin timbul untuk Dewan yang mulia ini bersidang pada setiap hari akan bertambah daripada empat jam yang ada sekarang kepada enam jam yang telah kita cadangkan kali ini. Dengan tambahan masa ini maka adalah diharapkan Ahli-ahli Dewan Negara akan mendapat peluang yang lebih luas untuk membahaskan sesuatu rang undang-undang yang akan dibawa di sini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Haji Sairin Karno ada menyentuh mengenai dengan Peraturan Mesyuarat 22 iaitu perenggan (g) yang mengambil kira iaitu “Sesuatu pertanyaan tidak boleh dikeluarkan berhubungan dengan perkara yang terkandung dalam Senarai Negeri”. Beliau ingin tahu sama ada ini bermakna perkara negeri tidak boleh disentuh. Sekiranya begitu maka hal ini dapat dilonggarkan.

Tuan Yang di-Pertua, larangan untuk mengemukakan sesuatu pertanyaan yang bersabit dengan perkara-perkara yang tersenarai dalam Senarai Negeri adalah kerana mengikut peruntukan Perlembagaan, kuasa Eksekutif Kerajaan Persekutuan tidak meliputi perkara dalam Senarai Negeri. Oleh yang demikian kerajaan Persekutuan tidak dapat dan tidak wajar memberikan jawapan bagi perkara yang berada dalam bidang kuasa kerajaan negeri. Jadi semua soalan yang difikirkan adalah bidang kuasa kerajaan negeri, mungkin masa akan datang akan ditolak, tidak payah dijawab. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bertanya akan dimaklumkan mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Yim Chee Chong telah membawa beberapa perkara mengenai dengan pencen. Semua cadangan yang satu tahun, Ahli Yang Berhormat Senator letak jawatan selepas itu seorang Senator lagi dilantik untuk mengambil alih tempat Ahli Yang Berhormat yang meletakkan jawatan tadi. Kedua-duanya tidak dapat pencen kerana tidak cukup tiga tahun dan Ahli Yang Berhormat tadi minta supaya ini dapat diteliti supaya mereka juga dapat pencen dan sebagainya. Yang Berhormat juga telah meminta supaya bayaran Senator itu RM100,000 untuk satu penggal dinaikkan supaya tiap-tiap tahun diberi RM100,000 untuk Ahli Yang Berhormat, yang sebetulnya perkara ini telah dibangkitkan dalam perjumpaan tidak rasmi Kelab Senator iaitu pada hari permulaan kita mula bermesyuarat. Dalam ketetapan yang telah kita ambil ialah supaya Kelab Senator menulis surat secara rasmi kepada kerajaan supaya rayuan ini dapat dipertimbangkan dan akan dimaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat apabila keputusan telah diambil.

Satu lagi cadangan yang semua Ahli Yang Berhormat telah menyentuh ialah mengenai dengan perlanjutan penggal Ahli-ahli Yang Berhormat daripada dua penggal iaitu 6 tahun kepada satu masa yang akan ditetapkan oleh kerajaan, pendeknya minta supaya perlanjutan itu tidak dihadkan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah memerlukan pemindahan Undang-undang Perlembagaan kita dan ini kita akan bawa kepada kerajaan sama ada ini akan dapat dilaksanakan atau tidak tetapi dalam keadaan kegawatan ekonomi kita sekarang ini memang semua permohonan, rayuan mengenai dengan perlanjutan, penambahan peruntukan RM100,000 ini mungkin susah ditunaikan tetapi walau bagaimanapun sebagai satu kerajaan yang prihatin saya akan bawa kepada pihak yang berkenaan supaya ini dapat diberi pertimbangan yang secukup-cukupnya.

Yang Berhormat Senaotr Haji Rosli Mat Hassan telah menyentuh mengenai dengan protokol Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu Ahli-ahli Dewan Negara merasakan tidak diberi protokol yang sepatutnya kalau dibandingkan dengan Ahli Dewan Rakyat dan begitu juga masalah yang dirasai oleh Ahli Dewan Negara yang mulia ini, di peringkat negeri juga nampaknya protokol belum lagi diiktirafkan sepatutnya. Perkara ini akan dikaji dan kita akan sampaikan kepada pihak Jabatan Perdana Menteri supaya perkara persoalan mengenai protokol dapat kita selaraskan.

Tuan Yang di-Pertua, semua Ahli Yang Berhormat tadi ada menyentuh mengenai dengan kehadiran Menteri-menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen dalam Dewan yang mulia ini. Ada yang memberi jawapan bagi pihak saya, ada juga yang memberi cadangan supaya bilik atau pun pejabat Setiausaha Parlimen itu diadakan di Parlimen. Sebagai satu pekerja di dalam satu kementerian, semua pegawai perlu berada dalam satu pejabat.

Tetapi biasanya dalam masa Dewan Negara dan Dewan Rakyat ini bersidang Menteri-menteri dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat ada diberi bilik yang tertentu untuk digunakan dalam masa persidangan ini. Dan Menteri-menteri yang ada lapang selalunya akan hadir dalam mesyuarat Dewan Negara kerana Menteri-menteri juga dan sebagai pihak pentadbiran menganggap bahawa Dewan Negara ini merupakan satu badan yang tertinggi protokolnya dan mempunyai kuasa yang tinggi di negara ini. Ketidakhadiran beberapa Menteri dalam beberapa sidang itu bukanlah disengajakan tetapi kerana tugas-tugas yang lebih mendesak di luar dan sebagainya.

Walau bagaimanapun saya harap semua teguran ini sama ada yang saya telah sentuh ataupun belum disentuh, pegawai-pegawai Jabatan Perdana Menteri telah pun

mencatatkan dan semua pertanyaan dan teguran yang telah diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diteliti dan seterusnya akan diberi pandangan dan jawapannya nanti akan disampaikan melalui saluran-saluran yang tertentu. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan, masalahnya ialah bahawa Usul atas nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 78(5) supaya perintah berikut:-

Penyata Khas Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Negara Menurut Peraturan Mesyuarat 78(3) Untuk Dibentangkan Di Atas Meja Mesyuarat,

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Dewan Bil.DN.1 Tahun 1998 hendaklah diterima.

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 78(5) supaya perintah berikut:-

Penyata Khas Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Negara Menurut Peraturan Mesyuarat 78(3) Untuk Dibentangkan Di Atas Meja Mesyuarat,

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Dewan Bil.DN.1 Tahun 1998 hendaklah diterima.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KEBANKRAPAN (PINDAAN) 1998

Bacaan Kali Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” *[12 Ogos 1998]*

Timbalan Yang di-Pertua: Diminta Yang Berhormat Datuk Haji Sairin bin Karno menyambung ucapan.

5.35 ptg.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sekali lagi saya ingin menyentuh mengenai dengan Akta untuk meminda Akta Kebankrapan. Dalam seksyen 33A Pegawai Pemegang Harta mempunyai budi bicara. Jadi kita khuatir apabila Pegawai Pemegang Harta ini menyalahgunakan budi bicara. Tidakkah barangkali semua mungkin ada seorang dua yang akan melakukan pilih kasih dan salah menggunakan budi bicara yang diperuntukkan kepada beliau. Kalau kriteria dan ciri-ciri ini tidak dimaktubkan atau dijelaskan dengan sejelas-jelasnya jadi adakah panduan-panduan atau contoh-contoh yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen nanti akan dijadikan sebagai satu lampiran ataupun sebagai rujukan oleh semua pegawai.

Kita dapati pegawai-pegawai kerajaan dalam menjalankan tugas mereka apabila menggunakan budi bicara nanti mengikut kehendak mereka dan kadang-kadang mereka tidak merujuk kepada undang-undang yang asal. Bila tukar pegawai baru, pegawai baru ini barangkali agak lebih prihatin dengan peraturan-peraturan tertentu

maka dia akan mengatakan bahawa pegawai dulu silap. Bila sudah silap, bila kita berjumpa dengan pegawai baru kita yang akan menjadi mangsa. Dia kata “Dahulu boleh, sekarang sudah tidak boleh” kerana mungkin pegawai dahulu terlepas pandang. Dan kalau kita jumpa pegawai-pegawai sedemikian mungkin ada kebaikan kepada kita kerana pegawai tersebut berpatah balik kepada undang-undang yang sedia ada.

Tetapi lebih malang kalau kita jumpa pegawai yang tidak tengok undang-undang asal dia mengikut contoh-contoh atau apa pun yang telah dilakukan oleh pegawai sebelumnya kerana kalau pegawai kerajaan bertukar-tukar dari satu jabatan ke satu jabatan, tengok fail rakan “Dia dulu boleh, dia kata boleh” jadi dia bukan tengok undang-undang asal tetapi dia tengok contoh-contoh kes yang kawan-kawan telah lakukan sebelum ini.

Jadi sebab itu saya memohon supaya budi bicara ini tidak ditegaskan dengan sejelas-jelasnya maka mungkin akan menyebabkan penyalahgunaan budi bicara daripada Pegawai Pemegang Harta.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh seksyen 35(2) yang memperuntukkan bahawa sesuatu pelepasan tidak akan dilepaskan atau tidak boleh dilepaskan seseorang bankrap daripada kebankrapannya jika dia masih berhutang kepada Kerajaan Malaysia atau mana-mana negeri. Kalau peruntukan ini kita kekalkan maka sudah tentu Kerajaan Malaysia akan kehilangan banyak pendapatan disebabkan keengganan Lembaga Hasil Dalam Negeri menerima tawaran penyelesaian oleh pihak ketiga. Untuk jumlah yang kurang daripada yang dihutang oleh seseorang bankrap kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri dalam permohonan pelepasan daripada kebankrapan.

Kebiasaannya Lembaga Hasil Dalam Negeri membantah permohonan pelepasan tersebut atas alasan bahawa apa-apa hutang kerajaan hendaklah dijelaskan sepenuhnya. Untuk seseorang bankrap membayar tunggakan cukainya dengan penuh

malah kalau pun lebih daripada 50% daripada bankrap tidak berada dalam keadaan untuk menyelesaikan hutang kepada kerajaan dengan sepenuhnya.

Sekiranya pihak ketiga dapat memberikan tawaran yang munasabah untuk membayar kepada kerajaan peratusan tertentu daripada hutang seseorang bankrap dengan tujuan membantu orang yang bankrap mendapat pelepasan, pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri sewajarnya menerima tawaran tersebut dan kemudiannya memohon mahkamah untuk menggunakan seksyen 33(10) yang memperuntukkan bahawa mahkamah boleh sebagai satu daripada syarat yang dinyatakan di dalam seksyen tersebut memerlukan seorang bankrap mempersetujui sesuatu perintah dimasukkan terhadapnya oleh pegawai pemegang harta untuk apa-apa baki atau bahagian daripada baki hutangnya di bawah kebankrapan yang belum dijelaskan pada tarikh pelepasan daripada menggunakan subseksyen 10 Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Kebiasaannya, apabila Lembaga Hasil Dalam Negeri enggan patuh kepada arahan kerajaan maka yang rugi ialah kerajaan, apa lagi dalam keadaan kegawatan ekonomi yang kita hadapi pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi, saya juga ingin tahu kenapa apabila seseorang itu membuat permohonan bank atau individu perlu membayar RM2,000 kepada Jabatan Pemegang Harta, manakala syarikat hanya membayar RM300 deposit, apakah sebab-sebab untuk syarikat ini dan kenapa syarikat hanya dikenakan RM300 manakala setiap individu dikenakan RM2,000?

Selain dari itu, masalah yang rumit dalam Akta Kebankrapan ini adalah semua kes mesti difailkan di Mahkamah Tinggi, hanya Mahkamah Tinggi ada jurisdiction, dengan izin, ada kuasa untuk mengendalikan perkara ini. 20 tahun dahulu cerita ini lain, masa ini barangkali dalam zaman era moden dalam Multimedia Super Corridor (MSC), kita masih kekurangan pegawai yang berkelayakan seperti sekarang.

Di Mahkamah Sesyen, di Mahkamah Majistret, semua hakim dan majistret adalah berkelayakan undang-undang, apakah masalah yang ditimbulkan satu ketika

dahulu iaitu masalah jurubahasa terutama dalam bahasa Mandarin, dalam bahasa Kantonis, dalam bahasa Hokkien dan lain-lain bahasa sudah dapat diatasi. Kalau ianya belum diatasi, apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi terus masalah yang telah lama berlanjutan.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya ingin sentuh di sini ialah mengenai kuasa untuk mengendalikan permohonan untuk perisytiharan bankrap. Memang permohonan untuk menjadikan seseorang bankrap itu adalah satu langkah yang terakhir dan tidak dilakukan dengan sewenang-wenangnyanya tetapi amat berkesan untuk memaksa orang yang sengaja tidak mahu membayar hutang dan kalau hanya hakim sahaja yang mempunyai kuasa untuk mengisytiharkan kebangkrapan atau mendengar permohonan kebangkrapan, almaklum di negeri Sabah sebagai contoh, di mana kita hanya mempunyai dua hakim iaitu satu di Kota Kinabalu dan satu di Sandakan, sudah barang tentu banyak kes yang hendak dikendalikan tetapi dalam kegawatan ekonomi sekarang, mereka lebih terbeban untuk mendengar bankruptcy petition, dengan izin.

Jadi, saya ingin mencadangkan supaya pihak kementerian membuat penyelidikan sama ada wajar supaya Session Court, dengan izin, diberi kuasa untuk mendengar bankruptcy petition.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara apabila saya turut membahas masalah Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) 1998 ini seorang rakan meminta supaya saya sampaikan dan saya rasa perlu ini diambil sebagai ingatan di mana hamba Allah ini menjadi penjamin dan apabila sipeminjam tidak dapat membayar, penjamin menjadi mangsa dan penjamin tersebut pada mulanya berhutang cuma RM5,000, bila ditanya kenapa sipeminjam tidak dikejar, bank berkenaan mengatakan mereka berhak memilih siapa yang mereka suka, sama ada sipeminjam atau sipenjamin.

Jadi, saya ingin mencadangkan di sini supaya satu mekanisme yang lebih teratur di mana kerajaan akan turut campur atau siapa juga supaya perkara seumpama

ini tidak lagi akan berlaku di mana menurut rakan ini hutang tersebut telah berlanjutan sekian lama dari RM5,000 meningkat sehingga RM25,000 dan sipeminjam tidak dikenakan tindakan tetapi sipenjamin telah mendapat masalah besar dengan diminta untuk membayar jumlah yang tiga kali ganda lebih daripada hutang orang yang dijamin.

Perkara kedua, saya juga ingin bertanya kepada kerajaan bagaimana dengan pinjaman untuk biasiswa di mana apabila anak-anak yang kita jamin atau kita menjadi guarantor, dengan izin, lalu peminjam ini anak-anak yang balik dari universiti ataupun daripada institusi pengajian tinggi, tidak membayar dan yang dikejar ini juga ialah orang-orang yang menjamin, yang inginkan supaya anak ini menjadi orang yang berguna kepada bangsa dan negara.

Malangnya secara kebetulan, rata-rata penjamin untuk pinjaman biasiswa adalah orang-orang politik. Kita sedia maklum, orang yang paling takut diberi bankruptcy ini selain dari orang lain ialah orang-orang politik, sebab apabila bankruptcy dikenakan kepada mereka, maka berakhirlah karier politik mereka.

Jadi, saya mohon supaya dalam borang pinjaman dan penjamin itu diteliti sebaik mungkin supaya ianya tidak menjadi beban kepada penjamin-penjamin dan juga kepada pihak-pihak tertentu.

Untuk Akta ini saya ingat hanya itulah sahaja yang dapat saya sumbangkan, saya juga turut mengingatkan supaya Akta Kebankrapan ini jangan dipandang remeh dan pihak-pihak berkenaan yang bertanggungjawab haruslah meneliti betul-betul sebarang dokumen supaya jangan mengisytiharkan seseorang dengan sewenang-wenangnya tanpa usul periksa seperti yang pernah kita dengar satu ketika dahulu, seorang Ahli Parlimen kita kalau tidak silap saya Ahli Parlimen daripada Jasin, tiba-tiba keluar dalam surat khabar bankruptcy kemudian selepas itu saya tidak tahu, wallahu'alam, tetapi akhirnya beliau dinyatakan bahawa tidak bankruptcy.

Jadi, saya rasa kalau sudah sampai di dalam peringkat surat khabar, ini akan menjatuhkan maruah seseorang, kemudian lepas itu tidak tahu di mana silapnya, maka saya mohonlah supaya pada masa-masa yang akan datang pihak berwajib biarlah berhati-hati dalam mengeluarkan kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Rosli.

5.45 ptg.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya bangun untuk memberi ucapan tahniah dan sokongan kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dan kerajaan pada keseluruhannya yang telah membuat dan meminda Akta Kebankrapan 1967 yang dibentangkan semalam dan pada keseluruhannya kita bersetuju dengan peruntukan-peruntukan yang telah diberi kepada kita dan penerangan-penerangan yang agak pragmatik dan saksama untuk kepentingan rakyat apatah lagi masyarakat usahawan yang merupakan jalan mudah untuk dibankrapkan dalam masyarakat kita ialah masyarakat usahawan.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ada beberapa isu sahaja iaitu matlamat kebangkrapan ataupun matlamat yang murni, yang digariskan dalam peraturan dan undang-undang negara kita kerana bankrap adalah merupakan titik noktah yang terakhir kepada sesiapa juga dalam bidang perundangan dan langkah yang dibuat oleh kerajaan untuk meminda akta ini adalah satu langkah yang baik, malah saya ada mempunyai beberapa cadangan lagi kerana saya ingin mencadangkan supaya Akta Kebankrapan 1967 yang dipinda pada hari ini dan insya-Allah, akan diluluskan juga tidak lewat pada malam ini, saya harap Jabatan Perdana Menteri dapat memikirkan dengan lebih mendalam lagi beberapa isu yang praktikal, yang sedang berlaku di negara kita pada hari ini iaitu perkara-perkara yang berkait dengan klausa-klausa yang lain.

Yang pertamanya, ialah berkenaan dengan hal pinjaman ataupun hutang sebelum boleh kita menjatuhkan seseorang untuk dibankrapkan. Dari zaman undang-undang dibuat pada zaman British dahulu sehinggalah pada hari ini, had minimum yang dikenakan kepada usahawan ataupun orang-orang yang berhutang ialah sebanyak RM2,000 kemudian dinaikkan kepada RM10,000.

Had ini sebanyak RM10,000 sebenarnya adalah satu jumlah yang tidak praktikal lagi pada zaman yang kita bercakap masalah bilion dan masalah juta-jutaan. Kalau RM2,000 dan RM10,000, sekarang ini motosikal yang agak mempunyai standard sedikit pun tidak boleh kita beli dengan ongkos sebanyak RM10,000.

Jadi, apatah lagi sebagaimana rakan saya saudara Yang Berhormat Datuk Haji Sairin katakan tadi, kebanyakan di antara RM10,000 ini sudah pasti akan terlibat kepada penjamin-penjamin yang secara tidak berdosa dengan niat yang amat ikhlas untuk kita membantu pelajar-pelajar umpamanya, membantu usahawan-usahawan kecil umpamanya tetapi kita diheret sama dan titik noktah bankrap ini telah terjadi kepada kebanyakan daripada peruntukan-peruntukan yang telah ditetapkan.

Saya mencadangkan supaya ada dua kategori had limit jumlah ini sesuai dengan zaman keadaan dan keadaan ekonomi apatah lagi keadaan per kapita rakyat kita dan jumlah dagangan yang sentiasa kita bercakap di dada-dada akhbar, dengan suasana yang kita hendak menuju kepada industri dengan menekankan dengan keadaan yang meletakkan matlamat masyarakat perdagangan dan perindustrian di negara kita, maka had limit ini harus dikaji dengan terperinci.

Saya cadangkan dari RM10,000 dinaikkan kepada RM100,000 dan satu kategori lagi iaitu kategori yang terlibat dengan, ini RM100,000 ialah pinjaman kepada orang ataupun syarikat yang menjalankan perniagaan. Kepada non-business, dengan izin, individu yang tidak menjalankan perniagaan tetapi terlibat dengan hutang-piutang ini, saya mencadangkan had minimumnya ialah RM50,000 kerana saya rasa RM50,000 ke bawah adalah satu kaedah yang amat sesuai.

Kita tidak guna ada masyarakat yang mufliis dari segi peraturan dan undang-undang kerana kita hanya berhutang RM15,000, kerana ada hutang RM30,000, kerana kita hanya menjadi penjamin kepada syarikat finance yang terlibat sebanyak belasan ribu, tetapi kita jadi mufliis. Maksud dan matlamat akta dan undang-undang yang ada tidak akan kesampaian. Saya memohon jasa baik Yang Berhormat Setiausaha Parlimen supaya dapat melalui Jabatan Perdana Menteri mengkaji balik had limit ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua beberapa kaedah yang berlaku sekarang ini iaitu ramai di antara judgement, hukuman yang dijatuhkan di dalam Mahkamah Tinggi biasanya setelah melalui beberapa prosedur, peraturan-peraturan oleh kerana keadaan yang sedang berlaku sekarang ini mahkamah banyak menerima saman daripada peguam-peguam atas kehendak client mereka. Jadi saya mencadangkan Yang Berhormat Dato kerana judgement kebangkrapan ini kepada seseorang harus dijatuhkan dengan kehadiran orang yang berkenaan. Sekarang ini berlaku oleh kerana beberapa prosedur telah digariskan, ditampal di mahkamah, di pejabat-pejabat daerah dan apatah lagi di dada-dada akhbar. Diletakkan di dada akhbar adalah satu tindakan peraturan-peraturan yang boleh diperlecehkan, jadi apabila kita cari yang berhutang tetapi kita tidak jumpa maka kita membuat assumption dengan izin, bahawa dengan memaparkan di *Star* di akhbar-akhbar maka kita telah memberi notis, maka ketidakhadiran sibankrap yang kita jatuhkan adalah satu tindakan yang tidak adil sebenarnya. Jadi apa juga keadaan saya berharap kerajaan menggunakan peraturan-peraturan dan undang-undang ini untuk memberi keadilan dan justice dengan izin, kepada rakyat keseluruhannya.

Maka judgement yang kita jatuhkan kebangkrapan ini kepada yang kita hukum adalah amat adil. Maka akan ramai di antara usahawan-usahawan kita, apatah lagi dalam kegawatan ini saya yakin dan percaya sekiranya keadaan kita menggunakan dada

akhbar dengan saman pemula dengan cari sipenghutang melalui akhbar, adalah tidak praktikal dan memalukan.

Saya bersetuju sekiranya akhbar digunakan hanya dengan kolum kecil setelah kita hukum dia bankrap dan sah dia bankrap dan beberapa bulan selepas itu kita paparkan di dada akhbar. Kita agak tidak profesional sebenarnya mendedahkan nama-nama melalui saman pemula pun sudah didedah. Saya yakin dan percaya dengan kegawatan ekonomi tahun depan surat khabar yang kita beli mungkin bertambah ruang-ruang nilai muka suratnya dan saya percaya dan yakin kegawatan dan kemelesetan ekonomi dalam tahun 1985, 1986 hingga 1990 kita dapati di dada akhbar, di muka tengah banyak di antara saman pemula dan pelbagai lagi berlaku dan ini telah menjatuhkan sedikit sebanyak imej usahawan kita yang hendak membuat penyusunan semula syarikat-syarikat. Kepada syarikat-syarikat besar kita ada kaedah, makna kalau syarikat-syarikat besar kita ada kaedah meminta dengan mahkamah supaya orang tidak boleh saman kita tetapi apakan daya kepada usahawan kecil dan sederhana saya tidak nampak ada perlindungan yang dapat kita laksanakan. Hanya kerajaan sahaja tempat ataupun sistem kerajaan ataupun undang-undang yang digariskan oleh kerajaan sahajalah dapat membantu usahawan sederhana dan kecil dan melindungi masyarakat pedagang kita.

Jadi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Jabatan Perdana Menteri dapat mengkaji untuk meminda lagi Akta ini dengan meletakkan prosedur yang sedia ada ini supaya tidak dibenarkan dipaparkan di dada-dada akhbar kerana sudah memadai sebenarnya notis diberi di tempat-tempat awam seperti mahkamah, pejabat daerah, premis yang terlibat dan sebagainya. Sekiranya alamat tidak dapat juga maka kena mencari satu jalan supaya akhirnya kita menggunakan kaedah warrant of arrest kita kena bawa ke mahkamah.

Jadi perkara-perkara ini harus dilihat secara bijaksana oleh peraturan-peraturan perundangan kita semoga ianya boleh membantu untuk melahirkan sedikit justice dengan izin, keadilan kepada usahawan-usahawan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan supaya keadaan yang berlaku sekarang ini supaya bank-bank kita mencari jalan mudah untuk menyelesaikan masalah pinjaman dan sebagainya. Saya kurang berpuas hati dengan kaedah sebahagian besar daripada bank-bank kita apatah lagi digunakan peguam yang agak rakus kerana peguam biasanya akan melaksanakan apa juga arahan daripada client mereka seperti bank dan syarikat-syarikat kewangan.

Saya berharap dalam suasana yang luar biasa ini yang kita hadapi bersama dalam tahun depan dan beberapa tahun yang akan kita hadapi kita akan menghadapi banyak masalah. Saya mencadangkan bukan melalui undang-undang tetapi melalui kebijaksanaan pimpinan kerajaan kita, melalui kuasa yang ada kepada Bank Negara supaya dapat memaklumkan kepada bank-bank tempatan supaya melihat kutipan wang ini. Tidak guna kita terlampau kejar kepada kutipan wang dan sebagainya kerana hendak memberi kepuasan kepada goal atau matlamat bank-bank masing-masing tetapi akhirnya akan melahirkan masyarakat pedagang yang mufliis, masyarakat pedagang yang tidak boleh memberi bantuan apa-apa untuk pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya pada dasarnya sekali lagi merasakan terhutang budi dan terima kasih yang tidak terhingga khususnya bagi pihak ahli-ahli Dewan Perniagaan Melayu dan ahli-ahli Persatuan Kontraktor Melayu seluruhnya kerana telah memudahkan usahawan-usahawan yang telah bankrap dan akan bangkrap untuk menyelesaikan dan reimburse dengan izin, dan dapat melalui Pegawai Pemegang Harta. Ini jalan mudah dan jalan mudah ini sesungguhnya akan memberi kaedah yang lebih pragmatik kepada kita dan moga-moga matlamat kerajaan untuk melahirkan masyarakat pedagang yang berwibawa di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah ke peringkat akhir kerana Datuk Haji Ibrahim Ali hendak bangun, saya pasti Datuk Ibrahim Ali telah membuat research yang baik. Saya ini macam anak muridnya sahaja. Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan terima kasih yang tidak terhingga kepada kerajaan yang melihat priority untuk melahirkan masyarakat pedagang dan pengusaha di negara kita dengan meminda Akta ini dan

kepada usahawan-usahawan yang telah bankrap kita diberi peluang untuk melalui undang-undang ini supaya mereka dapat dilepaskan. Saya yakin dan percaya bahawa matlamat kepakaran dan keusahawanan, ruang-ruang yang masih ada maksudnya dalam bahasa Inggeris dengan izin, accumulated experience entrepreneurship tadi ada pada mereka tetapi mereka tidak boleh berbuat apa-apa. Moga-moga dengan memendekkan kaedah kita menyelesaikan masalah kebangkrapan ini insya-Allah kita akan dapat memudahkan usahawan-usahawan kita yang sedang bankrap dapat memulihkan mereka dan peraturan-peraturan kita mesti melihat bahawa falsafah kepada Akta Kebankrapan ini harus dilihat sebagai satu perkara yang amat murni dan baik. Kita tidak mahu dalam masyarakat kita, budaya bankrap ini adalah satu budaya yang dilihat tidak baik tetapi maksud dan falsafah Akta Kebankrapan yang kita pinda ini dan insya-Allah akan dipinda lagi bulan Disember ini dengan beberapa seksyen baru yang kita cadang tadi.

Kita berharap dapat memberi satu kefahaman kepada masyarakat kita bahawa Akta Kebankrapan, yang kita bankrapkan usahawan dan masyarakat kita, individu-individu dalam masyarakat kita, bukanlah kita sebenarnya mematikan mereka tetapi falsafah dalam undang-undang kebangkrapan adalah amat murni iaitu untuk meletakkan satu titik supaya suasana perniagaan mereka boleh dibuat semula

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi berkenaan dengan masalah sistem online dengan izin, apabila berlaku kebangkrapan, sebelum berlaku kebangkrapan, berlaku cadangan untuk wind-up syarikat, kadang-kadang terlibat individu, pengarah-pengarah, maka perkara-perkara ini bila berlaku boleh menyusahkan usahawan-usahan kita. Saya mencadangkan melalui ROC dengan izin supaya kaedah ini dapat diperbaiki bahawa

kalau kita wind up syarikat, entiti pengarah dipertahankan kerana pengarah adalah merupakan entiti individu dan telah ada peraturan-peraturan dalam Akta Syarikat 1965.

Tuan Yang di-Pertua, moga-moga pindaan yang kita buat ini, pindaan yang insya-Allah akan kita bincang lagi bulan Disember ini kalau Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dapat buat cepat beberapa had, limit sebagaimana pandangan awal saya tadi beberapa kaedah, prosedur insya-Allah kita akan mempunyai satu rang undang-undang dan Akta Kebankrapan yang lebih complete, lebih syumul dan boleh membantu memberi keadilan kepada masyarakat seluruhnya. Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

6.04 ptg.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kebankrapan 1998 iaitu akta pindaan, sebenarnya akta ini, rang undang-undang ini, kalau tanya sayalah, saya tidak berapa boleh restu 100%. Saya menerima pindaan ini oleh kerana masalah kegawatan ekonomi sekarang ini dan bagi membantu mereka yang bankrap supaya dapat memulihkan perniagaan masing-masing. Atas prinsip itu, tetapi saya harap apabila akta ini dipinda dan apabila ekonomi kita pulih seperti sediakala, saya berharap akta ini merupakan temporary sahaja.

Saya menyatakan demikian, prinsip saya membahaskan sesuatu undang-undang, saya meletakkan, above board, dengan izin, tanpa memikirkan soal kepentingan diri kita. Undang-undang tetap undang yang melindungi semua pihak kerana dalam soal

bankrap, ada kaitan dengan hutang, bayar hutang ataupun tidak bayar hutang. Itu jadi bankrap.

Saya hendak rujuk, ini soal hukum, soal prinsip dan dalam konteks pandangan Islam. Islam tidak memandang ringan tentang hutang piutang. Firman Allah dalam surah Al-Baqarah, ayat 283: hutang wajib dibayar walaupun tidak dituntut. Itu jelas. Ini prinsip dalam agama. Oleh itu persoalan adakah sesebuah kerajaan itu berkuasa memaafkan hutang rakyatnya, yang berhutang kepada rakyat lain sedangkan rakyat yang menjadi sipemiutang tidak pernah memaafkan hutangnya, macamana? Kalau kita hubungkan dengan surat Al- Baqarah ini. Bab hutang, fasal masalah hukum, maka sebab itulah dalam hukum Islam, sesuatu pihak yang bersengketa dengan sesuatu pihak yang lain, wajib menyelesaikan persengketaan dan memohon maaf antara satu sama lain. Tidak ada pihak ketiga yang boleh memaaf kesalahan bagi pihak seseorang, malahan Tuhan sekali pun tidak boleh memaaf dosa umatnya yang membuat salah kepada orang lain selagi orang itu tidak memaafkannya. Itu saya nak bawa bab prinsip bersabit dengan kebangkrapan, maka dalam hal undang-undang ini terlalu banyak loophole.

Tuan Yang di-Pertuapun seorang peguam, tentu tahu. Saya hendak komen. Menurut 33A yang baru digubal, Pegawai Pemegang Harta boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan perakuan untuk melepaskan sibankrap daripada kebangkrapannya. Saya tidak mempersoalkan kewibawaan Pegawai Pemegang Harta, dari segi kewibawaannya, kemampuannya dan kebolehan tetapi seksyen 33B baru pula tidak menyatakan apakah keadaan di mana Pegawai Pemegang Harta dikehendaki memberi sijil pelepasan. Ini saya hendak minta jawapan. Tidak ada apa-apa asas atau

garis panduan ini ditetapkan. Perkara ini menjadi budi bicara Pegawai Pemegang Harta semata-mata.

Jadi, bagaimanakah persoalan ketelusan, apakah tidak mungkin, saya tidak menuduh, kita ini manusia, budi bicara Pegawai Pemegang Harta itu boleh dipengaruhi atau diselewengkan oleh pihak-pihak yang berkepentingan. Inilah yang dikatakan loophole. Sedangkan tanpa kuasa, budi bicara ini pun ramai di kalangan bankrap yang terlepas daripada undang-undang kerana penguatkuasaan undang-undang yang longgar, loophole. Dengan adanya peruntukan baru ini maka lebih ramai bankrap yang akan terlepas atau dilepaskan daripada pengadilan undang-undang. Ini soal prinsip, walaupun saya sokong rang undang-undang dari segi hendak menolong oleh kerana masalah kegawatan ekonomi sekarang, tetapi dia banyak loophole, ini boleh membawa masalah lain pula pada masa akan datang.

Seksyen tersebut juga memperuntukkan bahawa perakuan pelepasan itu hanya boleh dikeluarkan jika:

- (i) tempoh masa selama 5 tahun telah luput daripada tarikh perintah kebangkrapan dibuat; dan
- (ii) hutang yang dibuktikan dalam kebangkrapan tidak melebihi RM500 ribu.

Bagaimana kita boleh memastikan bahawa Pegawai Pemegang Harta akan bersikap adil terhadap semua sibankrap sama ada daripada golongan orang-orang yang berpengaruh dan dikenali ramai atau rakyat jelata. Undang-undang baru ini adalah, pada saya, tidak seimbang kerana ia menumpukan lebih perhatian atau memberikan keutamaan kepada sibankrap dan kurang perhatian kepada mangsa mereka iaitu pemiutang-pemiutang. Ini antara rakyat dengan rakyat. Kalau bank dengan peminjam pun dikira rakyat dengan rakyat juga, memang ada kes

Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Datuk Haji Sairin tadi. Ada juga bank Tuan Yang di-Pertua, teruk sangat. Ada orang pinjam RM80 ribu, ada cagaran (collateral), hutang jadi RM300 ribu, tanah dilelong, sudah dapat RM100 ribu tetapi yang RM200 ribu pun tidak mahu bertolak ansur, akhirnya orang ini dibuat bankrap, pun tidak bagus juga. Sebab itu kita tahulah, hutang bank banyak interest, manakala interest itu riba, jadi melampau juga, tetapi di antara rakyat dengan rakyat pun prinsipnya hutang kena bayar. Mana-mana pemiutang yang tidak bersetuju dengan cadangan Pegawai Pemegang Harta, boleh membawa bantahannya ke mahkamah, tetapi mahkamah hanya boleh menangguhkan pelepasan itu selama tidak lebih dari dua tahun sahaja. Ini bermakna seseorang yang dihukum bankrap itu boleh bebas daripada kebangkrutan dalam tempoh tujuh tahun sama ada dia sudah membayar hutang atau pun tidak, bukan menjadi ukuran lagi. Maknanya after seven years, dengan izin, kalau dia tidak bayar hutang, dia lepas. Ini macam mana ni? Ini tak tahu ni!

Bagi orang-orang yang sudah bankrap selama lima tahun tatkala akta pindaan ini diluluskan, mereka hanya menunggu selama dua tahun sahaja lagi jika ada bantahan. Jika tidak ada bantahan daripada pemiutang, dia boleh dilepaskan serta merta. Yang saya bimbang, Tuan Yang di-Pertua, kalau orang itu berniaga, dia rugi tidak bayar hutang kerana berniaga dia, saham jatuh akibat serangan ringgit, saya boleh terimalah, tetapi kalau ada orang tidak bayar hutang, kerana dia berfoya-foya, belanja besar, kereta besar, rumah besar, lepas tujuh tahun dia bankrap, saya, personally tidak boleh terima. Saya tidak boleh terima. Ini prinsip, saya katakan tadi, hukum-hukum Islam, setiap hutang kena bayar. Jelas dalam ayat al-Quran yang saya sebut tadi, surah Al-Baqarah, ayat 283: hutang wajib dibayar, walaupun tidak dituntut. Saya takut disalahgunakan.

Mari kita kaji. Tuan Yang di-Pertua, apakah yang dimaksudkan dengan pelepasan. Peruntukan seksyen 35 (1) yang baru terutama sekali perkataan-perkataan berikut, dengan izin, “...where a bankrupt is discharge, the discharge shall release him from all his debts provable in the bankruptcy.....” Habis semua sekali. Ini bermakna bahawa sibankrap yang mendapat pelepasan akan bebas daripada segala tanggungan, termasuk kepada hutang-hutang yang tidak dituntut kecuali hutang-hutang kepada kerajaan.

Jika seksyen 33A menjadi undang-undang maka kuasa-kuasa mahkamah berkaitan dengan pelepasan sudah menjadi bertindih, bertindan iaitu redundance, dengan izin, kecuali bagi hutang melebihi RM500,000 tetapi had itu pun boleh diubah oleh Yang Berhormat Menteri. Ada kuasa menteri diberi untuk menentukan jumlah itu, makna lebih RM500,000 pun boleh atas kuasa Yang Berhormat Menteri. Apabila kita kaji siapakah yang lebih layak untuk mengendalikan sesuatu perkara sama ada seorang hakim atau seorang birokrat, jawapannya tentulah pada saya hakim lebih layak. Seseorang itu dihukum bankrap siapa yang hukum? Hakim. Bila dia sudah bankrap, dia sudah dihukum oleh hakim, now dengan izin, hendak discharge, maka Pegawai Pemegang Harta, tidak betul, sepatutnya dia kena discharge daripada hakim juga. Ini penting. Kakitangan kerajaan yang bekerja di pejabat Pemegang Harta seluruh negara terpaksa menemui sibankrap pada setiap hari. Hari-hari dia jumpa, Pegawai Pemegang Harta dengan orang bankrap. Mungkin ada saudara-mara, adik beradik, bukanlah kita tuduh, tidak, takut-takut, ini prinsip. Saya ulang lagi, saya katakan ini with good faith, dengan niat yang baik. Orang kata, kalau dok jumpa hari-hari tak kenal maka tak cinta. Dah jumpa hari-hari, bila bergaul ook.. aak..ook..aak... ook..aak..jadi dah rasa simpati, hutang banyak tak bayar-bayarlal, masa pun dah cukup, tujuh tahun kira lupus, ini tidak boleh jadi.

Tuan Yang di-Pertua: Ook..aak..ook..aak tu apa?

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Ook...aak...ook...aak... ni - itu bahasa Kelantan. Ook..aak..ook..aak..saya bawa istilah baru, maknanya bila jumpa mula-mula Pegawai Pemegang Harta kata macam mana hutang tidak bayar, awak ni bankrap, bila hendak bayar, harta berapa banyak, berceritalah kawan ni. Dua minggu jumpa pula, jumpa pula cakap pula, tiga minggu lepas itu jumpa pula ha.. itulah ook..aak...ook...aak...tu. *[Ketawa]* Yang bahaya lagi kalau ada kena mengena, ada pertalian pula.

Ini yang saya bimbang, sebab itulah bila bergaul sepanjang masa, hubungan akan menjadi akrab, ini 'common sense'lah. Sudah alam semula jadi, sudah lumrah.. Maka tidak dapat mengelakkan daripada timbul rasa simpati terhadap kumpulan orang yang telah jatuh bankrap. Ini saya takut disalahgunakan, dan ini manusia semua. Kita tidak tahu, dan pegawai pemegang harta yang atas sekali, Ketua Pengarah dia dengan laporan pegawai di bawah dia pula. Di peringkat-peringkat negeri, di daerah-daerah, yang pejabat di bawah-bawah itu macam mana. Kita ini human being, manusia, tidak sempurna, tidak perfect, itu yang saya takut nanti.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, cadangan seksyen 39 yang baru pula adalah bagi menghapuskan kehendak pewartaan gazet senarai bankrap yang perlu dilepaskan tiap-tiap lima tahun dan jadual pindaan kepada senarai itu pada tiap-tiap tahun. Maka dengan wujudnya seksyen ini, tiada lagi nama-nama sibankrap yang akan disenaraikan dan didedahkan dan dengan cara tidak langsung boleh menyembunyikan identiti mereka. Ini yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Sairin dan Yang Berhormat Tuan Haji Rosli tadi bab ini saya tidak setuju dengan kawan-kawan saya.

Saya kalau orang yang buat salah, termasuk yang tidak bayar hutang, terutama sekali kalau dia mampu, bankrap, orang-orang mengedar dadah yang buat salah inilah yang melampau-lampau ini, saya cukup tidak setuju kalau kita menyembunyikan

identiti mereka. Saya suka didedahkan, dedahkan, jadi terbalik, ada orang yang kena ISA contohnya. Saya dulu pernah kena dua kali ISA. Terpampang besar di surat khabar, tetapi itu belum tentu saya salah. ISA itu tidak dibicara di mahkamah. Tetapi ada orang-orang yang buat salah lagi besar yang memang jelas dah. Benda-benda yang saya sebut tadi macam perkara-perkara tidak bayar hutang, sengaja tidak bayar hutang. Kita hendak sembunyi mana boleh jadi, itulah yang patut muka depan surat khabar tu. Pengajaran dalam membentuk masyarakat madani dalam menyebut masyarakat madani - civil society. Jadi kita hendak menyembunyikan pula orang-orang yang tidak betul, mana boleh. Kita kena dedahkan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, keseluruhan cadangan pindaan yang dibuat oleh penggubal undang-undang kita di Malaysia iaitu Jabatan Peguam Negara adalah bagi tujuan menjaga kepentingan semua pihak tetapi pada masa yang sama saya harap dilihat kembalilah, ambil perhatian soal loophole kerana peruntukan-peruntukan dalam Akta ini yang lebih pentingnya ialah dari segi penguatkuasaan. Penguatkuasaan inilah yang menjadi pokok sebab tunjang kepada segala-segalanya.

Kita tidak mahulah ada orang patut bayar hutang dia tidak bayar hutang, ini yang saya hendak tekankan. Di bawah seksyen 38(c) Akta Kebankrapan 1967 seorang bankrap tidak boleh keluar negeri. Kalau di luar negara, kalau bankrap, Yang Berhormat Yim, pakai selipar, tinggal seluar dalam sahaja, dengan izin. Tetapi kita di Malaysia ini ada juga orang bankrap ada di London. Mungkin ada orang di isytihar bankrap tetapi ada di kasino. Macam mana dia boleh pergi? Siapa yang benarkan dia pergi? Saya tidak tahulah siapa, saya takut ada. Setahu saya, saya tidak adalah nama kalau Ahli-ahli di Dewan yang mulia ini tanya saya tidak tahu, tetapi saya takut ada. Ada orang yang seumpama ini bankrap, kereta besar, rumah besar, banglo besar, boleh pergi ke luar negeri. Ada pula itu menunaikan Umrah, naik Haji, itu rukun tetapi rukun Islam pun sepatutnya hutang sudah lepas, apa semua sekali, tapi kita di Malaysia ada juga, Tuan Yang di-Pertua, orang pergi ke Mekah pakai duit over draft.

Jadi hendak nilai masalah ini, katakan krisis nilai masyarakat kita ini. jadi kita tidak mahu perkara ini terjadi. Sampai sudah bankrap tapi ada di Mall Street, London, ada di Paris, ada di Sydney. Jadi macam mana dia boleh terlepas, adakah orang-orang yang kita tahu sudah bankrap ini dia mendapat kebenaran daripada Pegawai Pemegang Harta. Mungkin dapat sekarang ini sudah masuk dalam komputer. Pergi ke Imigresen, kalau sudah tidak bayar hutang, tidak bayar income tax, tidak boleh pergi, tetapi ada juga yang boleh pergi. Jadi discreption, dengan izin, hendak izinkan orang-orang berkenaan keluar negara ini kena check betul-betul. Dia boleh buat surat, saya hendak menziarah bapa mertua, adik sayalah, anak saya ada konvokesyenlah, check betul-betul. Jangan kita mudah bagi begitu. Kalau tidak, orang tertawakan kita, undang-undang kita jadi mockery.

Sebab itulah dalam soal perkara yang berikutnya, perintah pencapaian kebangkrapan, tugas pertama pegawai pemegang harta adalah apabila seseorang itu diisytiharkan bankrap ialah untuk menyerahkan perintah kebangkrapan kepada orang yang berkenaan. Persoalan di sini, berapa peratuskah perintah bankrap berjaya diserahkan, saya hendak tahu. Berapa peratus, seratus peratus ke, semua okey, orang bankrap itu dapat kita cari semua, dapat serahkan perintah ini? Sebab kita bimbang, takut-takut ada orang bankrap enggan menghadirkan diri atau mengelak daripada sampai perintah kebangkrapan maka waran tangkap boleh dikeluarkan. Jadi bermakna kena dikeluarkan waran tangkap. Sebab memang orang lari dalam soal bayar hutang ini.

Namun demikian, daripada segi praktiknya tidak begitu berkesan kerana pihak polis tidak mengambil berat tentang kes-kes seperti ini. Maknanya, saya pernah lihat kes-kes yang besar-besar memanglah polis kita cergas menjaga trafik tetapi kalau bab-bab waran tangkap seumpama ini diambil tindakan juga tetapi tidak kira seriuslah. Samalah kalau ada keluar waran tangkap tidak bayar parking kereta oleh sebab Dewan Bandaraya, orang ini dituduh bawa kereta laju terima surat waran tangkap kerana tidak bayar denda. Tak apa, baguslah, jadi prihatin kerana.....

Tuan Yang di-Pertua: Ada Yang Berhormat, belakang minta laluan.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tidak dia baru masuk, Tuan Yang di-Pertua, dia hendak duduk, dia bukan hendak tanya.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua maksud. Satu, hendak pergi ke tempat duduk saya, yang keduanya hendak minta penjelasan dari Yang Berhormat. Dia kata tadi polis tidak mengambil berat sangat kes-kes bankrap ini, muflis ini. Jadi saya hendak minta penjelasan, adakah pihak polis ada kena mengena dengan kes-kes muflis, setahu saya tidak ada. Sebab ini adalah kes sivil, tidak kena mengena langsung dengan pihak polis kes-kes muflis ini. Jadi, itu hendak minta penjelasan kalau dia ada dapat apa-apa berita baru yang polis boleh gunakan public assignee untuk membantu mereka.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki, saya sebut tadi takut-takut dan polis pun ada peranan dari segi menyampai waran tangkap. Tetapi kalau sudah tidak ada, saya tarik baliklah. Sebab saya tahu polis kita semuanya cekap, berwibawa dan merekalah yang bertanggungjawab menjaga keamanan negara.

Cuma saya harap bila keluar waran tangkap ini, maknanya kerjakan sungguh-sungguh jangan simpan sampai dua, tiga, empat, lima minggu baru sampai waran tangkap. Itu maksud Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki. Kalau tidak ada, tidak adalah.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, pernyataan hal ehwal penghutang. Tugas sibankrap pula ialah untuk menyerahkan dirinya kepada Pegawai Pemegang Harta dalam masa 20 hari selepas dihukum bankrap, serta menyediakan penyata hal ehwal penghutang 'debtor's statement of affairs, dengan izin. Ini dikehendaki oleh seksyen 17 Akta Kebankrapan 1967. Kegagalan berbuat demikian adalah dianggap sebagai suatu penghinaan terhadap mahkamah contempt of court.

Kita lihat seksyen 16(3) Akta Kebankrapan 1967, berapa ramaiakah sibankrap yang berbuat demikian, dan berapa kerap pula yang telah dihukum, apabila mereka engkar. Tanpa pernyataan hal ehwal sipenghutang, maka Pegawai Pemegang Harta tidak akan tahu mengenai dengan harta benda kepunyaan sibankrap. Kalau Pegawai-pegawai Pemegang Harta tidak tahu apakah harta benda sibankrap, bagaimana pula Pemegang Harta hendak mengambil alih pentadbiran harta benda mereka itu, sudah diisytiharkan bankrap di mahkamah sampai kepada hendak dapat debtor's statement of affairs sampai setahun, dua tahun. Dia sudah tahu dia bankrap, jadi harta-harta dia ada pun sempat dia jual, tukar nama orang itu, tukar nama orang ini, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki tahulah sebab dia seorang Peguam. Sampai tiga tahun, jadi dia sempat bawa lari duit ini, bawa lari sana, lari sini, jadi ini yang akan menjadi masalah, maka sebab itulah mesyuarat pemiutang pula perlu dipanggil dalam masa tiga bulan, selepas perintah penerima.

Perintah penerima yang lazimnya dibuat serentak, dengan perintah kebangkrapan, kecuali dibenarkan oleh Mahkamah Tinggi atas sebab-sebab khas. Kita tengok di Para 1 Jadual A, Akta Kebankrapan 1967. Akibat daripada kekurangan tenaga kerja dan kelemahan-kelemahan lain harta benda sibankrap adalah tidak dibawa di bawah pengurusan Pegawai Pemegang Harta, sudah hilang semua, tak sempat hendak ambil tindakan. Misalnya sibankrap ada mempunyai dua, tiga buah rumah, saya sebut tadi, maka rumah-rumah itu akan didiami oleh ahli-ahli keluarga sibankrap atau disewa kepada penyewa, tetapi wang sewanya tidak dibayar kepada Pegawai Pemegang Harta. Terimalah RM50 sebulan Pegawai Pemegang Harta, terimalah RM100 sebulan Pegawai Pemegang Harta, inilah yang saya bimbang dari segi penguatkuasaan Akta Kebankrapan ini. Pemeriksaan awal si berhutang pula hendaklah dibuat secepat mungkin, selepas mesyuarat, pemiutang seksyen 17(2) Akta Kebankrapan 1997. Apa yang sebenarnya berlaku, saya diberitahu bahawa ada

terdapat sebahagian besar kes-kes kebangkrapan di mana meysuarat pemiutang dan pemeriksa awal sipemiutang tidak pernah diadakan langsung.

Dalam keadaan sedemikian bolehkah kita menaruh harapan bahawa undang-undang kebangkrapan yang kita sedang bincang ini dikuatkuasakan secara bijak dan berkesan. Seseorang bankrap berhak mempunyai perkakas kerja tools of treat dengan izin, pakaian, tilam dan keperluan asas untuk diri, isteri dan anak-anak bernilai tidak lebih RM500 sahaja. Saya rasa 48(1)(a)(2) akta yang dimaksudkan ini, mungkin RM500 sejumlah yang besar di zaman dahulu, apabila Undang-undang Kebankrapan ini digubal. Sekarang ini agaknya nilai jam tangan atau kasut yang dipakai oleh sibankrap sudah melebihi RM500. Tuan Yang di-Pertua tengok dalam surat khabar ada orang pakai jam harga RM2 juta lebih sedikit. Jumlah RM500 tidak munasabah sama sekali, tetapi kita tidak mendengar apa-apa sungutan mengenai nilai itu daripada sibankrap-sibankrap kenapa? Mungkin rasanya had nilai itu tidak menjadi isu, kerana had nilai itu tidak pernah dikuatkuasakan dengan tegas oleh Pegawai Pemegang Harta. Mungkin pada hakikatnya tiada siapa yang memerhati kehendak seksyen 48(1)(a)(2) tadi, sebenarnya hak itu perlu dinaikkan kepada RM5,000 atau ke tahap yang lebih munasabah. Tadi Yang Berhormat Tuan Haji Rosli cadangkan RM100,000, itu sudah berat sangat, mana sampai had RM100,000 tapi bankrap, ada harta sampai RM100,000 tak betullah, bagaimana kalau dia bankrap dengan nilainya RM20,000, hutang RM30,000 tetapi boleh ada harta sampai RM100,000, ini tak boleh, saya rasa RM5,000 itu agak munasabah. Di sini apa yang dipersoalkan ialah penguatkuasaan undang-undang, jika semua peruntukan Akta Kebankrapan dilaksanakan dengan sempurna, sudah tentu lama Parlimen diminta untuk menaikkan had nilai aset sibankrap itu. Jadi saya cadang tadi sampai ke RM5,000.

Saya mendapat tahu juga Tuan Yang di-Pertua bahawa kadangkala Pejabat Pegawai Pemegang Harta menyimpan wang dalam aset sibankrap, atau syarikat yang digulung bertahun-tahun lamanya, tanpa mengambil sebarang langkah untuk

mengeluarkan dividen dan untuk mengagihkan wang itu kepada pihak-pihak yang berhak iaitu pemiutang-pemiutang. Kalau ada saya hendak minta maklumat jumlah hartanah-hartanah kepunyaan sibankrap sepatutnya dilelong oleh Pegawai Pemegang Harta, setengahnya ada dilelong, kita tengok dalam surat khabar. Sekarang ini dilelong pun tak laku, tidak ada orang hendak beli. Cuma saya ingin bertanya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia, pernahkah kita terbaca dalam akhbar, notis-notis lelongan awam yang dikeluarkan oleh Pegawai Pemegang Harta, kecuali lelong tanah, lain tidak ada. Kerusi set Itali tidak ada, adalah juga mungkin satu, dualah yang kena seal pejabat saya tahu ada, tetapi dari segi jumlah yang besar, sebab kalau tengok jumlah orang yang kena bankrap ini ramai, tentu sekali peranan Pegawai Pemegang Harta ini kena ambil inisitif untuk mencairkan harta benda sibankrap ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, itulah perkara-perkara yang saya bangkit, dan saya ingin rumuskan iaitu hal hutang ini Tuan Yang di-Pertua, terserahlah kepada rakyat itu sendiri sama ada untuk menuntut hutangnya ataupun melepaskan hutangnya. Kerajaan memang berhak menghapuskan sesuatu hutang, jika sekiranya hutang itu terakru kepada kerajaan, sama ada dalam bentuk cukai ataupun sebagainya, kerana yang adil, berhemah dan bertamadun sepatutnya tidak campur tangan dalam hal hutang piutang di antara rakyat sesama rakyat, sebab ini hal-hal rakyat sebab ini termasuk juga kalau saya hutang dengan Dato' Haji Mohd. Zuki atau Dato' Haji Mohd. Zuki hutang dengan sayalah, kerajaan tidak boleh campur tangan, tetapi kalau saya berhutang dengan Dato' Haji Mohd. Zuki sah dia akan maafkan saya, tak payah bayar maaf telah selesai, nanti lagi hebat dari akta ini, tetapi kalau tak maaf tak boleh, kena bayar. Jadi kita hendak lepas pula.

Itulah sahaja Tuan Yang di-Pertua, rumusannya saya harap Pegawai Pemegang Harta dan kakitangannya laksanakanlah bila akta ini digazetkan nanti, tetapi biarlah adil, saksama bagi semua pihak dan jangan kita lepas orang yang patut bayar hutang ini, dia sengaja tidak mahu bayar hutang, tetapi yang berhutang kerana berniaga kerana

kelemahan-kelemahan lain yang tidak kerana boros, berfoya-foya dan sebagainya memang Rang Undang-undang ini ada kebaikannya. Mudah-mudahan dengan ini, kita dapat membantu mereka yang ikhlas dan jujur, kalau dia terus bankrap pun macam mana dia hendak cari duit, hendak jadi pengarah pun tidak boleh, tetapi dengan undang-undang ini dia lepas, dia boleh berniaga balik, dan kita harap lepas dia berniaga balik, hutang orang itu kenalah bayar, jadi itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

6.25 ptg.

Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya turut serta mengambil peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) 1998.

Saya mengucapkan tahniah kepada Setiausaha Parlimen kementerian yang berkenaan kerana membentangkan Akta ini untuk mengemaskinikan akta yang lama, yang dikatakan Akta semasa penjajah Inggeris dahulu. Sepatutnya undang-undang ini sudah lama kita gubal dan kita kemaskinikan yang patut diadakan dan dapat digunakan sekarang ini. Mengikut seksyen 33A bertujuan memberi kuasa kepada Pegawai Pemegang Harta, untuk melepaskan seorang bankrap daripada kebankrapannya dengan mengeluarkan perakuan ataupun sijil dalam kes-kes yang sepatutnya menerima pelepasan. Tuan Yang di-Pertua perkara ini memanglah saya sependapat dengan rakan-rakan saya sebelum ini tadi mungkin banyak ada berlaku penyelewengan, setahu saya banyak orang yang telah pun dikenakan kebankrapan ini dalam masa tidak berapa lama dalam masa dua minggu, atau sebulan boleh selesai keadaan ini, ini pernah berlaku. Jadi perkara ini patut diambil kira dan diperelokan lagi supaya tidak terlepas begitu sahaja, dan kadangkala yang berhutang itu tahu mereka itu sudah dilepaskan sahaja, ini yang menjadi masalah.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut seksyen 33A tujuan membenarkan pemiutang membantah cadangan Pegawai Pemegang Harta untuk melepaskan seorang bankrap

melalui pengeluaran perakuan pelepasan, ini boleh dikatakan satu perkara yang elok, yang salah satu termasuk dengan kita kemas kinikan yang berkaitan juga.

Mengikut Fasal 4:

“Fasal 4 bertujuan menggantikan peruntukan dalam seksyen 35 Akta dengan peruntukan yang lebih menyeluruh tentang kesan pelepasan yang dibuat melalui perintah mahkamah di bawah seksyen 33 dan melalui perakuan yang dikeluarkan di bawah seksyen 33A yang dicadangkan.”

Bermakna ada sekatan, ada kawalan dan ini dimahkamahkan supaya tidak semudahnya mengikut seksyen 33A tadi. Jadi berikutan seksyen ini sesuai untuk dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang menjadi masalah setahu saya bahawa kebanyakan yang kena bankrap ini sebagaimana yang rakan-rakan saya katakan tadi, kebanyakannya bukan dia sendiri yang berhutang, menjamin kepada rakan-rakan, peniaga-peniaga yang kadang-kadang kawan-kawan sendiri yang timbang rasa kerana hendak berniaga hutang dalam RM30,000 dia tidak boleh bayar, jadi dikenakan orang yang menjamin, sepatutnya Tuan Yang di-Pertua perkara ini hendaklah bagi pihak yang mengisytiharkan hutang itu meneliti lebih jauh lagi. Kalau mereka yang meminjam itu tidak ada dan tidak dapat membayar, dia mesti mencari siapa waris mereka, siapa yang patut membantu membayar, bukan sipenjamin. Kadangkala dia meminjam itu, waris dia pun tidak tahu tetapi kita sedih juga, bila mana-mana perkara hutang dia tidak bertanggungjawab, tetapi kalau sepiutang itu meninggalkan harta yang banyak, kalau meninggal, waris hendakkan harta pula, ini yang masalah, jadi terkorban bagi mereka yang menjamin bagi mereka yang menolong si piutang ini. Jadi sia-sialah atas keikhlasan mereka, tetapi mereka telah pun dibankrapkan, jadi memalukan keadaan ini. Sebenarnya jadi banyak rungutan telah timbul, sepatutnya sipenjamin itu tak sepatutnya mereka dikenakan bankrap, mesti dicari dahulu siapa waris dia, ataupun isteri mereka itu ada bekerja dengan gaji yang lumayan, kenapa kita tidak boleh trace,

mengapa kita tidak mengambil, menghukum ataupun kita mencari supaya mereka itu menjelaskan hutang, ini penjamin yang kena bertanggungjawab yang tidak menerima wang, menjamin dengan ikhlas, mereka telah diisytiharkan hutang.

Lagi satu perkara, Tuan Yang di Pertua, dahulu saya pernah dengar sesiapa yang bankrap ini tidak boleh pakai kereta besar, kasut pun tidak boleh pakai, kadangkala kita tengok mereka lebih cergas lagi dan lebih lumayan keadaannya yang disebutkan oleh Datuk Ibrahim Ali tadi. Memang benar. Ini mengapa keadaan ini, sepatutnya ada kategori mereka, ada sekatan-sekatan mereka, kadang-kadang memang benar ada yang boleh ke luar negeri lagi, boleh berbelanja besar lagi, bukan sahaja kereta besar, ini masalah-masalah. Jadi diketawakan mereka, kata orang dia bankrap, tetapi mereka lebih lagi lumayan keadaan hidupnya. Jadi, perkara ini patut juga diambil kira supaya diperketatkan lagi dan diperkemaskinikan undang-undang ini supaya tidak menjadikan kemusykilan kepada rakyat .

Jadi, Tuan Yang di Pertua, saya tidak bermaksud bercakap panjang, setakat itu sahaja, kerana banyak lagi bill yang akan dibincangkan. Maka dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang tersebut. Sekian, terima kasih.

6.32 ptg.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di Pertua, saya tidak hendak membahaskan dengan begitu panjang, sebab masa sangat singkat. Oleh itu kita banyak lagi bill hendak dibahaskan dan diluluskan. Saya takut nanti kalau kita bahas panjang lebar bill-bill yang belum dibahaskan lagi kita akan patut bersidang lain kali pula, sebab 12.00 malam nanti habislah masa untuk hari ini. Tetapi, memandangkan bill ini saya tidak boleh duduk diam sahaja sebab dari segi pengalaman yang saya pernah buat dahulu ramai yang telah pun jatuh bankrap dan oleh itu saya hendak beritahu sedikit kepada Dewan yang mulia ini pihak kerajaan akan bertindak selepas ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang undang-undang ini yang hendak meminda Akta Kebankrapan 1967 ini adalah satu akta yang telah pun lama dan saya rasa bukan ini sahaja yang patut dipinda, banyak lagi perkara dalam Akta 1967 itu patut dikaji dan dipinda. Berkenaan dengan Akta ini yang saya hendak beritahu pihak kerajaan ialah kita ambil tindakan bankrap kepada sipemiutang ataupun hendak buat dia seorang yang mufliis, adalah satu jalan yang akhir sekali yang kita mesti ambil, ini saya hendak peringatkan, kita ada banyak cara lagi untuk mendapatkan hutang ini, kita ada, dengan izin, judgement data summon, kita ada closure, kita ada attachment, jadi ada banyak cara untuk mendapatkan duit ini. Janganlah orang yang berhutang RM15,000 sebab RM10,000 ke atas boleh dibuatkan seseorang itu bankrap, kita gunakan akta ini untuk memfliskan seseorang itu.

Saya harap pihak kerajaan akan cuba mencari jalan supaya seseorang itu boleh dibankrapkan atau boleh dibuatkan mufliis apabila jalan-jalan lain semua sudah tak boleh buat, tidak ada cara lagi hendak kutip

duit daripada dia. Harta pun tidak ada, tanah pun tidak ada, gaji pun tidak ada, kereta pun tidak ada, isteri pun tidak ada yang boleh menanggung sara hidup dia, jadi barulah kita pergi ambil bankruptcy. Tidak bolehlah kita ambil sewenang-wenangnya. Sekarang ini hendak menyenangkan, hendak mencemarkan nama-nama orang politik yang berhutang RM15,000, buat dia bankrap, apabila buat bankrap terlepas daripada tangan dia. Ini adalah perkara OA, hendak memanggil creditors meeting, hendak memberi dividen. Dividen ialah apabila duit dia beri kepada OA, dia akan beri ke bank, beri ke A, beri ke B, beri ke Datuk Ibrahim misalannya kalau orang itu ada berhutang dengan dia, kita masuk dalam creditors meeting, kita hendak tahu berapa dia hutang dan kepada siapa. Itu yang pertama.

Kedua, Tuan Yang di Pertua, dengan terpindanya akta ini saya harap kita mempunyai pegawai-pegawai yang cukup di Pejabat Pemegang Harta ini. Sebab kebelakangan ini yang lambat ini disebabkan oleh pegawai-pegawai tidak cukup dan kes-kes bankrap ini terlalu banyak, bertahun-tahun, itu sudah meninggal dunia, masih lagi bankrap, tidak lepas dari bankrapnya, yang setengah sudah bayar duit sudah habis masih belum lepas lagi dari bankrapnya, disebabkan kurang kakitangan di pejabat-pejabat Pemegang Harta. Kita ada 17 pejabat Pemegang Harta dan saya harap pejabat-pejabat cawangan ini akan di penuh dan diisikan oleh Pemegang Harta yang berkelulusan undang-undang.

Lagi satu perkara, OA atau Pemegang Harta di tiap-tiap cawangan ini janganlah cepat sangat ditukar. Mereka ini sudah faham, dan tahu cara-cara hendak mengendalikan, dia ada taklimat kepada peniaga-peniaga, jadi dia sudah tahu keadaan di situ, tidak sampai tiga tahun dia ditukarkan, orang baru pun datang, tidak tahu apa perkara yang berlaku di situ, sudah panjang dan lambat lagi.

Tuan Yang di Pertua, itu sahaja yang saya hendak beritahu tadi, satu, dari segi staff, iaitu kakitangan di pejabat itu mestilah ditambah lagi supaya kerja berjalan dengan licinnya, yang kedua, seperti yang saya katakan tadi, iaitu bankrap ini ialah satu cara untuk mendapatkan duit yang terakhir sekali. Sekian, Tuan Yang di Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Setiausaha Parlimen sila jawab. Silakan.

6.40 ptg.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian bagi membahaskan akta yang telah dibentangkan. Di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian seramai tujuh orang, iaitu Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong, Yang Berhormat Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, Yang Berhormat Datuk Haji Sairin bin Karno, Yang Berhormat Tuan Haji

Rosli bin Mat Hassan, Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba dan yang akhir sekali Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin. Jadi, kesemua yang mengambil bahagian ini telah menyokong akta ini untuk diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuba memberi jawapan sebaik mungkin yang saya mampu mengenai dengan persoalan-persoalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat pada hari semalam dan pada hari ini.

Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong, Yang Berhormat Datuk Haji Sairin bin Karno dan Yang Berhormat Datuk Abdul Majid bin Baba ada mempersoalkan mengenai Perkara 33A, iaitu “budi bicara Pegawai Pemegang Harta untuk memberi sijil kebebasan kepada sibankrap-sibankrap.” Sebenarnya kita tidak ada absolute discretion, dengan izin, tidak ada discretion mutlak. Dari segi undang-undangnya ‘absolute discretion’, tidak ada budi bicara mutlak. Kalau ada budi bicara mutlak, sudah tentu akan banyak penyelewengan yang dilaksanakan. Tetapi dalam usaha ini kita mesti menggunakan beberapa peraturan-peraturan tertentu mesti dijalani supaya perkara melepaskan bankrap ini barulah boleh dilaksanakan.

Saya juga telah membacakan di dalam ucapan yang lepas perkara-perkara yang mesti ditekankan. Ianya mesti melalui beberapa tahap sebelum ia dilepaskan sebagai seorang bankrap itu. Pertama, cawangan Jabatan Pemegang Harta akan mengenal pasti fail-fail yang layak untuk diberi pelepasan setelah didapati kes-kes berkenaan memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan dan disahkan oleh ketua cawangan. Syarat-syaratnya telah dijelaskan, mesti mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan, baru dibuat pengakuan. Tahap yang kedua, kes-kes yang dikenal pasti akan dihantar ke Jawatankuasa di ibu pejabat untuk mengkaji sama ada pelepasan boleh diberi atau tidak. Ada pula jawatankuasa menapis. Tahap ketiga, Pegawai Pemegang Harta akan mengkaji cadangan Jawatankuasa dan mengeluarkan sijil jika didapati layak. Sampai ke peringkat itu.

Kita akui memang manusia tidak boleh menjalankan apa sahaja dengan keadilan yang mutlak, tetapi kita mesti percaya kepada orang lain yang telah diberikan tugas untuk menjalankan kerja. Kalau kita tidak mempunyai kepercayaan kepada orang lain untuk membuat kerja, kita tidak mampu berseorangan membuat kerja. Sebab itulah kita cukup yakin supaya walaupun akta ini dipinda demikian rupa, kita mengharapkan supaya mereka dapat menjalankan dengan baik.

Yang Berhormat Tuan Yim juga mengatakan adakah pemiutang selama 20 hari notis kepada pemiutang ataupun pemberi hutang selama 20 hari bermula dari tarikh surat diposkan atau ditandatangani oleh pegawai. Tarikh notis ini tidak timbul sebenarnya. Tempoh 20 hari itu ialah bermula dari tarikh notis diserahkan kepada pemiutang. Maksudnya dia ada pengakuan menerima. Walaupun notis itu bertarikh 10hb. tetapi kita mampu menyampaikan kepada dia pada 20hb. Ogos. Jadi, tarikh kuatkuasa 21hb. itu ialah masa dia menerima notis itu dan dia mesti membuat pengakuan dia menerima pada tarikh 20hb. Jadi, 20 hari bermula daripada 20hb., bukannya bermula daripada 10hb. Jadi, inilah penjelasannya. Kalau tidak, memanglah 21 hari itu terlalu singkat masanya.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Tuan Yim juga membangkit mengenai nama yang sama akan menyebabkan orang yang tidak salah dihukum bankrap kerana tiada nombor kad pengenalan. Bererti orang lain yang sepatutnya kena, tetapi nama yang sama tidak ada kad pengenalan, orang lain yang kena hukum. Kesilapan ini kita harap tidak akan berlaku lagi, kerana sipemiutang yang memohon membankrapkan seseorang perlu memberikan nombor kad pengenalan orang itu. Jadi, kita mesti tentukan nombor kad pengenalan supaya tidak berlaku orang yang sama dikenakan hukum. Ini memang banyak berlaku pada masa yang lepas sama ada orang itu hendak buat pinjaman dan sebagainya dia hanya menggunakan nama sahaja, tidak ada nombor kad pengenalan, maka kadangkala terpaksa ditangguh untuk menentukan sama ada dia bankrap ataupun tidak.

Apabila kita jumpa dengan pihak Pemegang Harta, dia pun tidak dapat menentukan sama ada benar orang ini yang bankrap ataupun orang lain. Kita mengharapkan daripada masa yang kita buat sekarang dan masa-masa yang akan datang kad pengenalanlah yang amat penting selain daripada nama.

Begitu juga mengenai carian (search) kebankrapan memang terlalu lama. Dahulu sampai dua bulan, tiga bulan, selepas itu kita kurangkan ke sebulan dan sebagainya. Tetapi alhamdulillah, ketika ini kita boleh menyelesaikan untuk carian dalam tempoh lima atau enam hari. Dalam pada itu, kita akan berusaha lagi supaya lebih cepat lagi. Sebab ada setengah-setengah negara seperti Kanada misalannya menggunakan Internet. Dia boleh tekan nama dan beri nombor kad pengenalan dia tahu orang itu sama ada bankrap ataupun tidak. Jadi, kita akan cuba ke arah itu supaya kalau dalam pilihan raya misalannya, ada orang mengatakan orang itu hendak menentukan sama ada dia bankrap ataupun tidak, kita terus tekan code nama dia, tengok kad pengenalannya kita boleh tahu, oh dia tidak boleh bertanding pilihan raya kerana dia bankrap. Ini kita menuju ke arah itu, insya-Allah. Tetapi sekarang kita hanya memakan masa lima atau enam hari.

Yang Berhormat Puan Hajah Habshah binti Haji Osman dan Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali juga bertanya adakah penjamin juga akan dilepaskan dari menanggung hutang. Mana-mana penjamin yang dihukum bankrap di atas hutang yang sama boleh juga dipertimbangkan untuk dilepaskan sekiranya memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah peruntukan baru ini. Bererti, kalau kita lihat apabila dia menjamin orang, orang yang dijamin itu telah dilepaskan, penjamin ini kalau kita lihat mengikut syarat-syarat ianya mencukupi, kita juga boleh melepaskan mereka. Ini pihak Pemegang Harta akan menyemak sendiri kedudukan penjamin-penjamin ini.

Yang Berhormat Puan Hajah Habshah juga menanyakan mengenai senarai bankrap di bawah Seksyen 39. Ini ramai yang mempersoalkan bagaimana hendak diketahui kerana tidak lagi digazet oleh Jabatan Pemegang Harta. Dahulu memang kita

gazetkan untuk selama lima tahun kita keluarkan gazet. Gazet ini dibuat oleh pencetakan kerajaan, hendak tahu siapa yang bankrap dia mesti beli dengan pencetakan kerajaan. Sekarang ini kita tidak mahu lagi. Sebab kalau Jabatan Pemegang Harta sekalipun hendakkan senarai orang yang bankrap pun terpaksa beli dengan pencetakan kerajaan. Sekarang ini kita tidak mahu lagi buat pencetakan kerajaan. Kita akan adakan senarai sendiri yang disimpan oleh Jabatan Pemegang Harta. Jadi, kalau ada orang hendak tahu untuk selama lima tahun, kita boleh beri sampai beratus-ratus muka. Dia kena bayar satu muka mungkin RM1.00, kalau 100 muka dia kena bayarlah RM100. Juga kita boleh meminta senarai hanya orang yang tertentu sahaja juga kita boleh beri ataupun senarai-senarai yang tertentu yang dikehendaki untuk setahun kita boleh beri. Ada kita simpan di Jabatan Pemegang Harta sendiri, kita tidak lagi mahu cetak. Berertinya, bukanlah apabila kita tidak ada cetak kerajaan bererti kita tidak ada senarai lagi. Kita ada di Jabatan Pemegang Harta sendiri. Kalau kita hendak, bila-bila masa boleh dapat daripada Jabatan Pemegang Harta.

Yang Berhormat Datuk Haji Sairin Karno bertanya bolehkah sibankrap yang telah melakukan apa-apa kesalahan diberi pelepasan. Sibankrap yang telah melakukan kesalahan – tidak menepati kriteria yang ditentukan di bawah peruntukan baru 33A, bagaimana pun mereka masih boleh memohon pelepasan melalui mahkamah di bawah peruntukan sedia ada iaitu seksyen 33 dengan syarat sibankrap perlu menjelaskan sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah hutangnya. Maknanya, kalau tidak berpeluang secara pelepasan dengan Jabatan Pemegang Harta, dia masih boleh pergi balik ke mahkamah untuk melepaskan dirinya daripada bankrap. Permohonan ini hanya akan dipertimbangkan oleh mahkamah sahaja. Jika mahkamah berpuas hati, maka mahkamah akan mengeluarkan perintah dan diberi sijil pelepasan, apabila dia dapat sijil pelepasan daripada mahkamah tidak perlu lagi dia dapat sijil pelepasan daripada Jabatan Pemegang Harta.

Yang Berhormat Datuk Haji Sairin juga menanyakan mengapa wang simpanan ASN/ASB juga boleh diambil oleh Jabatan ataupun Pegawai Pemegang Harta. Dia tidak kira keadaan harta itu – asalkan dimiliki oleh seseorang, sama ada harta itu harta alih ataupun harta tidak alih, dia mesti dikira harta orang yang dibankrapkan itu. Bererti, kalau sekiranya untuk membayar hutang ini mestilah pihak Pemegang Harta akan mengambil harta-harta itu – tidak kira ia merupakan saham ataupun sebagainya.

Selain daripada itu Yang Berhormat Datuk Haji Sairin juga bertanya berapa ramaikah orang-orang yang telah bankrap dan hidup mewah dan berapa ramaikah orang yang menggelapkan wang dihukum bankrap. Ini amat sukar kita hendak menentukan dan ramai juga Ahli Yang Berhormat yang bertanya. Bilangan sebenar tidak dapat ditentukan. Orang-orang bankrap yang kelihatan hidup mewah biasanya menumpang kemewahan orang lain, pertama. Yang kedua, kadangkala duit itu ditukarkan kepada orang lain, jadi bila dia tukar kepada orang lain dengan sendirinya harta itu dimiliki oleh orang lain. Jadi, orang lain yang mewah tetapi dia boleh menumpang kepada kemewahan orang lain. Sebenarnya dia tidak ada kemewahan lagi. Bagaimana pun, Pegawai Pemegang Harta sentiasa menjalankan siasatan apabila menerima maklumat daripada orang ramai. Begitu juga dengan kes menggelapkan wang – tidak dapat ditentukan kesahihannya kecuali siasatan telah dijalankan oleh Pegawai Pemegang Harta.

Selain daripada itu adakah orang-orang terlibat dengan kad kredit dan perjudian dihukum bankrap. Memang ada. Orang yang menggunakan kad kredit yang berlebihan diadakan supaya dihukum bankrap, terpaksa kita jalankan – memang ada mereka ini telah dibankrapkan kerana salah guna kad kredit.

Selain daripada itu adakah pindaan ini akan merupakan satu usaha untuk melepaskan tokoh-tokoh korporat dari kebangkrutan. Ini pun ramai juga Ahli Yang Berhormat lain yang menanyakan. Di bawah pindaan ini semua kes yang telah mencapai tempoh 5 tahun boleh dipertimbangkan berdasarkan kepada kriteria yang

ditentukan tidak kira sibankrap itu tokoh korporat ataupun tidak. Itu keadilan. Kita tidak kira dia itu tokoh korporat ataupun tidak tetapi dia mesti memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Kemudian, Yang Berhormat Datuk Haji Sairin dan Haji Rosli bin Mat Hassan menanyakan bolehkah jumlah minimum untuk dihukum bankrap dinaikkan kepada RM50,000. Ini memang – di Dewan Rakyat pun ada ditanyakan. Walau bagaimanapun, sebelum tahun 1992 hanya RM2,000 minimum, lepas itu kita naikkan kepada RM10,000 mulai tahun 1992 hingga sekarang dan kalau perlu kita hendak buat perubahan. Di masa akan datang, kita akan fikirkan sama ada hendak dinaikkan lebih daripada RM10,000, sama ada RM50,000 dan sebagainya tetapi kalau hendak sampai lebih daripada itu, terlalu tinggi. Memang saya setuju dengan Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali kata tadi, sesetengah orang itu berhutang hanya RM10,000 atau RM20,000 – dia akan berhutang RM25,000 tetapi kalau kita naikkan RM100,000 bererti dia tidak terkenal sebab minimum itu lebih. Jadi, ada peluang orang yang berhutang kurang daripada RM100,000 kita tidak boleh mengambil apa-apa tindakan. Kita tidak boleh istiharkan mereka bankrap sebab dia berhutang tidak sampai RM100,000. Sebab itulah kita ambil ukuran RM10,000 ini adalah paling baik ketika ini tetapi kalau sekiranya di masa akan datang perlu dinaikkan lagi – kalau semua orang sudah senang, berhutang itu lagi sedap – kita tidak main hutang RM5,000, RM1,000 ataupun RM10,000, kita main hutang RM100,000 ke atas, mungkin kita boleh naikkan RM100,000. Ini terpulanglah kepada masa yang sesuai akan dikaji dari masa ke semasa.

Selain daripada itu, tawaran penyelesaian oleh pihak ketiga. Penyelesaian oleh pihak ketiga hanya boleh dibuat kepada Pegawai Pemegang Harta termasuk penyelesaian hutang kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri. Itu cara yang kita buat. Deposit kebangkrutan RM2,000 kerana penggulungan syarikat, RM300 bayaran deposit adalah untuk membiayai perbelanjaan Pegawai Pemegang Harta sebaik sahaja

perintah kebangkrapan dibuat. Kes yang terlibat telah meningkat. Cadangan untuk meminda deposit penggugungan syarikat kepada RM2,000 sedang di dalam pertimbangan. Jadi, kita akan pertimbangkan pada satu masa untuk dinaikkan lagi.

Selain daripada itu, kuasa mendengar kes bankrap – bolehkah dibuat di Mahkamah Sesyen selain daripada Mahkamah Tinggi. Buat masa ini kita serahkan kepada Mahkamah Tinggi sahaja bagi menentukan kebangkrapan ini. Kita tidak serahkan kepada Mahkamah Sesyen kerana kita hendak memberi peluang kepada Jabatan Pemegang Harta menjalankan usaha sebagaimana kata Dato' Haji Mohd. Zuki tadi, usaha mencari jalan biar mereka cuba membayar hutang mereka dengan semampu mungkin. Sebab itulah kita kadangkala pergi kepada bankrap adalah last resort – tindakan yang akhir. Kalau kita benarkan Mahkamah Magistrate membuat kes juga, lagi cepat benda ini dijalankan. Maknanya hendak membankrapkan orang itu lagi cepat sedangkan mereka mungkin mencari peluang untuk membayar. Sebab itulah kalau hanya Mahkamah Tinggi, dia banyak kes yang lain, mungkin kes bankrap ini tidak dipercepatkan. Maka, dalam masa inilah orang yang berhutang, orang yang memberi hutang, Jabatan Pemegang Harta juga bekerjasama dengan orang-orang yang berhutang ini supaya membayar hutang sebelum mereka ini dibawa ke Mahkamah Tinggi atau sebelum mahkamah menjalankan tindakan, tentu orang yang memberi hutang ini akan mahu mempercepatkan kes-kes mereka. Jadi, lebih cepatlah perjalanan bankrap ini berjalan tetapi kalau tidak banyak mahkamah yang menjalankan maknanya banyak peluang mereka boleh mencari jalan untuk menyelesaikan pembayaran hutang mereka.

Selain daripada itu mengenai penjamin biasiswa bolehkah dibankrapkan. Memanglah ia disyaratkan begitu tetapi disebabkan oleh kerana kerajaan telah memikirkan kadangkala penjamin biasiswa ini menjadi salah seorang – saya tidak suka menggunakan perkataan ‘mangsa’ tetapi kadangkala nasibnya kurang baik, orang yang dijamin tidak bertanggungjawab – keluarga ataupun ibu bapa kepada pelajar juga

tidak bertanggungjawab, maka penjamin akan membayar. Sebab itulah kerajaan sekarang membenarkan bapa kepada pelajar itu menjadi penjamin – tanpa mengira umur, tanpa mengira pendapatan oleh kerana kita berkehendakkan supaya ayah atau bapanya sendiri bertanggungjawab. Sebab itulah kelonggaran kita sudah buat. Jadi, kalau dia hendak mencari penjamin lagi sekarang ini tidaklah susah hendak mencari penjamin biasiswa, kadangkala satu keluarga itu semua – abang dia sudah masuk universiti, ada kerja dan sebagainya. Jadi, selain daripada bapanya menjadi penjamin, mungkin boleh saudara yang rapat juga menjadi penjamin. Masa saya dahulu cukup susah! Jadi maknanya penjamin biasiswa ini sudah banyak kelonggaran kita berikan. Jadi, peluang untuk penjamin dia jadi bankrap bukan waris memang agak sukarlah kali ini, kalau kena pun sama ada ayah dia sendiri ataupun adik-beradik dia sendiri.

Selain daripada itu Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan juga mencadangkan sebagaimana saya nyatakan tadi – saya sudah jelaskan supaya minimumnya kepada RM100,000 bagi ahli syarikat dan RM50,000 bagi orang-orang yang lain saya sudah jelaskan tadi.

Selain daripada itu, saya juga hendak pergi kepada Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali yang mengesyorkan supaya pindaan ini digunakan sementara sahaja ketika kegawatan ekonomi. Pindaan ini bukanlah bertujuan untuk kegawatan ekonomi sahaja. Pindaan ini, selagi tidak dipinda saya tidak ada jaminanlah hendak dipinda bulan Disember tetapi pandangan-pandangan Yang Berhormat itu sudah kita ambil ukuran dan ingatan serta catatan. Kalau sekiranya perlu kita pinda, pandangan-pandangan itu akan digunakan. Jadi, memang di antara pandangan-pandangan itu cukup baik tetapi apa yang kita buat juga ini telah mengira pelbagai pandangan. Saya hendak memberitahu ada negara yang terus melepaskan sibankrap ini secara automatik. Di Amerika Syarikat, kalau tidak silap saya, dia ada tahun tertentu dikenakan bankrap – selama 5 tahun. Apabila sampai sahaja 5 tahun automatik dia lepas – tidak payah diberi syarat tetapi negara kita memang menghalusi perkara ini sebab memanglah

perkara hutang ini hanya boleh lepas kalau sekiranya dia memaafkan. Kalau dia tidak memaafkan tidak boleh tetapi dari segi undang-undang yang kita mampu buat melibatkan akta yang kita ada ini tetapi maknanya yang kita buat ini secara cukup adil, yang kita mampu supaya orang itu tidak boleh berhutang dengan sewenang-wenangnya dan tidak boleh melarikan diri daripada hutang itu sewenang-wenangnya dan juga kerajaan tidak boleh menjalankan tindakan apabila hendak membankrapkan itu dengan sewenang-wenangnya.

Selain daripada itu, syarat-syarat lain telah kita nyatakan supaya orang yang hendak dilepaskan bankrap ini sebagaimana saya nyatakan dalam ucapan-ucapan saya yang telah dinyatakan terlebih dahulu. Ini bab orang bankrap, pergi haji, pergi umrah, saya fikir orang bankrap kalau dia pergi haji, haji dia sah, ianya tidak ada kena mengena. Sebab orang kata kalau dia pergi haji dengan duit curi pun, haji kita sah, yang berdosa mencuri. Itu dua benda yang berlainan, jadi kalau dia dapat duit – siapa hendak beri, sama ada anak dia kayakah, siapakah, kalau dia boleh beri, dia boleh pergi haji – sah, umrah pun begitu. Jadi, itu tidak ada kena mengena dengan ibadah, bermakna dia boleh pergi, siapa yang tanggung tidak kira, dia boleh pergi, tidak jadi masalah. Serupa juga dengan sembahyang – pakai kain curi, sembahyang kita sah, yang berdosa, kita curi kain itu.

Selain daripada itu, saya hendak nyatakan juga berkenaan dengan polis yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Zuki, dia seorang peguam yang berpengalaman saya hormati dia, jika hendak berlawan dengan perkara undang-undang, memang saya kalah, kalau berkenaan dengan agama sedikit, mungkin saya boleh lawanlah. Dia sudah tegur awal, maknanya tidak perlu kepada waran tangkap yang dikeluarkan oleh polis. Pernyataan awal yang tidak failkan di dalam tempoh yang ditentukan, adakah tindakan akan diambil. Kes-kes yang terlibat telah diambil tindakan terhadap bankrap berkenaan. Ertinya kita memang mengikut peraturan-peraturan tertentu dan dapat kita menyempurnakan apa notis-notis yang kita keluar,

memang dapat orang kita laksanakan apa yang kita kehendaki sama ada kita hendak jemput dia datang, hendak jemput dia pelbagaianya menyelesaikan hutang, kita dapat sampaikan notis yang kita keluarkan itu. Penguatkuasaan akta adakah dilaksanakan dengan efektif, Jabatan Pemegang Harta sentiasa melaksanakan tanggungjawab untuk menguatkuasa undang-undang dengan sebaik-baik.

Suka saya ulang sekali lagi, percayalah kepada pegawai-pegawai kita yang telah diamanahkan. Mereka telah bekerja bersungguh-sungguh dalam perkara ini tetapi kita juga sebagai manusia biasa, kita tidak mampu untuk memenuhi semua hasrat kemahuan orang lain. Mungkin kita telah buat, itu paling baik bagi kita tetapi mungkin bagi orang yang menerimanya tidak baik. Itu memanglah lumrah tetapi hakikatnya pegawai-pegawai kita berjaya membuat kerja dengan begitu jujur sekali. Kalaupun sekiranya pegawai-pegawai kita melaksanakan penyelewengan, maka saya tidak percaya pentadbiran kita boleh berjalan. Kalau berlaku pun, satu-dua, itu memang kita tidak boleh nafikan tetapi hakikatnya hendakkan 100% mungkin ada berlaku, tetapi hakikatnya pegawai-pegawai kita telah menjalankan kerja dengan bersungguh-sungguh.

Sebab itulah, alhamdulillah, negara kita dapat kejayaan yang begitu baik, kita tidak mampu hanya kalau kita hendak membangun negara kita ini tidak ada orang yang menolong bekerjasama, semuanya terlibat, semua orang. Selain dari orang buat dasar, orang yang memberi pandangan, orang yang bercakap, orang yang bekerjasama juga orang yang menentukan supaya benda-benda itu berjalan dengan baik termasuklah juga pegawai-pegawai dan kakitangan kita. Jadi yakinlah, mudah-mudahan pindaan kita ini berjalan dengan baik sebab pegawai-pegawai itu jugalah yang akan menjalankan kerja-kerja mereka, mereka ini berpengalaman. Selain daripada itu, saya juga hendak menyatakan mengenai dengan Yang Berhormat Dato' Abdul Majid – saya kira sudah jawab sekalilah mengenai seksyen 33A.

Sekarang ini saya hendak jawab Yang Berhormat Dato' Zuki mengenai dengan mengisi pegawai-pegawai yang tidak cukup hendaklah ditambah dan supaya membuat bankrap ini setelah membuat kerja-kerja yang lain. Jadi saya hargai pandangan ini tetapi memang kita kakitangan sentiasa banyak kerja, sebab itulah di antara cadangan kita ini supaya orang-orang yang sukar dicari, yang dormant case, ertinya terpendam, orang yang terlalu tua, orang yang tidak mampu lagi, kad pengenalannya tidak ada, sebab itulah kita hendak berikan budibicara kepada Pegawai Pemegang Harta supaya melepaskan bankrap. Jadi apabila ini diberikan kuasa, mereka akan bekerja sebab fail mereka telah ada dan usaha-usaha mereka tiap-tiap kes itu telah dibuat dan mereka tahu orang ini tidak boleh dikesan lagi, orang yang telah tua dan tidak mampu dan kad pengenalannya tidak ada, maka ini pihak Jabatan Pemegang Harta akan memproses sendiri bagi menentukan pemberian sijil kepada mereka yang terlibat seperti yang telah saya nyatakan tadi.

Tetapi percayalah usaha-usaha lain bagi menentukan mereka membayar hutang adalah menjadi keutamaan kepada kita. Kita ada dua pendapat, pertama kita perlu bankrap itu dicepatkan tetapi apabila kita cecutkan bankrap ini adalah orang yang memberi hutang, ramai pula orang yang bankrap. Ada juga berpendapat supaya bankrap itu dilewatkan supaya memberi peluang kepada orang yang hendak diisytihar bankrap itu sempat membayar hutang. Jadi kita ambil jalan tengah sebaik mungkin supaya usaha yang kita mampu jalankan itu memenuhi kedua-dua pihak supaya dapat selesai dengan baik. Orang yang dibankrapkan itu berpuas hati kalau dibankrapkan dan orang yang suruh orang bankrap pun puas hati sebab kita menjalankannya dengan cukup peraturan-peraturan yang ditetapkan.

Jadi, saya percaya pindaan-pindaan yang kita buat ini akan memberi faedah kepada kita dan bagi meminda akta ini di masa-masa akan datang, perkara ini akan kita fikirkan di masa-masa akan datang, apa yang patut kita pinda lagi, kita akan pinda. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PERKHIDMATAN KEWANGAN LUAR PESISIR LABUAN (PINDAAN) 1998

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.12 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA) ditubuhkan di bawah Akta LOFSA 1996 yang berkuatkuasa mulai 15 Februari 1996. Akta tersebut mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai fungsi dan kuasa-kuasa LOFSA sebagai sebuah agensi sehenti untuk menyelaras, mengawal selia serta memajukan aktiviti kewangan luar pesisir di Labuan. Selaras dengan strategi membangunkan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC), beberapa tindakan telah pun diambil bagi memperkenalkan aktiviti baru serta menyelaras aktiviti kewangan luar pesisir di Labuan seperti meminda Akta Luar Pesisir.

Dalam tempoh 1996 hingga 1997 pindaan-pindaan telah dibuat kepada Akta Syarikat Luar Pesisir 1990, Akta Insurans Luar Pesisir 1990 dan Akta Bank Luar Pesisir 1990. Beberapa akta baru telah diwujudkan, iaitu Akta Amanah Luar Pesisir

Labuan 1996, Akta Perkongsian Terhad Luar Pesisir Labuan 1997 dan Akta Perindustrian Sekuriti Luar Pesisir Labuan 1997. Selaras dengan usaha di atas, LOFSA berpandangan bahawa pindaan perlulah juga dibuat kepada beberapa peruntukan di bawah Akta LOFSA 1996 untuk mencerminkan perkara-perkara berikut:

- (i) memperkukuhkan kuasa penyeliaan LOFSA ke atas institusi kewangan di Labuan seiring dengan amalan pihak-pihak berkuasa kewangan di pusat-pusat IOFC yang terkemuka;
- (ii) memperkemas peruntukan yang dianggap mengelirukan serta menimbulkan masalah pentadbiran atau yang mengurangkan keberkesanan LOFSA dalam mengawal selia aktiviti kewangan luar pesisir di Labuan IOFC;
- (iii) memperluaskan skop aktiviti perniagaan kewangan luar pesisir di Labuan IOFC selaras dengan objektif penubuhan LOFSA secara amnya; dan
- (iv) mengambil kira dasar terkini kerajaan di bawah peruntukan-peruntukan tertentu Akta LOFSA 1996.

Secara ringkasnya pindaan-pindaan yang dicadangkan merangkumi perkara-perkara berikut:

- (i) Kuasa pemeriksaan - seksyen 4 Akta LOFSA 1996 memberi kuasa kepada LOFSA mentadbir dan menguatkuasakan pelbagai perundangan luar pesisir di Labuan. Walau bagaimanapun, Akta LOFSA 1996 tidak mempunyai peruntukan khusus yang membolehkan LOFSA membuat sebarang pemeriksaan dan penyiasatan jika diperlukan dalam keadaan tertentu. Sehubungan dengan itu, LOFSA perlu diberi kuasa untuk berbuat demikian dalam Akta LOFSA 1996.

- (ii) Kuasa memperoleh maklumat - pada masa ini LOFSA tidak mempunyai kuasa statutori untuk meminta maklumat daripada peserta-peserta luar pesisir selain daripada yang telah diperuntukkan di bawah peruntukan tertentu undang-undang luar pesisir. Kekurangan ini telah dijadikan isu dan digunakan sebagai bantahan semasa LOFSA memohon untuk menyertai Kumpulan Penyelia-penyelia Perbankan Luar Pesisir ataupun Offshore Group of Banking Supervisors. Kebanyakan pusat luar pesisir terkemuka mengamalkan regim pengawalseliaan yang lebih ketat melalui kuasa mendapatkan maklumat untuk mengelakkan peserta-peserta luar pesisir dari terlibat dengan aktiviti haram. Dengan itu kuasa sedemikian penting bagi LOFSA bagi menjaga imej baik Labuan sebagai IOFC.
- (iii) Kuasa kepada LOFSA untuk menyampaikan maklumat tertentu kepada pihak lain - pada masa ini tiada peruntukan khusus yang memberi kuasa kepada LOFSA sekiranya ia mengesyaki satu kesalahan telah dilakukan untuk menyampaikan maklumat yang telah dikumpul atau diterima kepada pihak-pihak berkuasa atau orang yang ada kuasa untuk menyiasat atau boleh menguatkuasakan undang-undang. Sehubungan itu, pindaan perlu dibuat bagi membolehkan LOFSA menyampaikan maklumat yang diperlukan kepada pihak berkuasa tempatan atau asing apabila LOFSA berpuas hati terdapat asas-asas munasabah bagi suatu kesalahan yang telah dilakukan. Kuasa tersebut akan berkuatkuasa sepenuhnya dan mengatasi peruntukan-peruntukan lain dalam Akta LOFSA 1996 atau ke semua Akta Luar Pesisir serta undang-undang bertulis yang

lain. Pada masa yang sama LOFSA berkuasa menyemak atau memeriksa buku-buku, dokumen-dokumen atau rekod-rekod peserta luar pesisir untuk memastikan kesahihan sesuatu maklumat yang diberi.

- (iv) Kuasa kepada lembaga dengan kelulusan Menteri Kewangan bagi mewujudkan satu dana kebajikan kakitangan - dana tersebut akan digunakan bagi tujuan kebajikan kakitangan LOFSA dan tanggungan mereka sepertimana yang diluluskan oleh Menteri Kewangan. Peruntukan yang sama terdapat dalam Akta Bank Negara Malaysia 1958 untuk kebajikan kakitangan Bank Negara Malaysia (BNM).
- (v) Kuasa kepada LOFSA untuk menubuhkan atau memegang kepentingan dalam badan korporat - pada tahun 1997 Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah mengumumkan penubuhan Pasaran Wang Antarabangsa Islam Labuan (ALIM) yang menyediakan kemudahan untuk institusi kewangan menyelaraskan portfolio jangka pendek berasaskan prinsip syariah. Pada 1 April 1998 Akta Perindustrian Sekuriti Luar Pesisir Labuan 1997 mula berkuatkuasa dan membenarkan penubuhan Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan atau Labuan International Financial Exchange (LIFE).

Dengan penubuhan ALIM serta LIFE, LOFSA perlu memegang kepentingan dalam syarikat berkenaan untuk mengadakan pasaran dan menggalakkan penyertaan peserta-peserta luar pesisir seperti Bank Pembangunan Islam (IDB) serta menunjukkan komitmen kerajaan untuk membangunkan

instrument kewangan secara Islam. Kuasa dan peruntukan yang sama juga telah diberi di bawah seksyen 22A Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 kepada Suruhanjaya Sekuriti untuk menubuhkan badan korporat bagi menjalankan penyelidikan dan latihan mengenai industri sekuriti tertakluk kepada persetujuan Menteri Kewangan. Kebenaran kepada LOFSA untuk memegang ekuiti dalam syarikat berkenaan hendaklah juga dengan persetujuan Menteri Kewangan terlebih dahulu.

- (iv) Kuasa kepada lembaga bagi membuat garis panduan. Kuasa ini diberi kepada LOFSA untuk membuat garis panduan kepada institusi-institusi bank dan insurans berkaitan dasar yang perlu dipatuhi, cara perjalanan perniagaan, amalan-amalan berhemat dan hal-hal lain yang berkaitan dengan penyeliaan dan peraturan perbankan luar pesisir, pengurusan dana, industri insurans dan aktiviti-aktiviti luar pesisir lain yang dibenarkan atau dikawal selia oleh LOFSA.

Pindaan Akta LOFSA 1996 dijangka menggalakkan lagi perkembangan aktiviti luar pesisir serta menambah daya saing Labuan sebagai IOFC yang terulung di rantau ini. Dengan pindaan Akta ini segala urusan pentadbiran LOFSA akan menjadi lebih lancar manakala aktiviti perniagaan, aktiviti luar pesisir pula akan menjadi lebih telus, terkawal dan teratur untuk menjadikan Labuan sebagai IOFC bukan sahaja berdaya maju bahkan terhindar dari aktiviti yang tidak sihat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

7.20 ptg.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam satu rang undang-undang Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (Pindaan) 1998. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang telah menyampaikan rang undang-undang tadi dengan begitu terang dan jelas walaupun agak cepat sedikit mungkin kerana desakan masa, saya punya shorthand pun agak kelam-kabut untuk mengikuti point-pointnya yang begitu baik dan boleh dapat kita memahami niat hasrat pihak kerajaan dalam menyampaikan pindaan dalam rang undang-undang ini.

Saya turut mengambil peluang ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah juga kepada pihak kerajaan kerana begitu prihatin dengan kedudukan ekonomi semasa, prihatin tentang perkembangan dunia luar dari segi penubuhan LOFSA dan aktiviti-aktivitinya termasuk bidang kuasa insentif dan sebagainya. Sekali gus sepintas lalu saya melihat bahawa langkah ini begitu amat strategik untuk menjadikan Labuan sebagai LOFSA yang terkenal dan mendapat daya penarik yang kuat.

Saya rasa bab daya penarik dan kuat dalam zaman menghadapi ekonomi yang merosot yang gawat ini adalah amat begitu terlalu mustahak dan strategik kerana mungkin inilah peluang yang kita boleh gunakan Labuan melalui LOFSA dan pindaan yang berkaitan dengannya untuk menghidupkan kembali aktiviti-aktiviti ekonomi yang kita harap-harapkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik benar dengan cadangan-cadangan pindaan ini terutama sekali tentang kuasa pemeriksaan. Saya rasa bab kuasa pemeriksaan ini sepatutnya sudah dahulu diberi penekanan tapi tidak apalah dalam kita menyampaikan sesuatu yang baru mungkin terlepas pandang. Tetapi saya rasa, saya menyokong kuat Rang undang-undang ini mengenai bab pemeriksaan. Adat manusia bila kita mempunyai sesuatu kuasa untuk menjalankan perniagaan mencari keuntungan dan di samping keuntungan kita terpaksa mengikuti peraturan-peraturan tertentu, kalau tidak pihak kerajaan yang mempunyai kuasa untuk memeriksa aktiviti itu, saya rasa kawalannya tidak menepati dan agak menjadi masalah kepada negara.

Perkara kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ialah mengenai kuasa perolehi maklumat. Sama juga dengan bab ketiga tentang sampaikan maklumat. Saya melihat bab dua dan bab tiga tentang perubahan mengenai maklumat ini begitu amat mustahak sekali. Keseluruhan masyarakat membuat persediaan untuk menghadapi zaman maklumat. Oleh kerana itu penekanan tentang kuasa untuk memperolehi maklumat adalah amat baik sekali.

Kalau dahulu kita ada sebab mereka boleh lari dan sembunyi maklumat yang tertentu tetapi sekarang dengan pindaan yang begini saya rasa syarikat-syarikat yang berkenaan tidak akan ada peluang lagi. Oleh kerana telah diberi kuasa yang cukup segala excuse yang telah diberi oleh syarikat-syarikat yang berkenaan untuk tidak memberi maklumat boleh dihapuskan dan dengan itu imej Labuan sebagai LOFSA yang kita sebutkan boleh kita saingi dalam dunia yang penuh cubaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai bab sampai ke maklumat tertentu kepada pihak yang meminta. Kalau mengikut keadaan lama sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pihak kerajaan, pihak penguasa tidak boleh membuat apa-apa, kalau sekiranya syarikat tidak menyampaikan maklumat. Dan oleh kerana kita mengetahui bahawa maklumat itu adalah kuasa untuk menjayakan ataupun meruntuhkan sesuatu, saya rasa kuasa yang boleh semak buku, semak dokumen dan sebagainya termasuk syak wasangka adalah amat kuat sekali.

Malah kepada saya inilah peluangnya kalau kerajaan hendak perketatkan, hendak menunjukkan seriusnya kita untuk menaikkan nama baik Labuan sebagai tempat daya penarik inilah peluangnya untuk kita ketatkan lagi dari segi kuasa untuk menyampaikan maklumat ini. Kalau boleh saya bandingkan dengan kuasa undang-undang ISA yang kita ada, kita mengetahui ISA adalah satu tool, satu alat yang amat kuat bagi kerajaan untuk mengambil tindakan kalau sekiranya kita mempunyai syak wasangka bahawa sesuatu tindakan itu boleh menyelamatkan keadaan negara.

Kepada saya perbandingan bermodelkan ini kita patut ambil contoh walaupun tidak sehebat itu tetapi contoh ISA patut dijadikan model supaya langkah kita untuk meminta maklumat dan menentukan yang syarikat-syarikat terlibat yang kita mempunyai syak yang membuat sesuatu perniagaan kewangan yang tidak sah dan tidak kita terima boleh diambil kira.

Tuan Yang di-Pertua, saya teringat, baca dalam akhbar dan melihat dalam televisyen di Amerika Syarikat khususnya mengenai undang-undang berkenaan dengan Inland Revenue Authority. Saya rasa kuasa yang ada dalam IRA di Amerika Syarikat juga boleh dijadikan model di sini. Malah kalau saya kata, kalau kita bincangkan apakah kuasa IRA yang ada dalam Amerika Syarikat terlalu amat hebat, sehinggakan kita rasa seolah-olah ini adalah suatu pementasan drama wayang yang hebat, yang boleh ada sahaja maklumat mengatakan sesuatu syarikat ingin menyembunyikan maklumat untuk mengelakkan daripada pungutan cukai umpamanya maka sekumpulan

IRA boleh diberi kuasa untuk attack sepertimana dengan kita gerak gempur untuk mengambil alih segala barang dan maklumat di dalam syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk kita menggunakan sehebat itu tetapi di antara ISA di Malaysia dan IRA di Amerika Syarikat saya rasa inilah peluangnya kita boleh menjadikan model supaya syarikat-syarikat yang terlibat untuk membuat sesuatu, menyembunyikan sesuatu dengan helahnya masing-masing, dengan menggunakan kreativiti yang negatif. Ini pada saya adalah management creativity yang negatif, yang boleh meruntuhkan khususnya tempat Labuan yang hendak kita bangunkan dengan begitu baik.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang disampaikan oleh Yang Berhormat tadi mengenai kuasa wujud dana kebajikan kakitangan LOFSA. Saya rasa ini tidak payah kita huraikan dengan begitu banyak kerana amat tepat sekali ia bermodelkan kepada perancangan ataupun amalan yang telah pun diwujudkan di Bank Negara amat baik sekali, mana-mana sahaja usaha pihak kerajaan untuk memberi kemudahan kepada kakitangan yang bekerja keras pada saya begitu amat strategik sekali.

Saya ucap tahniah kepada pihak kerajaan kerana prihatin tentang perkara ini kerana maklumlah pegawai-pegawai kanan yang hidup sedap di Kuala Lumpur khususnya mungkin di Bank Negara, saya faham banyak juga pegawai-pegawai ini yang dihantar di Labuan, walaupun Labuan itu Wilayah Persekutuan sudah semestinyalah Wilayah Persekutuan di Labuan mungkin tidak sama cara hidupnya dengan Wilayah Persekutuan di Kuala Lumpur Bank Negara. Oleh kerana itu, langkah kita melanjutkan kemudahan kakitangan dan kepentingan kakitangan ini adalah amat baik sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut tertarik dengan Perkara 5 yang disampaikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen khususnya mengenai kuasa LOFSA untuk pegang kepentingan dalam badan-badan korporat. Saya lebih tertarik bila beliau

menyebut tentang badan-badan Islam, Bank Pembangunan Islam dan sebagainya, perkara-perkara yang berunsurkan Islam umpamanya.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Saya rasa inilah peluang terbaik untuk kita menarik rakan-rakan kita di dunia Islam untuk datang berkongsi pengalaman membuat pelaburan dan menjalankan aktiviti di pusat Labuan. Saya rasa inilah peluangnya pusat untuk kita mencanangkan ke seluruh dunia bagaimana kita telah begitu berjaya dengan Bank Islam umpamanya, bagaimana kita berjaya dengan Syarikat Takaful umpamanya, bagaimana kita telah berjaya dengan program Tabung Haji umpamanya, program-program ini adalah menjadi kemegahan Malaysia dan program-program ini eloklah dijadikan landasan di Labuan melalui badan-badan yang telah kita sebutkan tadi amat strategik kerana environmentnya baik, peraturan perundangannya baik, insentifnya baik, oleh kerana itu inilah kita akan dapat mencapai cita-cita kita untuk menjadi Labuan sebagai tempat pelaburan yang amat menarik.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menamatkan perbahasan saya ini dengan mengatakan bahawa langkah kerajaan ini amat baik dan perlu mendapat sokongan Ahli-ahli Dewan Negara sekalian dan oleh kerana pembentangan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen begitu jelas dan saya ingat yang saya komen pun jelas kerana saya mengikut penyampaian Yang Berhormat Setiausaha Parlimen juga, mungkin Ahli-ahli lain juga akan turut bersetuju dengan saya dan menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki.

7.32 mlm.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya hendak bercakap sedikit sahaja berkenaan dengan Akta untuk meminda Labuan Offshore Financial Services Authority 1996 ini, iaitu apabila Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan ini ditubuhkan, setakat ini kita ada mempunyai 64

offshore banks, dengan izin, tetapi yang saya tidak tahu ialah berkenaan dengan infrastruktur dari segi fizikal, dari segi financialnya di Labuan ini.

Kita dahulu berhasrat untuk hendak pergi ke Labuan untuk melihat keadaan di situ sebab banyak daripada kita semua tidak tahu perjalanan LOFSA ini. Oleh itu, adalah baik kalau satu taklimat diberikan tetapi disebabkan masa dan keadaan tidak mengizinkan, jadi kita tidaklah dapat pergi ke sana.

Ini adalah satu park kewangan yang ada di Labuan ini dan LOFSA ini adalah satu, dengan izin, one stop agency, kalau saya difahamkan diberi tanggungjawab untuk mengaturcarakan kewangan industri di Pulau Labuan ini. Tetapi apa yang kita hendak tahu ialah berkenaan dengan perjalanan bank pesisiran ini. Kita tahu bank-bank Malaysia sendiri ada ditubuhkan di sana seperti Maybank, Bank Bumiputra (M) Berhad, Rashid Hussein dan Bank of Commerce yang telah pun memberi pinjaman sebanyak RM718 juta, tetapi yang menghairankan mengapalah bank-bank di Labuan ini memberi pinjaman yang begitu banyak iaitu pada tahun 1997 sebanyak RM17.4 bilion telah pun diberi pinjaman berbanding RM11.9 bilion pada tahun 1996. Oleh itu, RM11 bilion pada tahun lepas telah pun diberi kepada syarikat-syarikat dan individu orang-orang Malaysia sungguhpun jumlah yang lain tadi diberi pinjaman kepada luar Malaysia.

Jadi, bagaimana dengan pemberian pinjaman-pinjaman yang begitu banyak itu sebab pinjaman-pinjaman ini diberi dalam wang US Dollar, sekarang ini telah pun merosot 40%. Itu adalah lebih mahal untuk membayar ataupun, dengan izin, to service dalam kewangan ringgit disebabkan oleh duit kita telah pun menurun.

Oleh itu, dari segi kawal selia bank pesisiran di Labuan ini amatlah penting sekali. Saya harap dengan adanya rang undang-undang ini dapatlah pihak kerajaan mengambil tindakan untuk menguruskan perjalanan bank ini dengan berlebih-lebih lagi, kemungkinan kita boleh perkenalkan macam yang dibuat oleh De Basle Committee sepertimana yang saya katakan dahulu untuk meng'expose'kan, untuk

meluaskan dan memberi pembukaan yang lebih kepada bank pesisiran di pantai Labuan ini (LOFSA).

Tuan Yang di-Pertua, walau apa sahaja tindakan yang kita ambil pada masa sekarang untuk membaiki keadaan kewangan kita, walaupun di bank-bank tempatan mahu pun bank-bank pesisiran, apabila sudah kita kaji dengan telitinya apa tindakan yang kita ambil, saya berharap dan mendoakan kejayaan akan dapat dicapai oleh pihak kerajaan bagi bersama-sama mengatasi masalah kegawatan ekonomi. Oleh itu, saya menyokong pindaan Bill ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Kamilia.

7.38 mlm.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya hanya ingin mengambil bahagian sedikit sahaja kerana saya juga terlibat dahulu semasa meluluskan Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (Pindaan) 1996 yang mana pada masa itu juga kita telah memberi kelulusan dengan memberi beberapa ingatan sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki tadi dengan berhati-hati dalam kita melaksanakan offshore bank operation ini kerana kita tahu bahawa Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan ini adalah satu perkhidmatan kewangan yang mempunyai risiko-risiko tertentu dan pada hari ini kita telah dikemukakan dengan pindaan-pindaan yang menunjukkan keprihatinan pihak kementerian dan kerajaan tentang perlunya ada kawal selia yang lebih terperinci dan teliti dan diperuntukkan di dalam pindaan-pindaan yang dengan ini saya memberi sokongan.

Cuma saya juga ingin lagi sekali sama-sama mengingatkan sepertimana juga kata Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki tadi bahawa pengawasan dan pengawalseliaan kewangan luar pesisir ini dari pengalaman-pengalaman offshore banks negara-negara luar juga ianya merupakan satu yang amat rumit dan apa yang kita juga dapat lihat daripada bacaan kita dan juga pengalaman-pengalaman contohnya di

negara-negara yang mengalami masalah kegawatan ekonomi dan sistem perbankan, kita dapati bahawa offshore operation ini memang merupakan satu perkara yang rumit dan terutamanya bagi negara-negara seperti kita yang dianggap emerging countries dalam perbankan yang diliberalisasikan. Kita dapati juga di Asia dan Latin Amerika banyak perkara yang menimbulkan risiko terutamanya apabila kita menggunakan derivatives contract in offshore market, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, dan di sini kita dapati bahawa banyak pinjaman bad loans yang begitu juga merupakan satu perkara yang akan merumitkan. Ini memang juga kita hadapi sekarang ini dan telah pun terbukti dan jikalau tidak adanya kawal selia yang lebih rapi maka tentu sekalilah masalah ini akan berterusan.

Ada para economist yang menyatakan mungkin kita tidak perlu sebenarnya menumpukan banyak aktiviti dalam offshore operation ini malah mungkin kita perlu menumpukan kepada sistem perbankan yang ada dan mungkin juga projek-projek yang wujud di negara ini. Jadi saya juga inginlah mengambil kesempatan ini dalam menyokong rang undang-undang ini untuk sama memberi keprihatinan pengawasan dan pengawalseliaan dari segi peraturan-peraturan yang akan ditetapkan nanti dan kita juga menyokong apa yang telah diperuntukkan dalam Rang Undang-undang ini di mana kuasa diberi kepada Menteri, kuasa juga diberi kepada Lembaga yang perlu diluluskan oleh Menteri.

Cuma saya ingin menyarankan bahawa mungkin kita menggunakan alternatif-alternatif perbankan yang lain dan berhati-hati dalam kita menggunakan facility ataupun perkhidmatan luar pesisir yang akan kita wujudkan di Labuan ini dan akan diteruskan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang hendak saya sampaikan dan saya sokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila jawab
Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada tiga orang Ahli Yang

Berhormat iaitu Yang Berhormat Dato' Ghazi, yang kedua Yang Berhormat Dato' Mohd. Zuki dan yang ke tiga Yang Berhormat Puan Kamalia yang telah membahaskan Rang Undang-undang ini. Yang Berhormat Dato' Ghazi telah pun menyatakan bahawa sudah tiba masanya kita membuat pindaan mengenai kawal pemeriksaan atau kawalseliaan, kuasa memperolehi maklumat dan kuasa memberi maklumat.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan seperti mana yang kita katakan dahulu, di dalam Akta yang silam bahawa kita mengamalkan kerahsiaan tetapi sebenarnya pindaan yang dicadangkan tidak menghapuskan peruntukan kerahsiaan yang wujud dalam undang-undang luar pesisir ini. Jadi semua aktiviti luar pesisir yang sah tetap akan dilindungi sepenuhnya. Jadi mana-mana peserta yang tidak terlibat dengan jenayah tidak perlu bimbang. Pada masa yang sama aktiviti-aktiviti luar pesisir yang menyalahi undang-undang tidak akan dapat berselindung disebalik peruntukan kerahsiaan yang ketat. Langkah tegas perlu diambil untuk menjaga Labuan supaya tidak dicemari oleh kegiatan haram seperti usaha pembersihan wang atau pun money laundry. Oleh itu pindaan memperuntukkan bahawa access sesuatu maklumat oleh LOFSA hanya boleh dibuat dalam bentuk maklumat umum.

Bagi maklumat terperinci ia mestilah berhubung kes-kes yang melibatkan fraud dan kesalahan jenayah seperti yang ditafsirkan dalam Fasal 28A dan tidak termasuk kesalahan berkaitan dengan percukaian. Kesalahan percukaian tidak dimaksudkan sebagai kesalahan dalam Fasal 28A kerana Labuan mempunyai undang-undang cukai yang tersendiri. LOFSA sedia maklum bahawa peruntukan kerahsiaan yang tegas penting dalam sistem perundangan luar pesisir. Namun begitu keadaan telah berubah, kebanyakan pusat kewangan luar pesisir antarabangsa yang terkemuka telah mula mengamalkan dasar pengawalseliaan yang lebih telus. Oleh itu kerahsiaan mutlak bukan lagi menjadi daya tarikan utama, daya tarikan pusat-pusat kewangan luar pesisir sekarang banyak bergantung kepada kualiti, jenis perkhidmatan yang ditawarkan dan sistem perundangan yang teratur. Ini semua perlu diteladani oleh

Labuan. Oleh itu seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Zuki dan Yang Berhormat Puan Kamalia, kawal selia yang lebih telus adalah dicadangkan terhadap bank-bank dan syarikat insurans di luar pesisir. Syarikat luar pesisir yang lain masih tertakluk kepada peruntukan kerahsiaan yang ketat kecuali ianya terlibat dengan kes jenayah.

Sebagai rumusan, pindaan yang dicadangkan perlu berdasarkan sebab-sebab berikut; Yang Pertama, untuk menjamin agar Labuan bersih dari aktiviti yang tidak sihat dan mempunyai reputasi yang baik terutama dalam kegiatan perbankan dan insurans luar pesisir; untuk mengelakkan Labuan IOFC dari disenaraihitamkan oleh penyelia-penyelia luar pesisir yang lain. Ini akan berlaku apabila sesuatu kewangan luar pesisir didapati tidak mempunyai sistem perundangan yang memberi cukup kuasa kepada penyelia seperti LOFSA untuk memastikan peserta-pesertanya bebas dari aktiviti-aktiviti yang tidak sihat dan secara langsung kita boleh memeriksa, boleh memperolehi maklumat dan memberi maklumat. Labuan telah pun mempunyai kes-kes tersebut. Oleh itu pekerjaan ini bak kata Yang Dato' Mohd. Ghazi sangat bersesuaian.

Pada asasnya sekarang, keperluan untuk mendapatkan maklumat adalah lebih kritikal berikutan meningkatnya kegiatan bank-bank terkemuka di dunia dan mewujudkan aktiviti pembersihan wang haram melalui pusat kewangan antarabangsa luar pesisir tadi. Yang Berhormat Dato Ghazi juga telah pun menyatakan terima kasihnya mengenai cadangan LOFSA untuk mengadakan dana kakitangan. LOFSA belum lagi menentukan jumlah harga dana itu sekarang untuk kakitangan yang akan ditubuhkan ini. Jumlah tersebut akan ditentukan setelah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah LOFSA dan Menteri Kewangan. Jumlahnya tidak besar kerana jumlah kakitangan LOFSA pun kecil kalau dibandingkan dengan Bank Negara di Kuala Lumpur. LOFSA akan menggunakan model dan kakitangan yang diamalkan oleh Bank Negara Malaysia.

Mengenai pasaran wang antarabangsa Islam, untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah mengubahsuai akta perundangan luar pesisir seperti Akta Bank Luar Pesisir 1990, Akta Amanah Labuan 1996 serta Akta Perindustrian Sekuriti Luar Pesisir Labuan 1998 bagi membenarkan perniagaan luar pesisir cara Islam dan konvensional dijalankan sekali gus. Sebagai contoh mana-mana bank di luar pesisir boleh juga menjalankan pembiayaan secara Islam. Kerajaan sedang menarik minat bank-bank Islam antarabangsa, Syarikat Takaful dan Institusi Kewangan Islam yang berkhususan dalam aktiviti-aktiviti Islam yang terkemuka dan bereputasi di dunia untuk beroperasi di Labuan. Dengan ini mereka dapat memberikan kepimpinan dan bimbingan serta menambahkan tenaga mahir untuk mempromosikan produk Islam di Labuan. Sehubungan itu bank Islam pertama di Labuan iaitu Bank Islam Limited dan Syarikat Retakaful telah pun memulakan operasi semenjak bulan Jun tahun lepas. Syarikat luar pesisir Labuan termasuk Bank Luar Pesisir dibenarkan untuk melantik mana-mana badan syariah pilihan mereka untuk menjadi penasihat. Ini dapat memberikan kesenangan kepada pelabur dari negara lain yang mungkin berasa selesa dengan penasihat syariah pilihan mereka. Kerajaan telah membenarkan penubuhan syarikat pengurusan yang menjalankan khidmat nasihat untuk membiaya secara Islam. Jadi seperti mana yang kita katakan tadi, kerajaan sedang berusaha untuk menubuhkan sebuah pasaran wang antarabangsa Islam di Labuan iaitu ALIM yang merupakan pasaran wang Islam yang pertama di dunia. Ianya akan menggunakan Dolar US, cadangan rangka infrastruktur telah pun siap dan institusi terpenting dalam penubuhan ALIM adalah sebuah institusi pengurusan mudah tunai Liquidity Management House (LMH). Ianya akan berfungsi sebagai peminjam terakhir dalam pengurusan mudah tunai bagi peserta-peserta dalam ALIM. ALIM dijangka akan menjadi pemankin kepada pembangunan Labuan sebagai pusat pembiayaan secara Islam yang terulung di dunia.

Sebagai langkah untuk memberi kredibiliti kepada LMH, Bank Pembangunan Islam (IDB) telah memberi maklum balas positif untuk menjadi salah satu pemegang saham dalam LMH. Jadi, seperti mana Dato' Ghazi katakan tadi, dengan adanya ALIM bahawa Kuala Lumpur-Labuan akan terletak di peta dunia sebagai pasaran yang ulung berasaskan syariah.

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki telah menanyakan kejayaan mengenai LOFSA kerana nampaknya seperti mana Yang Berhormat katakan tadi bahawa kita tidak berkesempatan dan berkecapaian untuk pergi ke LOFSA. Insya-Allah jika masa mengizinkan nanti, kita akan cuba uruskan. Kalau kita lihat sejak LOFSA ditubuhkan pada Februari 1996, banyak kejayaan telah dicapai oleh LOFSA, bahkan ramai di kalangan Yang Berhormat seperti di Dewan Rakyat telah pun pergi dan kita akan cuba mengaturkan nanti, insya-Allah, untuk Dewan Negara.

Di antara kejayaan yang besar ialah memperlengkapkan perundangan di Labuan, Rang Undang-undang ini merupakan yang ketujuh yang telah dibentangkan di Dewan ini sejak LOFSA ditubuhkan. Enam yang sebelumnya telah pun diluluskan.

Keduanya, mempertingkatkan promosi Labuan di kalangan pelabur-pelabur dunia. Sejak ditubuhkan LOFSA telah membuat roadshow bukan sahaja di Korea Selatan, Taiwan, Kanada, Eropah tetapi juga usaha-usaha kita di dalam negara. Buat masa ini terdapat lebih kurang 1,800 syarikat luar pesisir. Di antaranya 64 buah bank, 38 buah syarikat insurans serta 21 buah syarikat amanah. Bank-bank yang terdapat di Labuan ialah diantara yang terbesar di dunia. Ini adalah satu kejayaan yang besar di Labuan kerana mendapat keyakinan padu daripada bank-bank tersebut.

Jadi kalau Yang Berhormat nanti, insya-Allah, dapat pergi, dapat kita melihat bank-bank yang ada di Labuan. Oleh kerana Labuan adalah pusat kewangan luar pesisir yang memberi perkhidmatan kewangan kepada pelabur-pelabur di rantau Asia khususnya, maka kegawatan ekonomi serantau turut memberi kesan negatif kepada Labuan seperti yang dikatakan tadi oleh Dato' Ghazi tadi.

Penubuhan syarikat luar pesisir pada tahun 1998 umpamanya adalah cukup sederhana berbanding dengan pertumbuhan pesat dalam tahun 1997. Kegiatan perbankan adalah paling terjejas memandangkan jumlah pinjaman baru yang dikeluarkan adalah tidak banyak. Apa yang perlu dilakukan ialah memperkenalkan

kegiatan kewangan yang baru di Labuan seperti menggalakkan tabung pelaburan atau kegiatan dana bersama untuk mengambil kesempatan atas peluang pelaburan kita.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki telah pun menanyakan mengenai kawal selia dan telah pun saya nyatakan tadi. Yang Berhormat Puan Kamilia telah bertanya mengenai pinjaman. Jumlah terkini pinjaman berdasarkan perangkaan pada bulan Jun 1998 ialah sebanyak RM16,764.4 juta dan masalah sama ada bank-bank di Labuan adalah tidak solvent yang dikatakan tadi atau tidak mungkin tidak timbul, walau bagaimanapun pinjaman yang tidak berbayar, ia masih berada di tahap yang boleh ditangani. Nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) di Labuan adalah hanya 4% berbanding dengan 11% indeks kewangan tempatan.

Tambahan pula liabiliti bank-bank di Labuan dijamin keseluruhannya oleh bank induk mereka oleh kerana bank-bank induk mereka merupakan bank-bank yang terbesar di dunia dan saiz operasi bank-bank di Labuan adalah tidak besar berbanding dengan keseluruhan operasi di dunia, maka tidak mungkin terjadinya kegagalan bank di Labuan. Ini juga sebab adanya syarat kemasukan bank-bank untuk beroperasi di Labuan di mana ianya hanya dihadkan kepada bank-bank yang berada dalam kumpulan 200 terbesar di dunia.

Kita lihat bahawa kita cuba mengambil dan membantu bank luar pesisir menangani masalah krisis kewangan pada masa ini dan Puan Kamilia telah menanya apakah bantuan-bantuan yang akan diberi. Jadi beberapa langkah telah diambil oleh LOFSA untuk membantu bank-bank luar pesisir menangani masalah krisis kewangan. Pertamanya, bagi bank-bank luar pesisir yang merupakan anak syarikat bank-bank di Malaysia, LOFSA, pihak pengurusan Danaharta Sendirian Berhad, AMC sedang dalam perbincangan supaya aset-aset tidak berbayar atau NPL bank-bank tersebut dapat diambil alih oleh AMC.

Ini akan meringankan bank-bank berkenaan berhubung aset-aset tidak berbayar dan seterusnya membolehkan bank-bank ini memberi pinjaman baru. Di samping itu, pihak LOFSA sedia memberi kelonggaran kepada pihak bank-bank luar pesisir untuk mengatur semula aset mereka. Ini termasuklah memindahkan setengah aset kepada ibu pejabat mereka dan mengurangkan risiko aset tersebut di Labuan.

LOFSA juga membenarkan peminjam-peminjam yang mempunyai pinjaman yang bermasalah menstrukturkan semula pinjaman tersebut dengan mengeluarkan nota atau bon dan sebagainya. Dengan ini instruments tersebut boleh dijual/dibeli oleh pelabur-pelabur yang lain dan mengurangkan beban bank-bank luar pesisir di Labuan. Saya teringat juga pada suatu ketika dahulu dalam soal jawab, Yang Berhormat Dato' Ghazi telah bertanya boleh atau tidak kita membuat satu universiti atau fakulti di Labuan. Jadi cadangan untuk menubuhkan sebuah universiti atau fakulti dalam bentuk cawangan universiti ataupun satu kampus tersendiri adalah munasabah dan sekarang dirancang. Tuan Yang di Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 9 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG INDUSTRI PELANCONGAN (PINDAAN) 1998

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

8.00 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Mohd. Noh bin Rajab]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon

mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama Industri Pelancongan (Pindaan) 1998 dibaca bagi kali kedua.

Tuan Yang di-Pertua, industri pelancongan di Malaysia adalah merupakan salah satu sektor ekonomi terpenting yang telah menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi negara. Pada tahun 1996 industri ini menjadi sektor kedua terbesar selepas sektor perkilangan dalam sumbangannya kepada pendapatan tukaran wang asing negara sebanyak RM11.3 bilion. Pada tahun 1997 ianya menduduki tempat ketiga selepas sektor perkilangan dan kelapa sawit dengan pendapatan sebanyak RM10.5 bilion.

Kepentingan industri ini juga boleh dilihat dari segi penyediaan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat negara ini di mana pada tahun 1997 seramai 102,833 pekerja adalah terlibat dalam berbagai-bagai sektor pekerjaan seperti penginapan, agensi pelancongan, agensi pengembaraan, pengangkutan, pusat tarikan pelancong, institusi latihan pelancongan dan sebagainya. Berdasarkan kepada pentingnya peranan dan sumbangan industri pelancongan terhadap pembangunan sosio-ekonomi negara, maka peraturan-peraturan yang mengawal industri ini hendaklah pada setiap masa relevant supaya kawalan sama ada ke atas syarikat-syarikat pengusahaan pelancongan, sekolah latihan pelancongan dan pemandu pelancong dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan. Kawalan tersebut penting supaya pertumbuhan dan perkembangan industri pelancongan sentiasa dalam suasana yang sihat dan menggalakkan.

Pada masa ini, industri pelancongan di negara ini adalah dikawal oleh Akta Industri Pelancongan 1992 serta peraturan-peraturan industri pelancongan di bawahnya. Tuan Yang di-Pertua, Akta Industri Pelancongan 1992 adalah merupakan Akta Ibu yang bertujuan untuk mengawal selia industri pelancongan secara keseluruhannya melalui kuasa-kuasa pelesenan dan penguatkuasaan. Sementara itu pula peraturan-peraturan industri pelancongan yang dibuat di bawah Akta adalah merupakan peraturan-peraturan tambahan yang menetapkan prosedur-prosedur serta

syarat-syarat perlesenan secara spesifik sama ada bagi bidang perniagaan pengendalian pelancongan, agensi pengembaraan, pemandu pelancong atau institusi latihan pelancongan.

Sejak Akta Industri Pelancongan digubal pada tahun 1992 kementerian mendapati ianya mengandungi beberapa kekurangan yang sekiranya tidak diperbetulkan akan menjejaskan industri pelancongan di negara ini. Di antara kekurangan tersebut adalah seperti berikut:

Tidak ada peruntukan yang mensyaratkan syarikat pelancongan membayar pampasan atau ganti rugi kepada pelancong yang menghadapi masalah semasa mengikut pakej lawatan ke luar negara, seperti terkandas di lapangan terbang dalam negeri atau luar negeri atau tidak mematuhi itinerary seperti yang dijanjikan. Sekiranya publisiti mengenai perkara-perkara seperti ini diperbesar-besarkan dalam media massa akan menjejaskan imej negara ini. Peraturan sekarang yang memerlukan pemandu pelancong membaharui lesen setiap tahun menimbulkan kesulitan kepada pemandu pelancong berkenaan seperti pembaziran masa, tenaga dan kewangan. Begitu juga kepada kementerian yang mengendalikannya. Tiada peruntukan tertentu mengenai kuasa mengeluarkan permit mengajar kepada pensyarah atau pengajar institusi latihan pelancongan oleh Suruhanjaya Pelancongan.

Bagi memastikan supaya industri pelancongan ini sentiasa dalam suasana yang sihat, menggalakkan dan tumbuh secara berterusank, usaha-usaha untuk memantapkan lagi Akta Industri Pelancongan 1992 ini perlulah dilakukan dari masa ke semasa. Sehubungan dengan ini beberapa peruntukan dalam Akta Industri Pelancongan 1992 ini perlu dipinda bagi tujuan memperkemas serta mempertingkatkan keberkesanannya dari segi perlesenan dan pengawalseliaan. Bagi mencapai tujuan tersebut maka empat seksyen berikut dalam Akta Industri Pelancongan 1992 adalah dipinda. Seksyen-seksyen itu ialah seksyen 16, seksyen 25, seksyen 34(2) dan seksyen 40(1).

Tuan Yang di-Pertua, pindaan seksyen 16 memerlukan pengusaha pelancong yang mengendalikan pakej pelancongan ke luar negeri untuk membeli polisi insuran atau meletakkan bon dan deposit dengan Pesuruhjaya Pelancongan. Ini adalah perlu bagi menjaga kepentingan pelancong-pelancong yang terkandas di luar negara, akibat kecuaiannya syarikat pelancongan berkenaan menguruskan pakej pelancongan ke luar negeri.

Pindaan seksyen 34(2) adalah untuk membolehkan menteri memberi peraturan-peraturan yang berkaitan dengan pembelian polisi insuran atau mengadakan bayaran deposit oleh syarikat pelancongan yang menguruskan pakej pelancongan tersebut. Dengan adanya syarat mengenai pembelian polisi insuran atau bayaran deposit ini maka syarikat pelancongan berkenaan boleh membayar pampasan kepada pelancong-pelancong yang terkandas itu.

Pindaan ini juga adalah untuk memastikan syarikat-syarikat yang menguruskan pakej haji/umrah adalah juga tertakluk kepada syarat-syarat pembelian polisi insuran atau bayaran deposit ini. Syarat-syarat ini adalah dikenakan bagi pakej pelancongan ke luar negeri sahaja. Bagi pakej dalam negeri kepentingan pengguna telah pun dilindungi oleh Akta Perihal Dagangan 1972 yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini tiada peruntukan di dalam Akta yang mensyaratkan pensyarah atau pengajar di sesebuah institusi latihan pelancongan mempunyai permit mengajar terlebih dahulu sebelum mereka dilantik oleh institusi berkenaan. Oleh itu pindaan kepada seksyen 34(2)(f) adalah bagi memberi kuasa kepada Suruhanjaya Pelancongan untuk mengeluarkan permit kepada pensyarah atau pengajar berkenaan bagi tujuan mengawal kualiti dan standard sebelum mereka boleh dilantik oleh institusi latihan pelancongan berkenaan.

Pindaan kepada subseksyen 34(2)(i) pula adalah dibuat bagi membolehkan Suruhanjaya Pelancongan memberikan pengecualian kepada perusahaan

pelancongan berlesen atau pemandu pelancong daripada mematuhi apa-apa kehendak yang dikenakan oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah perenggan yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan ini adalah diharapkan pelancong-pelancong akan merasa lebih terjamin dan selesa semasa melancong ke luar negara dengan mengetahui bahawa mereka boleh dibayar pampasan sekiranya berlaku kecuaiian pihak syarikat pengendalian pelancongan berkenaan. Pada masa hadapan pengusaha-pengusaha pelancong akan lebih bertanggungjawab dalam menjaga kebajikan dan kepentingan pelancong-pelancong semasa di luar negara. Dan pengusaha-pengusaha pelancongan akan lebih berdisiplin dalam mengendalikan pakej pelancongan mereka dengan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Dengan adanya syarat pengeluaran permit mengajar kepada pensyarah institusi latihan pelancongan maka kementerian dapat mengawal mutu dan standard tenaga-tenaga pengajar di institusi-institutusi berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Industri Pelancongan 1992 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Puan Hajah Khadijah dulu.

8.09 mlm.

Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya memberi sedikit pandangan berhubung dengan Rang Undang-undang ini.

Pada hemat saya keperluan untuk mana-mana pengendali pelancongan berlesen, membeli insuran atau membayar deposit atau jaminan bank kepada Pesuruhjaya sebagai satu jaminan kepada para pelancong yang melawat atau

melancong ke luar negara adalah merupakan sebagai satu keputusan yang bijak daripada pihak kerajaan dalam mengatasi pelbagai masalah kepada pelancong terutamanya apakala mereka terkandas atas beberapa sebab yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, ketetapan ini adalah merupakan sebagai tindakan penyeragaman kepada semua pengendali pelancongan kerana pada masa ini satu keadaan yang tidak seragam berlaku di mana ada pengendali pelancongan yang membeli polisi insuran untuk para pelanggannya dan ada pula yang tidak berbuat demikian. Perihal ini mengakibatkan para pelanggan akan memilih pakej pelancongan yang lebih murah, walhal pakej ini tidak melibatkan tanggungan ke atas polisi insuran. Saya kira ini tidak adil kepada beberapa pengendali pelancongan, yang pada hemat saya telah menjalankan tanggungjawab dan mereka terpaksa menawarkan bayaran perkhidmatan yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh ke atas cadangan meminda akta ini, kerana ini adalah merupakan sebagai satu jaminan perlindungan kepada para pelancong dan dengan ini imej pemaaju pelancongan sendiri akan dapat ditingkatkan dengan keyakinan yang lebih tinggi daripada para pelanggan. Sekiranya boleh Pesuruhjaya hendaklah membekalkan satu garis panduan yang jelas berhubung dengan tanggungjawab ini kepada mana-mana pengusaha industri pelancongan, agar penguatkuasaan Rang Undang-undang ini nanti dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Dalam beberapa hal saya mengharapkan kawalan yang rapi apabila Rang Undang-undang ini dikuatkuasakan, kerana saya khuatir pengusaha pelancongan akan mengenakan caj tambahan yang berlebihan ke atas pakej pelancongan yang ditawarkan kepada bakal pelancong, dan mereka memberi alasan ke atas syarat-syarat baru ini. Deposit yang dikenakan nanti sebaik-baiknya tidak dicajkan kepada bakal pelancong tetapi hendaklah dibiayai oleh pengusaha pelancongan berkenaan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya berharap dalam keadaan kegawatan ekonomi sekarang ini, galakan kepada rakyat Malaysia untuk melancong ke luar

negara hendaklah dikendurkan sedikit, dan sebaliknya usaha-usaha yang giat hendaklah di teruskan, untuk menggalakkan lebih ramai lagi pelancong yang datang untuk melancong ke negara kita Malaysia. Dan Rang Undang-undang yang dibentangkan pada hari ini saya kira adalah merupakan sebagai satu ikhtiar awal untuk tindakan pada masa hadapan, terutamanya bila keadaan kegawatan ekonomi yang sedang kita hadapi menjadi reda, dengan ini saya turut menyokong Akta Industri Pelancongan (Pindaan) 1998. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman.

8.13 mlm.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih, kerana sungguhpun kita telah lewat, tetapi masih diberi peluang untuk saya menyokong Rang Undang-undang Industri Pelancongan (Pindaan) 1998, yang dibentangkan sebentar tadi.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri yang bertanggungjawab dari segi pelancongan ini Yang Berhormat Dato' Sabbaruddin Chik, Timbalannya dan Setiusaha Parlimennya yang berada bersama kita pada malam ini. Kerana telah pun berusaha sejak ditubuhkan Kementerian baru ini beberapa tahun dahulu, di mana Menterinya masih sama Yang Berhormat Dato' Sabbaruddin Chik, tidak puas dan jemu untuk berusaha untuk meningkatkan sektor pelancongan negara sehinggakan pada 1996 ianya merupakan sektor kedua terbesar, dari segi pertukaran wang asing, mendapatkan pertukaran wang asing. Tahun 1997 - RM11.5 bilion di tempat yang ketiga di belakang sedikit daripada sektor pembuatan dan juga kelapa sawit, kita ucapkan tahniah.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang perlu ialah bagi kita sentiasa mengemaskinikan secara proaktif, untuk meningkatkan sektor pelancongan ini sehinggakan ianya bertahan di tahap yang kedua, yang ketiga dan sekitar lingkungan itu bagi meningkatkan lagi pertukaran wang asing, untuk negara kita. Di mana pada ketika kita

berdepan dengan masalah ekonomi ini ianya merupakan salah satu pendekatan yang amat penting.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dibuat ini kita mengharapkan tidak membebankan pengguna-pengguna atau mereka yang terlibat dalam pelancongan, dan pada masa yang sama meningkatkan mutu pakej yang dibuat oleh mereka yang terlibat dari segi pelancongan, supaya mereka yang melancong ke negara kita ini sentiasa mengenang kembali untuk meningkatkan lagi dari segi berapa lama mereka dapat melancong di tempat kita dan berapa malam mereka bermastautin di negara kita dan pada masa yang sama berapa banyak perbelanjaan yang dibuat oleh setiap pelancong, bererti kita ingin meningkatkan kualiti pelancong-pelancong yang mengunjungi negara kita. Dan pada masa yang sama dengan wujudnya Kuala Lumpur International Airport di Sepang yang amat canggih, pada masa ini kita mengharapkan ianya menjadikan satu dengan izin, 'pull factor' kepada pelancong-pelancong kerana dengan wujudnya KLIA ini yang begitu canggih ianya mungkin dapat menjadikan satu hub untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat penerima pelancong-pelancong. Di sini mereka membuat itinerari-itinerari yang berbeza-beza.

Saya juga ingin menarik perhatian kerajaan supaya dengan wujudnya sistem ecotourism yang amat baik di negara kita ini, dengan wujudnya pantai yang panjang, bukan sahaja di Terengganu, Pahang, Kelantan, Sabah dan Sarawak, gunung-ganang, pulau-pulau yang amat indah, ianya amat istimewa bagi kita menjadikan Malaysia sebagai pusat pelancongan satu destinasi yang dapat mencerminkan budaya yang berbeza-beza, orang Melayu, orang China, orang India, orang Kadazan dan Murut. Setiap bangsa wujud di negara kita ini, sehinggakan ianya merupakan satu macrocosm Asia, tak payah kita pergi ke negara-negara lain.

Kita sampai ke Malaysia kekuatan kita ialah wujudnya berbagai-bagai kaum, kita dapat menikmati budaya setiap kaum, kita dapat menikmati cara masakan setiap kaum di negara ini dan ini tak dapat kita jumpa di tempat-tempat lain. Tetapi yang

lebih penting ialah supaya kualiti mereka yang menerima pelancong-pelancong ini dapat dipertingkatkan. Kita tak mahu pekerja-pekerja Malaysia yang terlibat dalam pelancongan, mereka yang menerima pelancong-pelancong mendiskriminasikan antara pelancong-pelancong asing dengan pelancong-pelancong tempatan. Perkara ini pernah berlaku di tempat-tempat lain, dan di sini pun pernah berlaku di mana mereka yang terlibat dalam sektor pelancongan, penerima-penerima pelancong misalnya memberikan lebih perkhidmatan yang istimewa terutama di restoran dan juga hotel-hotel besar, kepada mereka yang datang daripada luar, daripada Barat, daripada mana sahaja pun kerana mereka cuba membeza-bezakan kulit dan budaya pelancong-pelancong ini, dan kadangkala mengetepikan pelancong-pelancong tempatan.

Saya ingin menyeru kepada pihak kerajaan berwaspadalah kerana dalam kita menggalakkan pelancong-pelancong Malaysia supaya tidak melancong ke luar negara kita hendakkan mereka ini pergi ke Langkawi, pergi ke tempat-tempat istimewa seperti Tioman, Sabah dan Sarawak, kualiti perkhidmatan yang diberi hendaklah sama sahaja, tidak wujud diskriminasi antara pelancong-pelancong Barat, pelancong-pelancong luar negara, pelancong-pelancong asing dengan pelancong-pelancong tempatan. Saya yakin usaha kerajaan untuk meningkatkan pelancongan yang dibuat oleh anak tempatan, mereka di negara kita sendiri akan meningkat akibat perbezaan mata wang sekarang ini, perbezaan RM7 kita tengok kepada Pound Sterling atau RM4.20 pada suatu ketika dengan American Dollar.

Jadi saya yakin pelancong-pelancong tidak akan keluar negara seperti dahulu lebih menumpukan kepada destinasi pelancongan di negara kita ini. Saya juga mengharapkan kekuatan kita selain daripada mempunyai diversity dari segi budaya dan sebagainya dan juga ecotourism yang patut kita tingkatkan, meningkatkan lagi institusi-institusi pengajian dari segi pelancongan ini.

Saya tidak nampak lagi di mana universiti-universiti tempatan yang besar-besar seperti Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan mewujudkan fakulti perlancongan ataupun sekolah pelancongan, yang khusus kepada peringkat atas dari segi pengurusan. Sekarang kita tahu ramai pelajar kita pergi ke Australia, Hawaii, dan juga ke Switzerland, untuk menuntut pengurusan perhotelan misalnya, ataupun dari segi bidang pengurusan pelancongan.

Saya ingin kementerian ini bekerjasama dengan institusi-institusi pengajian tinggi mengambil fakulti-fakulti antarabangsa yang berada di tempat-tempat lain supaya kita bawa ke Malaysia dan kita jadikan Malaysia sebagai pusat penggerak industri pelancongan dengan kursus pengurusan yang baik, perkhidmatan perhotelan yang baik, dan juga yang penting ialah supaya kita dapat memperkenalkan chef -chef antarabangsa di negara kita ini.

Saya amat tertarik dengan program Chef Wan di dalam televisyen yang kita tengok baru-baru ini. Saya perhatikan dia mempunyai personaliti yang amat menarik sekali untuk menjadikannya sebagai ambassador kita ke negara-negara luar dalam bidang masak-masakan ini dan begitu creative sekali, dan kalau kita dapat ramai lagi personaliti seperti Chef Wan ini setanding dengan Kennedy dan kita tengok daripada Australia pun ada, daripada Amerika pun ada chef-chef antarabangsa, kita dapat tumpukan dari segi masakan negara kita ini yang berbilang kaum, masakan China Szechuan, masakan Melayu, masakan Kadazan, masakan orang Sarawak, semuanya ada perbezaan. Kita dapat mengadakan ciri-ciri yang dapat menguatkan lagi daya tarikan kepada pelancong-pelancong untuk datang ke Malaysia dan kita dapat menikmati segala bidang masakan, baik dari segi masakan main course, ataupun dari masakan-masakan manis-manisan. Dan juga buah-buahan, saya perhatikan buah-buahan kita ini patut di eksploitasi dari segi menarik pelancongan, musim buah sepatutnya kita umum ke seluruh dunia, bila musim durian, bila musim manggis, bila musim petai, dan sebagainya kerana ini memberi daya penarikan kepada pelancong-

pelancong, termasuklah dokong dan sebagainya. Dan buah-buah ini, Tuan Yang di Pertua, seperti sedia maklum, kalau kita pergi ke Harrod di England, kalau kita pergi ke Tokyo, di airport Tokyo saya tengok sebiji kelapa muda yang sudah kecut RM20.00, sudah 'kecut' maknanya teruk sangat keadaannya sudah lebam dan saya tidak tahulah bagaimana isinya. Kita pergi ke Harrod, saya tengok rambutan, dipakej dengan cantik, 4 biji £4.00 - RM28.00, manggis sudah dikupas, di Tokyo dibelah, ditunjukkan isi yang begitu gebu dan putih, £7.00, semuanya ini mereka dapat datang ke sini untuk menikmati. Saya naik kapal terbang, saya pernah cadangkan suatu ketika di Dewan yang lain untuk penerbangan MAS menggalakkan pisang emas, saya tidak pernah jumpa pisang emas dalam kapal terbang, di dalam kapal terbang saya tengok ada buah kiwi, buah apple ada, saya hendakkan perkhidmatan MAS mencerminkan buah-buah kita di waktu musim-musim tertentu dengan pisang emas, saya suruh satu ketika MAS mengambil pisang emas sebagai buah 'anak angkat' untuk kita jaja ke seluruh dunia, 'identify'kan, kita perkenalkan pisang emas sebagai buah yang dianakangkatkan oleh perkhidmatan MAS.

Tuan Yang di Pertua, semuanya ini merupakan creative, pengurusan yang creative, yang proaktif. Inilah yang kita perlu dari segi hendak menarik pelancong-pelancong ke negara kita. Kerana benda ini tidak dijumpa di tempat lain, kalau jumpa pun tidak apa, kita cuba galakkan seolah-olah semua buah-buahan ini datang dari tempat kita. Sekarang ini kita sedang bersaing dengan negara-negara jiran, kebanyakan buah tempatan yang dahulunya banyak di sini, sekarang didapati di Australia - Australia Utara, sekarang sudah ada buah durian dan durian kita lebih wangi sungguhpun tidak boleh masuk kapal terbang, kerana baunya teruk sikit. Mungkin kita memerlukan durian yang tiada bau, seperti durian dari Thailand, hendak bawa durian dalam kapal terbang, kalau orang yang tak tahan pening kepala, taruh pula minyak cap kapak lagi pening kepala. Perkara ini berlaku. Kita hendak supaya berhati-hatilah jangan kita begitu seronok untuk mencari buah-buahan yang exotic

kita terpaksa mengimbangkan selera masyarakat antarabangsa. Jadi, Tuan Yang di Pertua, kalau ini yang kita buat, pakej ini yang kita buat, pakej buah-buahan misalnya di Malaysia, kita dapat buat satu pakej untuk membawa orang-orang ke Malaysia, ada pula pakej.

Sungguhpun kita tahu hujan dan banjir merupakan bukan satu tarikan tetapi kita boleh olah, bila musim banjir, kita cari juga orang yang semacam mana sukakan air, orang di Timur Tengah, mereka tidak pernah tengok hujan, kita bawa mereka ke sini. Kebanyakan mereka dari Timur Tengah datang ke Bombay hendak tengok air hujan dari Kuwait, dari Dubai. Kenapa kita tidak menggalakkan orang-orang dari Timur Tengah datang ke Malaysia menyaksikan musim tengkujuh, hujan lebat, thunderstorm dan sebagainya. Ini merupakan satu pendekatan yang perlu buat, secara creative.

Tuan Yang di Pertua, saya amat terkilan sekali, dalam kita menggalakkan pelancong datang sewaktu kita hendak wujudkan Commonwealth Games, saya tengok dari segi pendekatan untuk hendak memasarkan itinerary untuk mengunjungi Commonwealth Games ini tidak dibuat secara total, secara pendekatan bersepadu. Dalam masa setahun dua ini, saya pernah pergi ke England saya tengok pejabat-pejabat Malaysian Airline tidak ada, mungkin mereka tidak diberitahu, disuruh, sehinggakan Menteri Pengangkutan sendiri terpaksa mengumumkan MAS secara sukarela akan menjalankan kerja untuk menggalakkan Sukan Komanwel sebagai destinasi pada sebulan dua ini untuk pelawat-pelawat datang ke sini. Ini kita kena buat dua tahun, kita kena pakejkan Commonwealth Games, ini dua tahun dulu, bukan bila kerajaan tegur baru hendak buat. Dan dalam masa dua tiga bulan menggelabah, fasal apa, fasal sewaktu itu tiada planning, perancangan yang bersepadu, siapa yang menjalankan tugas menarik mereka ke sini, MAS, badan-badan pelancongan kebangsaan, Tourist Development Corporation, (TDC), MATRADE, suruhanjaya-suruhanjaya kita di seluruh dunia, embassy-embassy, saya bimbang mereka tidak

menggunakan secara total, secara menyeluruh. Begitu juga bank-bank, Bank Bumiputra, Bank Negara dan bank-bank lain di seluruh dunia kita ada, cawangan-cawangan ini, kita gerakkan, kita pameran, saya tak nampak poster, setahun dahulu, poster-poster Sukan Komanwel, baru dua bulan kita dengar, Menteri Pengangkutan mengatakan tolong MAS galakkan mereka menyaksikan Commonwealth Games.

Kita sudah berbelanja beratus-ratus juta, tetapi pendekatan untuk menarik pelancong-pelancong masih lop sided, masih tidak bersepadu, tidak ada pendekatan yang teguh, yang total. Jadi kita mengharapkanlah kalau kita hendak buat sesuatu benda yang besar-besar seperti Commonwealth Games kita mesti fikirkan secara terperinci cara-cara hendak menarik pelancong-pelancong dan mereka ke negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, banyak yang boleh kita buat. Setakat ini kita ucapkan syabas kepada Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dan juga kakitangan kementerian yang telah pun meningkatkan dari segi pertukaran wang asing daripada tempat yang dahulunya enam, tujuh, lapan, apabila wujudnya kementerian ini, kita telah tengok sampai RM11.5 bilion. Ini amat membanggakan kita. Syabas kepada kementerian, mudah-mudahan dengan pindaan ini ia dapat mengetatkan lagi kedudukan tanpa membebankan pelancong-pelancong.

Saya juga amat tertarik hati dengan mereka yang hendak membuat pakej umrah kerana kita dengar cerita banyak sangat yang terkandas. Mereka hendak pergi short cut, hendak pergi mengikut Bangkok, mengikut Bombay dan sebagainya tiba-tiba terkandas, tidak sampai ke Mekah, tidak sampai hajat hendak membuat umrah dan kadang-kadang haji. Saya mintalah Kerajaan Negeri Kelantan misalnya janganlah galakkan penyokong-penyokong mereka untuk menggunakan pakej-pakej yang tidak teratur. Gunakanlah Tabung Haji, gunakanlah syarikat-syarikat yang mempunyai reputasi tinggi supaya mereka yang pergi melancong ke luar negara terutama sekali menunaikan fardu haji ataupun mengerjakan umrah dengan simpanan yang mereka buat untuk sekali seumur hidup dapat menunaikan fardu haji, tidak terkandas dan sebagainya. Jadi, semua ini dapat kita buat dengan baik. Kalau sekiranya ada satu skim

pampasan daripada akta ini, mudah-mudahan tidak ada pelancong-pelancong terkandas dan tidak mendapat habuan yang sewajarnya bagi memberikan keselesaan tanpa ragu-ragu mengambil bahagian dalam yang dibuat. Saya menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Ghazi.

8.32 mlm.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan banyak terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan pembentangan Rang Undang-undang Industri Pelancongan (Pindaan) 1998 yang telah begitu baik dan jelas disampaikan oleh tokoh penyampai kita dari Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan pada hari ini. Saya katakan begitu kerana kita masih ingat penyampaian dalam satu majlis taklimat khas untuk Ahli-ahli Dewan yang diadakan di satu tempat yang baik, yang canggih, memperlihatkan kebijaksanaan pihak kementerian untuk menempatkan tempat budaya, experimental theater, kalau tidak salah begitulah namanya. Pembentangan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pada malam itu juga jelas dan saya masih terbayang-bayang selain daripada perkataan dan penyampaian itu saya juga terbayang-bayang tentang pertunjukan seni yang begitu amat menarik dan menawan dan begitu terpesona dan terpicat, itu penting. Lebih-lebih lagi pada jam 8.32 malam saya bercakap ini, saya ingin mengenang kepada persembahan yang begitu menarik.

Cuma saya ingin turut bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian, persembahan yang begini baik, apakah fokus variety negara-negara yang kita pergi promosikan pelancongan ini? Berapakah banyak investment, pelaburan yang telah kita belanja dan apakah andaian kita mengenai fokus negara-negara yang kita beri tumpuan itu mendapat hasil pulangan dari segi kemasukan pelancongan itu di sini. Saya ingin mengetahui sama ada miss atau tidak target kita? Seperti mana saya

perhati persembahan itu, saya pun ada target juga, saya nampak ada persembahan yang menarik, ada yang agak kurang sedikit menarik dan sebagainya. Itu mukadimah.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Saya tidak berapa faham target Yang Berhormat Dato' Ghazi tadi. Adakah kepada penarinya ataupun target macam mana, tolong jelaskan. Ini tengah-tengah malam ini kita hendak penjelasan. *[Ketawa]*

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya 'target' apabila kita melihat sesuatu persembahan yang indah, ia sebenarnya memberi ilham kepada kita untuk menggunakan akal fikiran kita yang kreatif, sama Yang Berhormat Dato' bercakap tentang creative approach dalam usaha untuk menarik pelancong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut di sini, saya tertarik dengan banyak point yang disebut oleh Yang Berhormat rakan saya, Dato' Aziz. Banyak point yang saya catat dia juga sebut. Cuma saya hendak tambah, saya ingat balik kepada negara Arab. Some how saya terpicat dengan Pak Arab. Saya tertarik dengan contoh Pak Arab jarang tengok hujan. Saya pernah melihat Pak Arab dan orang Jepun begitu juga, mengenai hujan, saya pernah dikunjungi seorang Jepun di rumah saya, bila datang hujan dan ribut petir hebat, bila saya pergi ke belakang sekejap, kemudian saya balik ke tempat, saya tengok dia tidak ada. Secara kebetulan dia adalah perempuan (female), untuk mendapat gambaran yang jelas, *[Ketawa]* untuk memberi faham, untuk kreativiti, di rumah saya, bukan di tempat lain. Kemudian bila saya balik, saya tengok dia tidak ada. Ini sudah kacau. Bila ditanya pergi mana. Rupanya dia sudah bawa video camera, pergi ke luar porch kerana hendak tangkap gambar, hendak dapat rakaman hujan turun dengan ribut petir yang hebat. Saya kata eh!....

Seorang Ahli: Cakap Jepun.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Cakap Jepun. *[Ketawa]* Saya kata eh! Secara ringkasnya, saya mengajak dia masuk, saya kata begini, begini, begini. Tetapi saya hendak mengukuhkan, saya ingat ini point yang baik.

Selain daripada itu, mengenai Pak Arab, dalam tangan saya ini ada satu laporan Organisation of Islamic Countries (OIC). Laporan ini dibuat oleh Human Development Report oleh United Nation Development Programme (UNDP), dengan izin, yang telah memberi klasifikasi, 55 negara Arab ini telah memberi fokus kepada 26 negara yang ada kemajuannya (progress) tinggi, 18 yang progresnya sederhana (medium) dan 16 negara yang kemajuannya rendah. Pada saya, kalau kita memberi pengkhususan kepada 26 yang mempunyai lebih banyak duit, mereka akan datang dengan daya-daya penarik yang kita cakap mengenai kreatif tadi, akan datang membantu, menyelamatkan dan menaikkan lagi ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, berlandaskan aspek kreativiti, oleh kerana katalah ilham datang daripada Dewan itu tadi, saya teringat ada seorang menteri yang saya tahu Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sendiri kenal, selalu dia guna perkataan ringkasnya 'TSTT', dia senyum kerana dia tahu. Biasanya yang saya tahu dia kata 'TSTT' ini 'teringin sangat tetapi takut' dalam satu konteks yang tertentu. Berlandaskan itu, saya kata dalam dunia pelancongan ini kita boleh main TSTT ini juga. Saya rasa kita patut ada 'TSTE' ataupun kita sebut 'TEST'. Apakah itu? Saya ambil ini sebab Yang Berhormat sendiri teringat TSTT. Tidak salah kita ingat TEST. 'T' – 'Tourism', 'E' – 'Education' (pelajaran, pendidikan), 'S' – 'Shopping', datang hendak belanja termasuk beli barang, makanan dan sebagainya, dan 'T' – 'Telemedicine'.

Kalau kita kumpulkan ini jadikan projek bersepadu secara total, point Dato' Aziz menggunakan kreativiti, pakejnya ialah pakej TEST untuk Malaysia ataupun panggil 'TEST'kah atau panggillah apa pun bunyinya sedap. Pada saya kita rumuskan kekuatan kita dari segi pelancongan, dari segi pendidikan, kerana kita ingin menjadikan Malaysia sebagai pusat pendidikan. Kita mempunyai banyak pulau, Pulau Langkawi, Pulau Pangkor, Pulau Pinang, Pulau Tioman, Pulau Redang, pulau apa lagi. Kalau kita perhatikan enam-tujuh pulau ini sahaja, boleh jadi daya penarik untuk melancong dan daya penarik untuk menjalankan kursus-kursus, latihan-latihan,

management programme macam dibuat di Hawaii umpamanya untuk menarik korporat-korporat datang membuat kursus yang hebat yang dijalankan oleh Harvard University atau MIT umpamanya.

Saya bermodalkan ini pada satu kursus tiga bulan umpamanya di Hawaii. Dalam musim cuti dipanggil pensyarah MIT dan Harvard datang bercuti di Hawaii, menjalankan program, panggil orang di seluruh dunia pergi bercuti di Hawaii dan jalankan program. Ini maksud saya persepaduan yang patut kita buat.

Begitu juga tentang shopping, memang kita sudah promosikan shopping. Tetapi kalau kita promosikan sebagai satu pakej, ada perkara dia sudah tahu dia kena pergi shopping di Lot 10, Star Hill dan sebagainya, dia teringat terus, dia sudah program. Sebab dengan teknologi maklumat kita boleh beritahu ini dengan live tunjuk bagaimana hebatnya tempat-tempat kita.

Begitu juga dengan Telemedicine. Saya sebut Telemedicine kerana hendak memanfaatkan balik kepada aplikasi perdana kita dalam MSC. Telemedicine ialah untuk memanfaatkan rakyat kita. Tetapi kalau sekiranya telah kita memanfaatkan rakyat kita dengan bentuk Telemedicine, dengan mendapat dari jauh, dari Amerika Syarikat, mungkin pesakit-pesakit dari luar negara boleh diberi tarikan untuk datang ke Malaysia dan mendapat manfaat mengenai Telemedicine sekali dengan tourism.

Inilah saya rasa hendak berkongsi pendapat dengan pihak kementerian kalau sekiranya program bersepadu yang saya panggil TEST hampir sama dengan Teringin Sangat Tetapi Takut ini (TSTT) - yang sebenarnya saya kenal Yang Berhormat Menteri yang sebut, saya percaya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen juga kenal, akan boleh dimanfaatkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itu sahaja yang saya hendak sebut. Soalan-soalan yang saya ingin tanya, saya sudah tanya awal tadi, saya buat catatan di akhir dan saya menyokong benar pindaan-pindaan yang telah dibuat, lebih-lebih lagi bila kita hendak protect kepada pelancong-pelancong yang ke luar negeri. Walaupun penekanan saya ialah untuk menarik pelancong datang ke negara kita, inilah peluangnya kerana kita mempunyai kekuatan – prestasi sudah baik, cuma kita kata kalau kita kongsi pendapat dan manfaatkan lagi kita boleh menjadi the top owner, dengan izin, dalam kegawatan ekonomi begini. Cuma soalan tambahan saya hendak tanya dalam proses-proses promosi ini, saya telah dibisik oleh beberapa Ahli Dewan oleh kerana mereka begitu tertarik dengan program-program promosi yang amat berkesan seperti mana yang dipentaskan pada malam itu, dia tanya apakah tidak diberi peluang kepada Ahli-ahli Dewan untuk turut menolong mempromosikan Malaysia.

Saya menyokong rang undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Hajah Habshah.

8.46 mlm.

Puan Hajah Habshah binti Haji Osman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang mengambil bahagian menyokong suatu akta untuk meminda Akta Industri Pelancongan (Pindaan) 1998.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu perkara sahaja di dalam perbahasan ini iaitu perkara pindaan kepada seksyen 16 dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut iaitu:

“Bagi semua pakej pelancongan ke luar negeri, pengendali pelancongan berlesen hendaklah:

- (a) membeli polisi insurans; atau*
- (b) menyebabkan bayaran deposit dalam bentuk wang tunai atau jaminan bank dibuat kepada Pesuruhjaya”.*

Pertama, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh pindaan ini memandangkan wujudnya syarikat-syarikat 'fly-by-night' dengan izin, dan bagi melindungi penumpang-penumpang andainya mereka terkandas dan seterusnya menyusahkan banyak pihak.

Yang kedua, saya ingin tahu daripada pihak kementerian berapakah nilai wang tunai atau jaminan wang yang dikenakan kepada sesebuah syarikat itu. Jika jumlahnya terlalu tinggi saya bimbang ini akan menyekat usahawan-usahawan baru yang ingin memulakan perniagaannya di bidang ini. Saya mencadangkan supaya difikirkan satu mekanisme yang mana satu harga yang berpatutan dan munasabah ditetapkan. Saya bangkitkan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana pada masa ini syarikat konsortium haji telah pun dikenakan jaminan bank bernilai 10% tiap-tiap jemaah mengikut harga pakej oleh pihak Tabung Haji. Ini sudah tentu cukup membebankan syarikat-syarikat khususnya syarikat-syarikat bumiputera memandangkan wang jaminan bank itu hanya boleh diperolehi semula selepas 4 hingga 6 bulan. Saya dimaklumkan juga ada syarikat yang telah membayar wang jaminan bank itu bernilai sehingga RM250,000. Bayangkanlah betapa ruginya syarikat ini kalau dibandingkan jika ianya disimpan di simpanan tetap.

Perkara ketiga, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian iaitu dengan akta ini bagaimanakah kedudukan syarikat konsortium haji yang telah pun mengeluarkan jaminan bank kepada Tabung Haji ini. Adakah konsortium ini akan dikenakan bayaran yang kedua kali kepada Pesuruhjaya dan bagaimanakah mekanisme implementasinya.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, pada pendapat saya memanglah sesuatu undang-undang itu baik tetapi apabila diimplementkan ternyata merugikan. Bayangkanlah jumlah yang begitu besar yang sepatutnya boleh digunakan untuk memajukan syarikat diperap selama 4 hingga 6 bulan dan sebaliknya telah membebankan syarikat-syarikat ini.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, pandangan saya mengenai sokongan kepada akta ini tetapi sebelum saya mengundur diri saya memohon izin untuk menyampaikan sepatah dua kata yang tidak ada kaitan dengan akta ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Berkenaan dengan apa itu?

Puan Hajah Habshah binti Haji Osman: Berkenaan dengan persaraan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Oh, baiklah.

Puan Hajah Habshah binti Haji Osman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebagai Ahli Dewan Negara yang akan tamat perkhidmatan dan akan bersara bermula daripada 1 September 1998 yang akan datang, maka hari ini adalah merupakan hari terakhir bagi saya berucap di Dewan yang mulia ini.

Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia dan Yang Berhormat Dato' Seri Rafidah Aziz, bekas Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia merangkap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia, yang telah memberi kepercayaan dan mencalonkan saya sebagai Ahli Dewan Negara 6 tahun yang lalu. Kepada mereka berdua saya rakamkan:

Pulau Pandan jauh ke tengah;

Gunung Daik bercabang tiga;

Hancur Badan dikandung tanah;

Budi yang baik dikenang juga.

Saya juga mengambil kesempatan di sini mendoakan supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan seluruh kepimpinan Kerajaan Barisan Nasional sentiasa berada di dalam rahmat Allah bagi menerajui kepimpinan negara yang kita cintai ini ke mercu kejayaan dengan aman dan sejahtera.

Kepada pegawai-pegawai kerajaan saya ingin menasihatkan supaya dapat bekerja dengan Bersih, Cekap dan Amanah dalam erti kata yang sebenarnya dan seterusnya dapat membersihkan imej yang negatif seperti yang selalu disuarakan oleh banyak pihak. Baru-baru ini telah pun disebut oleh Yang Berhormat Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, Menteri Pembangunan Luar Bandar, semalam telah disebut oleh Yang Berhormat Senator Dato' Ghazi dan pada petang tadi juga telah ditegur oleh Yang Berhormat Datuk Sairin.

Pada akhbar *Utusan Malaysia* yang bertarikh 6 Ogos 1998 saya bacakan petikan ucapan Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah iaitu Dato' Shafie Yahya. Bunyinya begini:

“Pejawat awam mempunyai kuasa yang banyak mengeluarkan prosedur, ketetapan, lesen, permit dan sebagainya dan sebab itulah mereka perlu menaikkan prinsip kejujuran dan amanah yang tinggi. Salah satu cara mengurangkan amalan rasuah ialah dengan mengurangkan peraturan dalam sistem pentadbiran kerajaan di negara ini yang sebelum ini banyak memberikan peluang kepada pegawai kerajaan melakukan rasuah”.

Itu adalah sebahagian daripada petikan akhbar yang bertarikh 6 Ogos dari *Utusan Malaysia*. Jadi, saya minta pegawai-pegawai sekalian terimalah teguran saya ini dengan hati yang terbuka kerana nasihat saya ini adalah ikhlas demi untuk kebaikan kita semua, agama, bangsa dan negara.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan, Setiausaha bagi Parlimen Malaysia dan seluruh kakitangan Parlimen di semua peringkat yang sentiasa membantu dan memberi sokongan kepada saya selama 6 tahun ini. Kepada rakan-rakan semua Ahli Dewan Negara saya ucapkan “Selamat Berbakti” dan saya pohon maaf di atas segala kesilapan.

Akhir sekali, last but not least, dengan izin, kepada kedua-dua yang saya hormati Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob dan Timbalan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Michael Chen saya ucapkan 'Selamat Maju Jaya' dan terima kasih di atas segala sokongan. Insya-Allah bagi diri saya, saya akan sentiasa memberikan sokongan yang tidak berbelah bagi kepada kerajaan dan sedia menawarkan diri sekiranya diperlukan pada bila-bila masa. Sekian, Wabillahir taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

[Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Majid.

8.50 mlm.

Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang untuk saya turut serta untuk membahaskan satu akta untuk meminda Akta Industri Pelancongan 1998. Saya tidak mengambil masa yang banyak untuk bercakap kerana rakan-rakan tadi telah pun banyak mengeluarkan pendapat-pendapat dan pandangan.

Kita faham bahawa industri pelancongan adalah satu-satunya industri yang boleh mendatangkan kehasilan yang besar kepada negara kita dan juga kita dapat menukar mata wang asing daripada negara-negara lain bilamana ramai pelancong datang ke negara kita. Saya hendak menyentuh sedikit, apakah persediaan bagi pihak Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan samasa Sukan Komanwel yang akan diadakan dalam masa tidak sampai sebulan lagi? Kerana masa pada ketika itu ramai pelancong yang datang bukan sahaja untuk atlet atau pemain-pemain yang bersukan pada hari tersebut, tetapi yang datang untuk melihat sukan pada masa tersebut.

Saya rasa patut ataupun persediaan yang disediakan oleh kementerian untuk menarik pelancong-pelancong itu nanti. Manakala mereka balik ke negara mereka bercakap kepada kaum ataupun sahabat handai negara mereka menunjukkan Malaysia ini satu negara yang aman, satu negara yang bersih dan damai, satu negara yang terjamin dari segi keselamatan dan satu negara yang indah yang banyak boleh mendatangkan penarikan kepada mereka. Jadi tentulah ada persediaan-persediaan yang menarik yang berunsurkan kebudayaan negara kita sendiri. Jadi saya harap supaya kementerian tersebut boleh menyediakan pandangan-pandangan ataupun persediaan secara mana pun untuk menarik pelancong-pelancong tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sedikit berhubung dengan Fasal 4:

“Seksyen 25 Akta itu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “dua belas bulan” dengan perkataan “tidak melebihi tiga tahun”.

Jadi maksud apa itu daripada 12 bulan sebab tadi masa penerangan daripada Yang Berhormat, saya di luar, saya tidak tahu apakah maksud yang diletakkan kepada seksyen 25 tersebut iaitu daripada “dua belas bulan” dengan “perkataan tidak melebihi tiga tahun”, jadi harap dapat penjelasan?

Satu perkara lagi saya juga tertarik bahawa pelancongan ini akan menentukan tentang imbuhan ataupun insurans kepada pelancong-pelancong. Ini adalah memberikan jaminan kepada mereka manakala terkandas, masalah-masalah yang berlaku, kecederaan ataupun kemalangan dan sebagainya, jadi satu langkah yang boleh menarik pelancongan kepada negara kita. Kita faham industri pelancongan ini adalah sangat menarik dan juga seperti yang saya katakan tadi, boleh mendatangkan penghasilan yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi saya rasa berhubung dengan penjualan kraftangan patut juga kita galakkan. Jadi adakah kementerian menyediakan, menggalakkan ataupun mengaturkan keadaan-keadaan tersebut di mana-mana tempat lawatan, negeri-negeri dalam Malaysia ini termasuklah Melaka misalnya, termasuklah di Kelantan, negeri-negeri yang banyak membuatkan barang-barang kraftangan ini supaya dapat dibeli dan dapat dijadikan cenderahati kepada mereka dan dapat menarik minat mereka lagi dan kita dapat penghasilan yang baik. Manakala kita ada menyediakan banyak penjualan kraftangan, ini satu cara yang menarik kepada kita.

Saya juga tertarik hati pandangan daripada Yang Berhormat Dato' Aziz tadi, bahawa pada musim-musim yang tertentu, maknanya musim buah-buahan, musim durian, musim rambutan, musim manggis, bukan sahaja buah-buahan ini dipasarkan ke luar negara, dia dapat beli walaupun dengan harga yang mahal tetapi pada musim-musim ini serupa kita kalau pergi ke negara-negara jiran, kita lihat dalam

perjalanan kita, jualan-jualan buah-buahan ini kita lihat sangat menarik. Mereka sangat tertarik dan bukan itu sahaja kadangkalanya benda-benda yang patut kita tunjukkan, misalnya bukan sahaja pada musim-musim hujan yang boleh menarik kepada pelancongan tetapi kita boleh juga menyediakan tempat-tempat misalnya monyet memetik buah kelapa ataupun penghasilan usaha kampung membuat gula melaka dan sebagainya. Itu juga boleh menarik minat pelancong-pelancong kita.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya sudah kata saya tidak bercakap banyak kerana kita hendak menjimatkan masa, ada lagi satu bill yang kita hendak bincangkan. Dengan ini saya menyokong penuh rang undang-undang tersebut. Terima kasih.

Tuan Yim Chee Chong: *[Bangun]*

Tuan Tee Thiong Hock: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada dua lagi?

Tuan Yim Chee Chong: Bagi Yang Berhormat Tuan Tee dululah.

8.55 mlm.

Tuan Tee Thiong Hock: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Tuan Yim kerana beri saya peluang untuk membahas rang undang-undang ini, suatu akta untuk meminda Akta Industri Pelancongan 1992.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberitahu kepada Dewan yang mulia ini, saya sokong penuhlah pindaan rang undang-undang ini. Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada kementerian berkenaan, kerana bukan sahaja kementerian yang berkenaan telah mendapat banyak keuntungan untuk negara kita melalui pelancongan juga dengan pindaan akta ini akan menjamin perkembangan industri pelancongan menjadi lebih teratur. Ini adalah satu langkah yang munasabah dan mustahak juga kerana kita telah selalu baca di surat khabar juga melalui kes-kes yang dibawa ke Micheal Chong, seorang yang berkhidmat di Ibu Pejabat MCA. Selalunya ada kompelin daripada pelancong-pelancong yang pergi ke luar negeri tetapi

terkandas kerana 'tour operator' tidak dapat menunaikan apa yang patut mereka lakukan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun akta ini ada berkenaan dengan pakej pelancongan ke luar negeri sahaja, saya berpendapat bahawa sampai satu masa akta ini patut diperluaskan atau dikaji untuk memasuki pakej pelancongan ke destinasi tempatan juga. Nampaknya kos tidak begitu mahal untuk pemberian polisi insurans deposit ataupun jaminan bank. Tetapi yang mustahak saya agak adalah mekanisme untuk membayar pampasan dan melindungi pelancong-pelancong yang terkandas di luar negeri kerana semua pertolongan atau bantuan akan menjadi lebih bermakna kalau dapat dibahagikan serta merta pada masa mereka terkandas di luar negeri. Maknanya ialah nilai bantuan itu akan jadi berkurangan kalau mereka sudah balik ke negara kita kerana bila pelancong terkandas, 'guests stuck oversea', dengan izin, 'that is the time where they need the help most, helps become less meaningful when they come back to the country', jadi maknanya kita patut cari satu mekanisme macam mana semua bantuan dapat disampaikan kepada mereka pada waktu mereka terkandas di luar negeri. Ini adalah satu cabaran kepada kementerian kerana insurans polisi, jaminan bank dan juga deposit, tidak dapat kita jadikan bayaran pampasan kepada pelancong yang terkandas di luar negeri serta merta atau dalam masa yang sangat pendek itu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan Akta ini kita dapat jaminan bahawa tidak ada lagi pengendali pelancongan yang dikatakan sebagai fly-by-night operator.

Mereka tidak dapat lagi melepaskan diri dan tanggungjawab mereka dengan senang seperti yang mereka buat sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Akta ini untuk memberikan permit kepada pensyarah dan pengajar di dalam institusi pelancongan juga akan menjamin mutu 'tour guide' melaluinya kementerian dapat menjamin mutu pensyarah dan pengajar, dan murid-murid lepasan dari institusi ini dapat pelajaran dari orang yang lebih berstandard tentulah standard murid jadi lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah menyatakan kementerian bila sampai satu masa patut membuat satu kajian untuk memasukkan destinasi-destinasi pelancongan tempatan dalam akta subseksyen baru 16(3) dan 16(4) kerana ramai pelancong yang pergi ke destinasi tempatan seperti Pulau Pangkor, Pulau Langkawi dan Pulau Redang dan lain-lain dan kos kalau dibandingkan dengan destinasi luar negeri (overseas) tidak semestinya lebih murah. Kalau sekarang kita beli satu tour package ke Hong Kong atau Korea, tiga malam empat hari hanya RM1,200 tetapi kalau kita pergi ke Pulau Langkawi, Pulau Redang, kalau lima hari empat malam pun lebih kurang RM1,000 sahaja. Kalau pembayaran RM1,500 itu pergi Hong Kong patut ada satu jaminan, saya rasa isu jaminan satu tour ke destinasi tempatan seperti yang saya katakan tadi itu patut kita kaji

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya ingin bertanya di sini polisi insurans yang dikatakan dalam Akta ini, adakah polisi insurans ini mengandungi juga polisi kesihatan (health assurance) kerana health assurance ini begitu mustahak kepada seorang pelancong Malaysia ke luar negeri kerana kos pembayaran perubatan dan doktor atau hospital begitu besar.

Dengan kata-kata ini saya mohon menyokong Akta ini kerana Akta ini adalah satu akta yang begitu baik dan positif akan dapat menjamin industri pelancongan di negara kita terus berkembang dengan cara yang baik. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong

9.05 mlm.

Tuan Yim Chee Chong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kementerian kerana Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen mengemukakan Rang Undang-undang Industri Pelancongan (Pindaan) 1998 untuk meminda Akta Industri Pelancongan 1992. Melalui pindaan ini kerajaan kita menjamin dan melindungi pelancong kita ke luar negeri iaitu mewajibkan pihak syarikat pelancongan membeli insurans ataupun membayar deposit dalam bentuk wang tunai atau jaminan bank dibuat kepada Pesuruhjaya.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan polisi insurans saya ingin mengatakan sebagai seorang peguambela dan peguamcara di Mahkamah Tinggi kita mengetahui ada insurans company yang tidak begitu jujur untuk menjalankan perniagaan mereka. Pada hari ini di dalam negara kita mempunyai sebanyak 60 insurans company yang menjalankan perniagaan di negara kita di mana 53 syarikat adalah syarikat tempatan dan 7 buah adalah dari negara asing.

Saya mencadangkan kepada kementerian kalau boleh kita rekomen syarikat insurans yang reliable, yang boleh dipercayai, minta mereka satu list seperti Bar Council, beli insurans dari kompeni-kompeni ini, Bar Council ada menetapkan semua lawyer hendak membeli insurans daripada syarikat itu. Oleh kerana ada insurans kompeni yang tidak jujur, bila beli insurans dia janjikan apa sahaja, apa pun boleh tetapi apabila melakukan sesuatu hal, dikemukakan tuntutan apa pun tidak boleh, tidak mahu bayar. Oleh itu bolehkah kementerian syorkan apa insurans kompeni yang baik dan reliable kepada syarikat pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, tentang pampasan kepada pelancong terkandas. Ini adalah satu cadangan yang baik kepada pelancong-pelancong kita ke luar negeri. Saya ada dua pengalaman sama ada boleh minta pampasan atau tidak. Saya ingin memberitahu kepada Dato' Setiausaha Parlimen pengalaman pertama saya pada tiga tahun yang lalu. Saya ingin melancong ke negeri China, bila sampai ke Subang

Airport, kami sudah tunggu di situ lima jam kemudian mereka beritahu kapal terbang ada di situ tetapi tidak ada pilot. Jadi, mereka menghantar kami pulang ke hotel, delay 24 hours, kalau keadaan seperti itu bolehkah atau tidak saya minta pampasan.

Kedua, tahun lalu ketika saya ingin melawat negeri China juga, kami sampai di airport dan menunggu lapan jam di Airport Subang, tahun lalu, KLIA baru sahaja dirasmikan pada 27 Jun tahun ini. Kami sudah lama menunggu kemudian diberitahu oleh syarikat pelancongan bahawa kapal terbang itu telah rosak, hendak tunggu spare-part dari USA, spare-part ini bukan buatan Malaysia, buatan Amerika Syarikat. Masa itu, tahun lalu Senator Amerika Syarikat minta Perdana Menteri kita letak jawatan, dia kata spare-part ini dari USA. Kita pun bimbang spare-part itu boleh dipercayai atau tidak tetapi tunggu hingga 10 jam spare-part pun tidak sampai. Jadi terpaksa juga syarikat pelancongan menghantar kami balik ke hotel pula, tunggu 24 hours. Mereka kata esok kita akan menaiki kapal terbang itu juga, syarikat MAS, kami tunggu malam itu, kami ada perundingan dengan syarikat, dia kata naik kapal terbang itu juga tetapi kawan-kawan saya mengatakan tidak mahu menaiki kapal terbang itu, kalau kita naik kita terbang di angkasa biru mungkin kita takut apa kemalangan udara, kita tidak mahu, kalau tidak kita semua akan keluar dan tidak mahu pergi China. Jadi, mereka mengatakan kalau tidak pergi wang tidak boleh dipulangkan.

Jadi saya katakan kita boleh sue syarikat pelancongan ini kalau tidak dipulangkan semua wang itu. Kemudian pada keesokan harinya kita dapat tukar kapal terbang. Semua pelancong naik kapal terbang itu. *24 hours delay*. Bolehkah atau tidak saya ataupun kawan-kawan saya minta pampasan daripada syarikat itu. Apakah 'guide line' dan garisan.....

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi undang-undang ini baru hendak dikuatkuasakan. Pindaan ini baru hendak dikuatkuasakan. Dulu tidak ada lagi undang-undang ini.

Tuan Yim Chee Chong: Dulu tidak ada, sekarang ada.

Tuan Yang di-Pertua: Habis macam mana hendak minta pampasan?

Tuan Yim Chee Chong: Kalau keadaan macam ini berlaku pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua: Akan datang.

Tuan Yim Chee Chong: Akan datang. Bolehkah atau tidak minta pampasan? Ini pun selalu berlaku, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Ada juga syarikat yang tidak jujur. Dua tahun yang lalu juga saya kata, “Saya hendak pergi ke Perth, Australia”. Syarikat di Kuala Lumpur kata, “Tidak apa sekarang tidak ada vacancy, you bayar RM200 deposit, kalau ada you boleh pergi, kalau tidak ada, kita pulangkan deposit ini”. Tetapi dia kata, “Tidak ada”. Bila minta pulangkan deposit, dua kali saya pergi ke officenya, dia kata,. “Isteri tauke tidak ada sini, lain kali you ambil”. Dua, tiga kali isteri tauke tidak ada dalam office. Tidak ada cek di tangan. Ini tipu atau tidak? Lawyer punya wang pun ambil macam itu, kalau lain punya wang, rakyat biasa lagi dia berani ambil wang daripadanya.

Jadi apa tindakan yang diambil oleh kementerian kalau membuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua: Lawyer itu tidak dakwa ke?

Tuan Yim Chee Chong: Tidak dakwa sebab RM200 sahaja Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Kalau kita hendak cari seorang lawyer pun kena bayar RM500, dapat balik RM200 pun tidak dapat bayar legal fees. Jadi tidak senanglah. Kalau senang cari lagilah. Kalau mahu complaint, siapa hendak complaint? Jadi saya cadangkan kepada kementerian supaya mewujudkan satu Biro Aduan Pelancong - menerima apa sahaja aduan daripada pelancong-pelancong kita dan mengambil tindakan yang sewajarnya atau memberi amaran kepada syarikat yang tidak bertanggungjawab itu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa tidak mengizinkan saya bercakap dengan panjang lebar, sebab banyak point yang penting juga Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Pada penutupnya saya ingin memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat tahun hadapan adalah tahun melawat Negeri Sembilan. Jadi bolehkah

kementerian cadangkan kepada syarikat pelancongan supaya membawa ramai pelancong dari luar negeri melawat Seremban dan Port Dickson, kalau boleh, oleh kerana pindaan rang undang-undang ini untuk melindungi pelancong-pelancong yang terkandas. Oleh itu, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ha! Ada lagi. Seorang lagi.

9.15 mlm

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga turut bangun untuk membahaskan Akta Industri Pelancongan 1998. Saya terpanggil untuk bangun sama apabila melihat Yang Berhormat Saudara Yim begitu bersemangat seolah-olah hari ini masih awal lagi, padahal kita sudah pukul 9.15 malam.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya seperti rakan-rakan yang lain juga, kita mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dan saya juga sependapat dengan rakan-rakan yang lain bahawa pelancongan adalah merupakan satu industri yang boleh membawa negara kita, boleh mendatangkan pendapatan yang lumayan kepada mereka yang terlibat dan juga satu industri baru yang diperkenalkan dalam negara kita yang harus diberi sokongan oleh semua pihak.

Sebagaimana yang disebutkan oleh rakan-rakan sebentar tadi, di negara kita, kita mempunyai beberapa kecanggihan yang boleh menarik pelancong untuk datang sama ada dari segi alam semulajadi, dari segi kepelbagaian kita sama ada budaya dan juga cara hidup, makanan kita dan juga kita boleh menjadikan Malaysia tempat membeli-belah yang begitu menarik sekali. Cuma saya agak kesal kerana walaupun di waktu awal kementerian diperkenalkan telah pun dapat menarik pelancong dalam jumlah yang begitu besar - 11.3 bilion orang pada tahun 1996 tetapi nampaknya pelancong-pelancong yang datang ke negara kita akhir-akhir ini agak berkurangan. Padahal kalau dilihat dari segi kurangnya ataupun turunnya, jatuhnya nilai ringgit wang

kita berbanding dengan US Dollar, peluang-peluang dan juga tarikan pelancong-pelancong untuk datang ke negara kita sepatutnya lebih meningkat lagi.

Saya percaya apa yang dilakukan oleh pihak-pihak media Barat telah dapat sedikit sebanyak menjejaskan industri pelancongan kita. Jadi kita berharap kepada pihak kerajaan supaya pihak kementerian akan lebih tangkas lagi untuk menangkis tohmahan-tohmahan yang dibuat oleh pihak-pihak media Barat. Kebelakangan ini kita dapati pelancong-pelancong daripada Timur Tengah nampaknya telah mula kelihatan. Saya tinggal di Dynasty Hotel, kita dapati mereka yang datang daripada Timur Tengah ini datang dengan keluarga dan juga mereka tinggal dalam masa yang agak lama. Dari segi meninggalkan kesan sosial kepada keadaan negara kita, saya fikir tidak timbul. Dan dengan sebab itu saya menyarankan supaya pihak kerajaan di samping kita menggalakkan pelancong-pelancong daripada negara Barat cubalah kita memberikan perhatian yang lebih kepada pelancong-pelancong dari Timur Tengah ini.

Cuma kita berharap supaya pemandu-pemandu pelancong yang disediakan untuk mereka ini haruslah diberikan usaha oleh pihak kerajaan untuk kita melibatkan mereka yang boleh memberikan perkhidmatan terutamanya untuk komunikasi mereka ini dengan pihak-pihak ataupun dengan rakyat di negara kita dapat dipertingkatkan dengan kita menggalakkan lebih ramai lagi mereka yang boleh memahami ataupun boleh menggunakan Bahasa Arab, Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu dan juga bahasa-bahasa lain untuk terlibat sama. Ini nampaknya agak berkurangan dan saya dapati pelancong-pelancong dari Timur Tengah ini kebanyakan mereka kurang boleh menggunakan bahasa Inggeris.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya sebutkan tadi kebelakangan ini kita melihat kehadiran pelancong-pelancong begitu berkurangan sekali. Saya agak bimbang terutamanya bagi kawasan yang berhampiran dengan saya, Pulau Langkawi. Kalau tidak silap saya banyak daripada hotel di Pulau Langkawi sekarang ini sedang menghadapi masalah,. sedangkan pihak kerajaan pada peringkat awal kita

menggalakkan pelancongan, telah banyak investment, dengan izin, yang telah dibuat oleh banyak pihak di Pulau Langkawi ini.

Kita berharap kepada pihak kerajaan supaya usaha-usaha yang telah kita jalankan dapat diteruskan dan Pulau Langkawi sebagai satu destinasi pelancongan ini dapat kita pertingkatkan kerana apabila kita ke Pulau Langkawi sekarang ini kita melihat begitu kurang kehadiran pelancong dan perniagaan-perniagaan yang ada di sana sekarang ini sedang menghadapi masalah. Masih banyak lagi kedai yang tidak dibuka, banyak kedai baru yang telah dibina tetapi tidak dapat beroperasi. Ini sedikit sebanyak menjejaskan usaha-usaha kita untuk meningkatkan industri pelancongan ini kerana apabila pelancong kita datang apabila melihat keadaan yang begitu dingin akan membayangkan bahawa usaha-usaha kita membangunkan industri pelancongan ini seolah-olah tidak mendatangkan kejayaan sepenuhnya, pada hal kita tahu pihak kementerian telah pun menjalankan usaha-usaha mereka dan kita berharap supaya usaha-usaha ini akan dapat dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiganya saya mencadangkan juga supaya kita mengadakan polis pelancong. Di negara kita, kita mempunyai polis dalam bidang-bidang yang lain tetapi kita tidak ada polis pelancong. Mungkin telah sampai masanya untuk kita melihat perkara ini walaupun tidak ada keganasan berlaku di negara kita, tetapi dengan mengadakan polis pelancong yang dapat bukan sahaja untuk menyelesaikan soal-soal yang berkaitan dengan jenayah tetapi mereka boleh membantu pelancong-pelancong kita dan pelancong-pelancong yang datang dari luar negara mempunyai keyakinan apabila keselamatan mereka, masalah mereka dapat dirujuk kepada satu-satu pihak yang mempunyai authoriti yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin mendapat penjelasan dari pihak kementerian, baru-baru ini saya pergi ke Pesta Flora yang telah pun diadakan di belakang Bangunan PERKIM dan saya merasa agak kesal kerana apabila saya pergi ke Pesta Flora yang kalau tidak silap saya telah pun dianjurkan oleh salah satu badan di

bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, pesta itu telah diadakan dengan menggunakan infrastruktur yang begitu besar dengan khemahnya terpaksa menyediakan khemah berair-cond dengan kawasan yang begitu luas, tetapi saya lihat aktiviti yang ada di dalamnya begitu sedikit sekali, tidak banyak aktiviti yang diadakan, tidak banyak peniaga yang terlibat, cuma yang ada pemain-pemain muzik dengan lagu-lagu rock yang begitu membingitkan pendengaran dan sungguhpun hadir ke situ diadakan cabutan bertuah, oleh kerana tidak ramai orang yang hadir dan tidak banyak aktiviti yang dijalankan, saya yang hadir pun dapat cabutan bertuah jua tetapi bukan itu sebenarnya, kita bukan hendak menang dalam cabutan bertuah itu.

Saya melihatkan dari segi kos yang digunakan untuk sesuatu program dan juga rancangan, kita hendak melihat return daripada kos yang digunakan. Saya kira Pesta Flora ini telah menggunakan kos yang begitu besar kerana menyediakan khemah yang siap dengan air-cond dan sebagainya tetapi tidak digunakan sepenuhnya. Kemungkinan ia menggunakan satu peruntukan yang dikhususnya ataupun peruntukan yang dicari oleh pihak-pihak tertentu, tetapi sayangnya pada pandangan saya tidak mendatangkan pulangan yang setimpal dengan usaha-usaha yang dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin mengucapkan selamat bersara kepada rakan-rakan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Habshah binti Osman, Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Wan Intan, Yang Berhormat Puan Rahaiah binti Baheran, ketiga-tiga ini adalah tokoh-tokoh Ahli Dewan Negara yang telah pun ada di Dewan ini selama enam tahun dan mereka merupakan orang-orang yang telah pun memberikan perkhidmatan bukan sahaja di dalam Dewan Negara ini tetapi telah memberikan perkhidmatan yang begitu besar kepada negara sama ada sebagai Ahli Dewan, sebagai ahli parti dan juga sebagai wanita yang telah menyumbang kepada pembangunan. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya bila tiga wanita keluar dari Dewan ini tinggallah beberapa orang sahaja lagi wanita di dalam Dewan ini. Dalam Dasar

Wanita Sedunia menentukan bahawa seluruh dunia wanita-wanita mengharapkan supaya 30% tempat-tempat membuat dasar, membuat keputusan dapat diberikan kepada wanita. Jadi, saya berharap melalui Dewan ini pemergian tiga orang kakak Ahli Senator ini akan dapat diganti dan kita berharap supaya tokoh-tokoh wanita yang lain dapat diberikan perhatian. Sekian dan saya juga turut menyokong Akta Industri Pelancongan (Pindan) 1998. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

9.25 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Mohd. Noh bin Rajab]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membahaskan permasalahan kita pada malam ini.

Saya akan berusaha untuk menyentuh beberapa perkara pokok yang telah dibangkitkan. Terlebih dahulu saya ingin menyatakan bahawa pindaan kepada akta ini bukanlah merupakan satu pindaan menghukum, tetapi ia merupakan pencegah iaitu deterrent supaya perkara-perkara yang tidak elok jangan terjadi.

Nampaknya ramai di antara Ahli-ahli Yang Berhormat telah mempersoalkan tentang insurans dan ada di antaranya mengatakan mungkin ia menjadi satu beban atau sebagainya. Walau bagaimanapun, kita memberi penghargaan kerana keseluruhan-nya tahu bahawa insurans dikenakan ialah untuk kepentingan pelancong-pelancong yang pergi ke luar dan untuk keselamatan mereka supaya tidak ada perkara-perkara yang tidak diinginkan berlaku kepada mereka, jauh lagi ditipu oleh syarikat-syarikat pelancong.

Yang Berhormat Puan Hajah Khatijah binti Awang bertanya sama ada dengan adanya insurans ini pakej-pakej pelancongan akan lebih menjadi mahal. Sebenarnya, insurans, bon atau wang jaminan ini dikenakan kepada syarikat-syarikat yang mempunyai lesen untuk membawa pelancong-pelancong ke luar negeri. Jika syarikat pelancongan itu tidak berhasrat untuk bergiat sedemikian, maka insurans ini tidak

dikenakan kepada mereka dan untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat juga, syarikat-syarikat ini sebelum mereka diberi lesen, diperlukan untuk mengadakan sejumlah modal yang banyak sampai ratusan ribu ringgit.

Oleh yang demikian, insurans atau bon atau wang deposit ini adalah syarat yang ditambah kepada syarikat-syarikat ini supaya syarikat-syarikat berada dalam keadaan yang kuat untuk melayan pelanggan-pelanggan mereka dengan baik. Kalau umpamanya mereka tidak mampu mengadakan syarat-syarat ini, maka kita nasihatkan mereka jangan mengendalikan perniagaan keluar. Boleh ditumpukan kepada perniagaan membawa masuk yang tidak dikenakan dengan syarat-syarat ini.

Jadi, kalau kita lihat trend kehendak orang ramai, mereka memerlukan jaminan supaya mereka tidak mengalami masalah-masalah dan sekali gus perkara-perkara yang berlaku sebelumnya, seperti apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong tadi yang mana ada di antara pelancong-pelancong kita yang terkandas di luar negeri, yang ditinggalkan oleh ejen-ejen pelancongan yang tidak dapat layanan, yang dijanjikan tinggal di sesuatu tempat yang selesa, telah menerima bayaran tetapi memberi mereka keadaan dan layanan yang jauh berbeza, yang menjanjikan makanan akan diberi percuma tetapi sudah sampai di sana tidak ada makanan yang disediakan dan pelbagai perkara lagi dan kita dari sini tidak dapat mengambil tindakan kerana perkara itu berlaku di luar negeri. Tetapi kalau mereka ada menyimpan wang dengan kementerian maka mereka akan berfikir beberapa kali untuk keluar dari perjanjian itu atau melanggar sebarang perjanjian dalam kontrak jualan pakej itu kerana kalau ada berlaku perkara-perkara yang melanggar perjanjian, maka kita boleh mendapat balik pampasan kerana kita ada menyimpan wang mereka. Jadi, dengan keseluruhannya industri pelancongan berjalan dengan baik dan pelancong-pelancong akan lebih selesa dan membawa kebaikan kepada ekonomi negara kita.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz telah menekankan tentang pendidikan dalam industri pelancongan. Sebenarnya kita di kementerian memang menekankan pihak-pihak institusi pengajian tinggi melaksanakan atau mengadakan pengajian-

pengajian yang melibatkan pelancongan. Oleh yang demikian dengan pindaan ini kita boleh tentukan apakah kelulusan-kelulusan yang diperlukan untuk menjadi tenaga pengajar di institusi pengajian tinggi ini. Memang sudah ada pengajian tinggi yang terlibat dengan pendidikan pelancongan, MARA sendiri dan di univerisiti-universiti tempatan, tetapi malangnya kita tidak ada satu akta atau pun tidak ada kuasa yang hendak menentukan bahawa mereka yang mengajar itu adalah berkelayakan. Umpamanya, sebagai contoh yang senang ialah tenaga pengajar untuk pemandu-pemandu pelancong sahaja.

Pemandu-pemandu pelancong mestilah lulus dalam beberapa segi dan perlu mengikut kursus untuk beberapa bulan. Tetapi apakah bentuk kursus, siapa yang akan mengajar itu yang hendak kita pastikan agar mereka benar-benar mendapat didikan yang sempurna dari tenaga-tenaga pengajar. Oleh yang demikian kita tentukan diberi kuasa kepada kementerian, diberi kuasa kepada pihak kementerian dan pelaksanaannya akan kita susuli nanti dengan menggunakan kebijaksanaan pihak pentadbiran kementerian.

Yang Berhormat Dato' Ghazi bertanyakan tentang pulangan atas pelaburan atau return on investment. Beliau bertanya sama ada pelaburan dalam mengadakan promosi-promosi luar negeri berpulangan atau tidak?

Untuk makluman kita bersama bahawa pendapatan dari pelancongan ialah lebih daripada RM10 bilion setiap tahun dalam masa tiga tahun kebelakangan ini dengan modal yang kita keluarkan hanya lebih kurang purata RM60 juta tiap-tiap tahun. Cuma tahun ini kita belanja lebih sedikit kerana kita mempromosikan Sukom juga.

Saya atau kementerian merasakan bahawa jumlah ini patut ditingkatkan lagi dan dipersetujui oleh MTEN supaya promosi kita terus kita adakan, kerana dengan penurunan mata wang kita kos untuk melakukan promosi di luar negeri adalah begitu tinggi dan saingan kita adalah hebat dari negara-negara jiran. Oleh yang demikian kita

mestilah menambahkan lagi peruntukan promosi kita. Namun kita rasai bahawa pelaburan kita itu membawa pulangan yang begitu baik sekali.

Beliau juga ada menyentuh tentang promosi bersepadu. Mempromosikan perkara-perkara yang boleh kita jadikan tarikan dan menyepadukannya supaya ianya menjadi satu pakej.

Tuan Yang di-Pertua, memang kita sedar bahawa negara kita ada mempunyai beberapa kelebihan dan daripada kelebihan (advantages) inilah kita gunakan untuk memikat hati pelancong-pelancong dari luar negara untuk datang ke sini. Meninggalkan tanah air mereka, kadang-kadang beribu-ribu batu. Tetapi untuk mengambil minat itu kita perlu memberi atau menawarkan satu perkara yang begitu baik, kalau misalnya kita katakan di belakang rumah kita ada air terjun datanglah, mandi air terjun di belakang rumah, sebagai contoh, atau makan buah rambutan, mereka tidak tinggalkan rumah mereka, 3,000 atau 4,000 batu kerana hendak tengok air terjun di rumah kita sahaja kerana dalam pengetahuan mereka melalui ejen-ejen pelancongan mereka ada ribuan air terjun di dunia ini yang lebih cantik daripada negara kita, airnya mungkin lebih jernih dan mereka boleh buat pilihan. Oleh yang demikian, kita perlu mempromosikan perkara-perkara yang ada advantage sahaja dan perkara ini mestilah kita bandingkan dengan competitors kita. Competitors kita tidak lain tidak bukan ialah jiran-jiran kita juga, kita menawarkan pakej yang murah mereka pun menawarkan pakej yang murah juga; kita menawarkan shopping mereka juga menawarkan shopping; kita menawarkan buan-buahan, mereka pun menawarkan buah-buahan juga; kadang-kadang, untuk pengetahuan Yang Berhormat Dato' Ghazi, kita tidak dapat menawarkan apa yang jiran kita tawarkan. Kita kalah dalam satu-satu perkara. Sebagai contoh kita tekankan tentang MICE, maknanya promosikan tentang MICE - Meetings Incentives Conferences and Exhibitions; salah satu tarikan kepada dunia korporat luar negara datang ke sini untuk mengadakan salah satu ini dan kita tahu ini menjadikan satu punca pendapatan yang baik. Mereka setuju bahawa Kuala

Lumpur ini adalah satu tempat yang baik tetapi, saya ambil contoh satu badan dunia yang memperbahagikan masa mereka dalam mengadakan mesyuarat luar negeri di rantau timur ini, mereka beri kepada Kuala Lumpur mesyuaratnya yang panjangnya selama lebih kurang tiga hari tetapi badan ini memilih Bangkok untuk satu mesyuarat yang makan masa tiga minggu untuk ahli-ahli mereka kerana mereka menyatakan tiga minggu di Bangkok lebih sesuai untuk ahli-ahli mereka daripada tiga minggu di Kuala Lumpur. Kuala Lumpur baik tetapi tiga hari cukup. Jadi kita kalah dari beberapa segi.

Oleh yang demikian kita pilih dua belas destinasi pelancongan, selepas itu kita petik apakah unsur-unsur yang baik di negara kita ini supaya dapat menarik hati mereka dan kadang-kadang perkara-perkara Yang Berhormat sarankan itu bukan tidak baik, baik, tetapi di manakah letaknya advantages itu tadi untuk membawa mereka. Membawa mereka datang ke sini untuk membuat pendidikan, memang ada yang datang untuk pendidikan tetapi bukan semua yang tertarik dengan pendidikan demikian, mereka lebih tertarik juga pergi belajar di tempat-tempat lain juga dan sebagainya. Jadi saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat faham tentang masalah-masalah kita dalam melaksanakan promosi di luar negara ini.

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Majid bertanyakan tentang Pesta Malaysia, apakah yang berlaku semasa Sukan Komanwel ini? Apakah kegiatan kementerian sempena Sukan Komanwel ini? Kita memainkan peranan untuk membuat promosi Sukan Komanwel ini. Semenjak tahun 1994 di Vancouver lagi dan kita memperuntukkan sejumlah belanjawan kita untuk mempromosikan Sukan Komanwel. Oleh yang demikian kita mengambil iktibar atau mengambil tahun 1998 ini sebagai tahun sukan dan rekreasi Malaysia dan kita promosikan di seluruh dunia. Kita anjurkan berbagai-bagai sukan yang bertaraf antarabangsa tetapi 'anchor eventnya' adalah Sukan Komanwel. Kita tidak terlibat dengan penjualan tiket, kita tidak terlibat dengan hotel dan sebagainya.

Apabila Sukan Komanwel ini berlansung nanti, kementerian menganjurkan Pesta Malaysia di Kuala Lumpur di mana berbagai-bagai kegiatan seni dan kebudayaan akan diadakan. Mungkin kalau Yang Berhormat membaca surat khabar esok, terdapat laporan tentang pesta ini kerana baharu sahaja pagi tadi Yang Berhormat Menteri mengumumkan dalam satu sidang akhbar. Di samping itu, kita akan adakan Karnival Komanwel yang mana kita menjemput banyak negeri Komanwel supaya menghantar kumpulan-kumpulan budayanya untuk mengambil bahagian di sepanjang Sukan Komanwel dan keseluruhan kegiatan ini akan berlaku di Dataran Merdeka. Ahli-ahli Yang Berhormat akan dapat mengikutinya nanti melalui media cetak atau media elektronik

Seksyen 25 dalam akta ini dipinda daripada 12 bulan kepada 36 bulan. Yang Berhormat, lesen pelancongan ini tidaklah payah diperbaharui tiap-tiap tahun, 3 tahun sekali cukuplah. Yang ada sekarang ini, lesen mereka untuk berniaga itu perlu diperbaharui tiap-tiap tahun. Jadi, ini membuang masa kadang-kadang membanyakkan kerja. Kalau 3 tahun sekali diperbaharui jadi kurang desk work.

Yang Berhormat Puan Habshah ragu tentang deposit atau pun bon akan memberatkan dan membazir kerana wang itu diberi kepada kementerian. Rang Undang-undang kita menekankan kepada keperluan tetapi kita menerima berbagai-bagai bentuk. Jadi kita bukan sahaja menerima wang, wang itu boleh disimpan di bank dan kalau kita dapat jaminan daripada bank yang bernilai seperti yang kita kehendaki, kita hanya dapat jaminan sahaja, itu sudah mencukupi. Wang itu masih lagi di tangan syarikat dan masih boleh dimasukkan di bank dan mendapat faedah, jadi tidak ada pembaziran di situ. Dia tidaklah memberatkan sangat.

Puan Hajah Habshah binti Haji Osman: Berkenaan dengan jumlah wang yang perlu ditetapkan oleh pihak kementerian kepada sesuatu syarikat, umpamanya kalau syarikat yang membawa jemaah haji, jumlah wang yang dikenakan adalah berasaskan kepada satu jemaah, untuk percentage pakej. Itu maksud saya, bukannya saya ragu tentang jumlahnya. Saya ingin tahu berapa jumlah yang sepatutnya ditetapkan kepada syarikat itu.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Terima kasih. Kita akan mengenakan bon ini kepada syarikat-syarikat yang mengendalikan jemaah kerana kita tidak mahu jemaah

haji atau umrah menghadapi masalah-masalah, oleh yang demikian kita perlukan satu syarikat yang berkeupayaan. Walau bagaimanapun, cara pendekatan untuk melaksanakan dan menguatkuasakan undang-undang ini akan terpulang kepada budi bicara kementerian. Kita pun faham tentang kesusahan-kesusahan mereka dan kepentingan-kepentingan keseluruhannya. Oleh yang demikian kita, tidak menerangkan secara spesifik pendekatannya itu, cuma keperluan sahaja daripada segi rang undang-undang. Pendekatannya adalah terpulang kepada kebijaksanaan kementerian sambil mengambil kira tentang pandangan-pandangan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian.

Yang Berhormat Tuan Tee Thiong Hock menyatakan sama ada pakej dalam negeri akan diambil kira. Saya semasa membentangkan tadi telah menyebut bahawa pakej dalam negeri adalah tertakluk di bawah Akta Perihal Dagangan 1972. Jadi perkara-perkara yang terlibat di bawah Akta ini akan di ambil tindakan di bawah Akta ini. Kita mengambil tindakan atas pakej ke luar negara sahaja.

Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong bertanya syarikat-syarikat insuran yang akan kita terima nanti. Yang ini pun kita akan kaji dan kita akan senaraikan mana-mana syarikat yang boleh pakai, dan mana-mana syarikat yang tidak boleh pakai. Itu kita akan lakukan mengikut kebijaksanaan kementerian menjalankan tugasnya.

Kepada Yang Berhormat Puan Mastika Junaidah yang menyentuh tentang bertambahnya pelancong-pelancong Arab datang ke sini, saya ucapkan tahniah kepada beliau kerana begitu observant, dengan izin, kalau saya tidak lupa, beberapa hari dahulu saya terangkan bahawa sesungguhnya kita telah meningkatkan promosi kita ke Timur Tengah, di Dubai, di Tehran, di Bahrain, di Kuwait, di Jeddah. Kita mengambil bahagian dalam exhibition pelancongan,. kita pergi ke sana dalam sales mission kita, kita membuat promosi melalui sukan golf dan berbagai-bagai lagi. Kita juga melantik banyak agen pelancongan di Timur Tengah untuk mengendalikan pakej-pakej ke sini. Oleh yang demikian, kita dapat hasilnya bertambah baik dari semasa ke semasa.

Masalah yang disebutkan ialah tentang pemandu-pemandu pelancong. Kita akui bahawa bukan ramai pemandu pelancong boleh berbahasa Arab. Saya pun tak tahu sama ada ada atau tidak yang boleh berbahasa Arab kerana mereka yang tahu berbahasa Arab ini tidak mahu jadi pemandu pelancong. Dan bukanlah kementerian

yang memberi jawatan atau melantik pemandu pelancong bekerja dengan kementerian.

Pemandu pelancong bekerja dengan syarikat-syarikat pelancongan dan kita di kementerian beri lesen kepada pemandu pelancong sahaja tetapi mereka bekerja sama ada 'free lance' ataupun dengan syarikat-syarikat pelancongan. Oleh yang demikian, sambil kita sedarkeadaan yang menyulitkan pelancong-pelancong Arab ini, kita menekankan kepada agensi-agensi pelancongaan dan juga persatuan-persatuan pelancongan supaya mengambil pemandu-pemandu pelancong yang boleh berbahasa Arab.

Jadi, kita harap perkara ini dapat ditambah bilangannya dari semasa ke semasa. Sambil itu kita pun menekankan kepada anak-anak yang boleh berbahasa Arab daripada sekolah Arab janganlah lihat industri pelancongan itu dengan serong. Kadang-kadang mereka ini kerana berlatarbelakangkan sedemikian mereka ingat kalau pelancongan sahaja ia menghasilkan anggapan yang tidak 100% sihat, Tuan Yang di-Pertua. Ini pun perlu dikikis juga supaya ia menjadi satu profesion yang dipandang baik dan perlu bagi negara untuk mempertingkatkan ekonomi kita.

Keadaan di Langkawi, memang kita akui pada hari ini jumlah pelancong-pelancong datang daripada luar negeri berkurangan dan kita tahu sesama kita bahawa masalahnya bukan promosi kita kurang, kita membuat promosi dan meningkatkan usaha kita tiap-tiap tahun. Daripada pengalaman, kita tahu apa yang lebih efektif tetapi dalam masa yang sama saya akui bahawa tujuan media-media luar negara, saya rasa berhasil untuk menakut-nakutkan orang datang ke sini.

Sama ada surat khabar, majalah, atau CNNnya memang memberi laporan yang tidak elok sahaja. Dan yang menyedihkan itu surat khabar tempatan pun membesarkan juga. Misalannya wabak di Pulau Pinang beberapa hari demikian rupa sehinggakan banyak pakej pelancongan yang hendak datang kesini daripada Jepun, daripada negara-negara jiran terpaksa ditunda kerana mereka tahu daripada laporan surat khabar kita. Pada hal pada masa itu tidak ada seorang pun yang meninggal cuma ditakutkan sahaja. Berita-berita ini sekali sudah masuk dalam pemikiran pelancongan-pelancong yang

hendak datang itu, mereka tidak dapat membersihkannya dalam masa dua tiga bulan sampai bertahun akan ada dalam pemikiran mereka, jangan datang ke Pulau Pinang kerana ada wabak, takut tahun ini pun ada wabak lagi. Jangan datang ke Malaysia kerana ada jerebu, takut kita sampai sana jerebu ada. Hendak membetulkan perkara yang sudah buruk itu begitu susah, tetapi hendak menggambarkan sesuatu perkara yang buruk itu senang sekali dan dapat sambutan daripada luar negeri begitu baik.

Oleh yang demikian kita menyeru kepada semua pihak media massa, Ahli-ahli Yang Berhormat supaya dapat kita perjuangkan agar laporan yang diberi oleh media-media luar negeri terhadap negara kita ini adalah tidak berat sebelah. Saya baru sahaja pagi ini, berbincang berbual kecil dengan Timbalan Pengerusi Persatuan-persatuan Hotel Malaysia. Beliau bertugas di Langkawi, beliau mengatakan bahawa usaha daripada hotel beliau sendiri menjemput CNN atau wakil-wakilnya datang ke Pulau Langkawai dan lihat Pulau Langkawi dengan mata kepala mereka sendiri. Dan berilah laporan yang tidak berat sebelah, berilah laporan yang ada. Kalau baik katakan baik, kalau tidak baik katakanlah tidak baik. Tetapi pihak CNN mengikut cerita beliau enggan datang.

Oleh yang demikian, itulah masalah yang besar kerana laporan negatif terhadap kita. Dan kalau boleh jangan kita tambah atau jangan kita layan dan kepada pengusaha-pengusaha pelancong di Langkawi juga saya ingin juga menyeru agar mengambil industri pelancongan ini dan memandang hasilnya untuk jangka masa yang panjang, jangan jangka pendek. Kadang-kadang kita tahu bahawa bebas cukai, tetapi harga barangnya tidak banyak berbeza daripada negeri-negeri yang bercukai. Jadi kita lihat bahawa kadang-kadang usaha kerajaan itu, pengusaha-pengusaha pelancong sendiri yang tidak dapat menilainya. Perkara-perkara ini tersebar daripada mulut ke mulut sambil kita akui kementerian menghadapi masalah yang begitu mencabar untuk membuat promosi yang hebat untuk masa-masa yang akan datang bagi industri

pelancongan kita. Kita harap mereka yang terlibat secara terus atau tidak dalam industri ini sama-sama memberikan kerjasama bagi kepentingan kita semua.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahajalah yang dapat saya petik daripada perkara-perkara pokok yang telah dibangkitkan dalam usaha kita membahaskan Rang Undang-undang ini. Saya sekali lagi mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Saudara-saudara, saudari-saudari yang akan bersara daripada menjadi ahli Dewan yang mulia ini, kita juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas segala sumbangan mereka dan kita tahu bahawa negara dan rakyat terhutang budi kepada jasa yang mereka curahkan, segala bentuk pengorbanan dan khidmat yang telah mereka curahkan. Kita doakan agar career mereka dalam apa jua pun yang berbentuk memperjuangkan masa depan negara akan diteruskan dan kita harap mereka akan melalui masa-masa yang lebih gemilang di hari-hari hadapan. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahajalah, saya sekali ucapkan berbilang-bilang terima kasih. Segala perkara yang telah disentuh tadi, kementerian akan mengambil ingatan dan perkara-perkara yang tidak dapat saya ulas, kementerian juga akan mengambil perhatian dan mana-mana yang boleh akan ambil tindakan yang sewajarnya. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN (PINDAAN) 1998

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

9.57 mlm.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 dibaca kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini meminta supaya Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 dipinda dalam Jadual Pertama dengan memasukkan selepas perenggan 12, satu perenggan baru iaitu perenggan 13(1) dan (2) sebagaimana Rang Undang-undang yang dibentangkan.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 menyenaraikan jenis projek-projek dan pelaburan yang boleh dibiayai daripada dana kumpulan wang tersebut. Namun demikian, perbekalan yang sedia ada tidak merangkumi penyaluran peruntukan daripada kumpulan wang tersebut kepada syarikat atau mana-mana entity yang dibenarkan untuk tujuan menyokong atau memulihkan pembangunan Sistem Perbankan dan Kewangan Malaysia. Dewan yang mulia ini telah pun meluluskan penubuhan sebuah syarikat pengurusan aset iaitu Pengurusan Danaharta Nasional Berhad yang bertujuan untuk mengambil alih hutang-hutang tidak berbayar dan aset-aset yang bermasalah daripada sistem perbankan negara sebagai satu langkah memperkukuhkan kewangan negara.

Syarikat tersebut memerlukan sejumlah dana sebagai modal saham berbayar bagi menampung kos penubuhan serta keperluan para operasinya. Seterusnya adalah

amat perlu pindaan-pindaan yang sewajarnya dibuat ke atas Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 bagi membolehkan kerajaan menyalurkan peruntukan daripada Kumpulan Wang Pembangunan kepada Danaharta. Jumlah pemberian dana yang akan disalurkan kepada Pengurusan Danaharta Nasional Berhad akan dibuat secara berperingkat berasaskan keperluan mudah tunai oleh Danaharta. Bagi keperluan seterusnya sumber kewangan Danaharta akan dibuat melalui terbitan bon di pasaran-pasaran modal domestik dan antarabangsa yang akan dijamin oleh kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1996 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sila.

10.04 mlm.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang ini, masa pun sudah pukul 10.00, dan dalam menyokong Rang Undang-undang ini kita dapat menghayati bahawa ianya diperlukan bagi tujuan Pengurusan Danaharta Nasional Berhad, yang mana seperti yang dikatakan Timbalan Menteri tadi adalah untuk dapat memberi kecairan kewangan dan pinjaman kewangan untuk tujuan-tujuan diwujudkan Danaharta Nasional Berhad ini. Cumanya saya juga lagi sekali merasakan bahawa walaupun ini adalah satu tindakan yang dialu-alukan dalam usaha kita untuk memulihkan ekonomi negara tetapi mungkin kita perlu beringat bahawa mencairkan bank-bank yang bermasalah adalah tidak mungkin semudah seperti mana yang kita anggapkan dan mungkin juga dalam kita menanggung masalah bank yang sakit itu dalam jangka masa yang panjang

mungkin akan juga memberikan gejala-gejala yang menjejaskan pemulihan sistem bank yang ada pada jangka masa yang lama.

Walau bagaimanapun, kita merasakan oleh kerana kerajaan tentu sekali telah membuat penyelidikan dan rujukan memikirkan ianya perlu, maka kita menyokong sepenuhnya. Walau bagaimanapun, kita berharap alternatif-alternatif lain seperti corporate debt restructure dan pembangunan pasaran modal, dan promoting capital market development perlulah lebih diberikan pemerhatian daripada kita lebih banyak memberi pergantungan kepada sistem perbankan. Walau bagaimanapun kita berharap bahawa pihak kerajaan dapat juga menjelaskan setakat ini apakah rancangan secara terperinci kriteria-kriteria yang akan digunakan untuk memberikan bantuan kepada Non- Performance Loan (NPL) yang akan diberi bantuan untuk tujuan fungsi Pengurusan Danaharta Nasional Berhad ini. Kerana buat masa ini kita masih lagi tidak mengetahui bagaimanakah sebenarnya kerajaan akan dapat memberi bantuan, apakah kriteria-kriteria kepada NPL-NPL yang akan diberi dan sejauh manakah sebenarnya kerajaan berhasrat untuk menanggung dan mengambil alih hutang-hutang yang tidak dapat dibayar dan sejauh manakah agaknya kerajaan juga akan memberikan bantuan tersebut untuk memulihkan ekonomi negara.

Saya ingin juga mendapat penjelasan daripada pihak kementerian, agar kita dapat mendapat satu penjelasan tentang kita meluluskan Pengurusan Danaharta Nasional Berhad itu, Akta yang telah kita luluskan dan seterusnya kita juga meluluskan pindaan kepada Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, supaya dapat kami Ahli-ahli Dewan Negara menjelaskan kepada rakyat apakah sebenarnya matlamat dan sejauh manakah sebenarnya kita akan memberi sokongan kepada tindakan yang diambil untuk membantu sistem perbankan. Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang ingin saya sampaikan dan saya menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan. Terima kaish.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Ghazi bin Haji Ramli.

10.07 mlm.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang untuk saya mengambil bahagian juga dalam membahaskan Rang Undang-undang yang telah pun disampaikan sebentar tadi iaitu Akta Kumpulan Wang Pembangunan (Pindaan) 1998. Pendek sahaja, hanya dua point yang saya hendak bercakap sebagai tambahan dan sedikit soalan.

Pertamanya mengenai kaedah penilaian dalam usaha hendak menguruskan Danaharta ini. Persoalannya ialah aset-aset yang hendak kita beli ini, kalau dari soal hal jual beli mesti ada willing buyer, willing seller basis, dengan izin. Jadi standard apakah yang akan dipergunakan, apakah ini telah pun ditetapkan ataupun bagaimana? Saya rasa itu sahaja yang saya hendak bangkit dari segi kaedah penilaian ini sebab kita tahu dalam mana-mana kaedah penilaian ini pun to a certain extent, dengan izin, agak subjektif. Jadi, ingin saya tahu, sebab ini kritikal dari segi yang mana hendak ambil, dan yang tak ambil harga berapa, yang mana hendak dibiarkan sahaja, kalau sudah nazak biar sampai mati, yang mana hendak dibaca talkin dan sebagainya. Itu satu.

Keduanya, pendek sahaja, tentang ketelusan, pada jam 10.07 minit saya terpanggil untuk bertanya, apa ertinya 'ketelusan'. Saya catit di sini dalam bahasa Inggeris 'transparent', nampak tetapi tak berapa nampak, ataupun jelas tetapi tak menghairahkan sehingga mengasyikkan, tetapi bila saya sebut 'ghairah' kadang-kadang memang kita dituntut oleh agama Islam supaya kita ghairah dalam sesuatu bidang, khususnya bidang ilmu, ini mengikut ustaz yang memberi ceramah yang saya dengar. Jadi saya terpikat dengan bab 'ghairah' ini, selalu dulu saya ingat 'ghairah' ini yang tak baik, tetapi rupanya 'ghairah' ini ada juga yang baik. Oleh kerana itu saya ingin bercakap tentang bab 'ghairah' ini dari segi, juga bab NPL, harga dan sebagainya. Jadi, decision criteria ini, kaedah undang-undang hendak buat keputusan ini macam mana. Itu sahajalah kegairahan saya untuk mendapat sedikit pengetahuan maklumat dan ilmu.

Saya menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin.

10.09 mlm.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dilihat dari segi Huraian di sini membolehkan kerajaan membuat pemberian dan memberikan pinjaman serta melabur dalam Pengurusan Danaharta. Saya agak keliru dengan apa yang disebutkan di sini dan ingin penjelasan daripada kementerian, kerana apabila kita meluluskan Danaharta apa yang saya difahamkan bahawa Danaharta akan diberikan satu bentuk kumpulan dana yang merupakan pinjaman dan akan dibayar balik oleh Danaharta, tetapi apabila kita meluluskan Bill ini sebagai satu peruntukan yang perlu untuk membolehkan Danaharta dapat menjalankan fungsi-fungsinya dengan sokongan daripada beberapa akta yang kita luluskan, di sini disebutkan bahawa pihak kerajaan membuat pemberian. Pemberian ini saya difahamkan sebagai geran, adakah ini merupakan geran, pemberian yang tidak dituntut kembali dan pemberian yang tidak perlu dibayar kembali, memberikan pinjaman. Kita faham pinjaman merupakan sesuatu yang harus dibayar dengan fedah-faedah yang ditentukan, dan juga melabur dalam bentuk mendapat keuntungan.

Jadi saya juga ingin mendapat penjelasan daripada pihak Kementerian dalam perkara-perkara yang disebutkan dalam huraian ini, dan kita berharap daripada pihak kerajaan supaya kita berhati-hati dalam menjalankan usaha-usaha sungguhpun usaha-usaha kita adalah ke arah pemulihan ekonomi yang merupakan perkara yang amat sulit dan di

dalam urusan-urusan ini sudah tentu sesuatu yang sulit mempunyai risiko yang tinggi dan kita harus menghindarkan risiko yang mungkin akan menjejaskan kedudukan kewangan negara pada keseluruhannya. Saya juga turut menyokong Rang Undang-undang Kumpulan Wang Pembangunan (Pindaan) 1998. Terima kasih.

10.13 mlm.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada tiga orang Ahli Yang Berhormat, Puan Kamalia Ibrahim, Dato' Ghazi dan Puan Hajah Mastika Junaidah kerana telah sama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-Undang ini. Tentang kriteria am penilaian oleh NPL Danaharta berikut ini adalah fakta-fakta yang akan digunakan oleh Danaharta untuk memilih NPL untuk dibeli. Pertama, Danaharta tidak akan memasukkan pinjaman-pinjaman berkaitan kredit penggunaan, ataupun dengan izin, consumer credit dan pinjaman-pinjaman kecil dalam portfolio NPL yang akan diambil alih olehnya. Danaharta hanya akan membeli NPL pada nilai pasaran adil.

Tuan Yang di Pertua, butiran lanjut mengenai garis panduan pembelian NPL akan diumumkan oleh Danaharta apabila telah sedia ada. Secara amnya dalam pembelian NPL Danaharta akan berunding hanya dengan institusi-institusi kewangan, bukanlah berunding dengan syarikat-syarikat atau perseorangan yang menghadapi masalah hutang. Penglibatan peminjam pada peringkat rundingan ini adalah amat sedikit sekali. Bagaimanapun sebaik sahaja pengambilan alih NPL tersebut disempurnakan Danaharta akan berurusan dengan peminjam untuk merangka penyelesaian NPL tersebut. Berdasarkan prinsip ketelusan Danaharta tidak boleh mengambil alih sesuatu aset secara paksa. Setiap perolehan aset mesti dirundingkan antara Danaharta dengan penjual. Urusniaga hanya boleh diteruskan sekiranya penjual bersetuju untuk menjual aset tersebut kepada Danaharta dan kedua-dua belah pihak sama-sama bersetuju dengan terma-terma urusniaga. Dan selepas Danaharta

membeli sesuatu NPL ia akan mengambil alih tempat, dengan izin, step into the shoes of bank penjual serta menerima segala hak dan obligasi bank itu di dalam NPL berkenaan. Ekoran daripada penjualan NPL ini kedudukan peminjam tidak akan berubah kecuali peminjam tersebut kini berhutang dengan Danaharta dan bukan bank peminjam asal. Melainkan keadaan menuntut sebaliknya. Danaharta akan menguruskan pinjaman berdasarkan terma-terma dan syarat-syarat yang sedia ada, kerana Danaharta bukan sebuah bank, kadar faedah yang dikenakan oleh Danaharta akan dihitung dengan merujuk kepada kos dana ataupun cost of funds, dengan izin, atau kadar pinjaman asas ataupun BLR sesebuah institusi kewangan yang berlesen yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia.

Tuan Yang di Pertua, kenapakah ada Kumpulan Wang Dana dari Kumpulan Wang Pembangunan. Izinkan saya mengambil sedikit masa untuk menerangkan tentang latar belakang Rang Undang-Undang ini.

Tuan Yang di Pertua, sumber-sumber Dana untuk Kumpulan Wang Pembangunan adalah daripada, pertama, lebih hasil daripada perbelanjaan mengurus.

Kedua, pinjaman daripada dalam atau luar negeri. Setiap tahun Parlimen akan meluluskan cadangan perbelanjaan pembangunan daripada kumpulan wang mengikut seksyen 4 Akta ini, dan hanya tujuan yang spesifik sahaja yang mengikut seksyen 3 dalam akta itu boleh menggunakan kumpulan wang iaitu Jadual Pertama (First Schedule). Peruntukan yang dikhaskan ialah untuk projek-projek yang melibatkan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan awam. Dana ini boleh digunakan untuk tujuan pelaburan, seperti pelaburan dalam equity dalam syarikat kerajaan, Khazanah, MAS, CTRM dan sebagainya. Dan Dana ini boleh digunakan sebagai pinjaman atau grant bagi projek-projek pembangunan di peringkat negeri dan badan-badan berkanun. Jadi, oleh kerana dalam senarai Jadual Pertama ini agak comprehensive, ia masih tidak merangkumi maksud bagi membantu dan memulihkan sistem perbankan dan

kewangan kita dan ini adalah berpunca daripada keperluan kami dari segi equiti sebagai saham berbayar dan juga kos operasi permulaan bagi Danaharta ini.

Kerajaan telah mengkhaskan peruntukan di bawah perbelanjaan tambahan sebanyak RM2.25 bilion untuk tujuan ini dan RM0.2 bilion adalah untuk tujuan modal berbayar dan RM2 bilion untuk modal praoperasi. Jadi dengan itu, diharapkan jumlah sebanyak RM2 bilion sebagai satu modal permulaan dapatlah dimulakan kerja-kerja misi Danaharta untuk mengambil alih NPL ini. Jadi dijangkakan pada keseluruhannya jumlah sebanyak RM25 bilion diperlukan untuk menjalankan misi ini dan bakinya adalah diperolehi daripada penerbitan bon yang akan dijual di dalam ataupun di luar negeri. Saya percaya dengan secara ringkas saya telah menjawab kebanyakan soalan yang telah dikemukakan dan kalau yang tersilap atau tertinggal saya akan mengambil perhatian dan dengan itu saya ucapkan sebanyak terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Alhamdulillah, kita sudah selamat mengadakan persidangan Majlis Mesyuarat kita ini, dan saya mengambil kesempatan ini mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sangat setia kepada Dewan. Kita juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan

selamat berpisah kepada tiga Ahli Senator yang akan bersara. Selamat berpisah dan saya harap kita bertemu lagi dalam Dewan ini ataupun di tempat-tempat yang lain di masa akan datang. Oleh itu, saya ucap terima kasih atas perkhidmatan mereka di masa yang lampau selama enam tahun.

Dengan ini, saya isytiharkan bahawa kita tangguhkan Majlis Mesyuarat ini kepada suatu hari yang akan ditetapkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 10.22 malam.

